



جامعة إسلام ماليزيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



LAPORAN
TAHUNAN
20
23



جامعة إسلام ملaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

LAPORAN
TAHUNAN

2023



KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2023



2
M/S
PERUTUSAN
MENTERI

3
M/S
TINTA KETUA
PENGARAH
JAKIM

4
M/S
LAGU
JAKIM

5
M/S
LOGO
JAKIM

6
M/S
INFO
Korporat

9
M/S
CARTA
ORGANISASI
JAKIM

10
M/S
PENGURUSAN
TERTINGGI
JAKIM

1
M/S
PENGARAH-
PENGARAH
BAHAGIAN

13
M/S
KEPIMPINAN
DAN TADBIR
URUS

35
M/S
DAWAH DAN
MEDIA

65
M/S
PENDIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN
INSAN

79
M/S
PERUNDANGAN
DAN KEHAKIMAN
SYARIAH

115
M/S
SOSIO
EKONOMI
UMMAH

159
M/S
INSTITUSI
MASJID

PERUTUSAN MENTERI

JABATAN PERDANA MENTERI HAL EH WAL AGAMA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Segala puji hanya kepada Allah SWT yang telah memberi kita kekuatan dan pedoman untuk terus melaksanakan amanah dalam pengurusan hal ehwal Islam.

Alhamdulillah, dengan rahmat dan bimbingan-Nya, buku Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Tahun 2023 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Laporan Tahunan JAKIM bagi tahun 2023. Laporan ini mencerminkan komitmen pihak JAKIM dalam memajukan agama Islam dan memperkasakan institusi Islam di Malaysia.

Selaku agensi tonggak dalam pengurusan hal ehwal Islam, JAKIM terus menggembungkan tenaga untuk memastikan pelbagai inisiatif dan program bagi mencapai agenda Membangun Malaysia Madani dan Pelan Transformasi Al-Falah. Dalam menghadapi pelbagai cabaran dan dinamika yang berubah, JAKIM sentiasa berusaha untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan harapan rakyat.

Laporan tahunan ini adalah satu penanda aras yang penting untuk menilai pencapaian dan prestasi JAKIM sepanjang tahun yang berlalu. Ia juga menjadi panduan untuk memperbaiki kelemahan dan merancang langkah-langkah strategik yang lebih efektif pada masa akan datang. Pada masa sama, pandangan serta maklum balas daripada semua pihak amat diperlukan agar terus meningkatkan perkhidmatan yang berkualiti.



YB Senator Dato' Setia
Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Hal Ehwal Agama

Kepada semua warga JAKIM, harapan saya agar teruslah berusaha dengan tekad dan semangat yang tinggi untuk memajukan agama Islam dan kebajikan ummah. Seterusnya, menjayakan Pelan Transformasi Al-Falah yang telah digubal selaras dengan visi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menjadi peneraju pengurusan hal ehwal Islam dan kesejahteraan Malaysia Madani.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan laporan ini dan juga semua pihak yang terus memberikan sokongan kepada JAKIM. Semoga usaha kita bersama dapat memperkuuhkan peranan institusi Islam di Malaysia.

Terima kasih.

TINTA

KETUA PENGARAH

JABATAN KEMAJUAN ISLAM

MALAYSIA (JAKIM)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
 الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف
 الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Assalammualaikum Warahmatullahi
 Wabarakatuh...

Alhamdulilah, bersyukur ke hadrat Illahi di atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita masih lagi diberi kesempatan dalam meneruskan perjuangan memartabatkan syiar Islam menerusi pemantapan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada sidang redaksi atas kejayaan penerbitan Buku Laporan Tahunan JAKIM pada kali ini.

Laporan tahunan ini adalah satu gambaran holistik mengenai pencapaian dan usaha JAKIM dalam memenuhi tanggungjawabnya untuk memajukan agama Islam di Malaysia. Dalam tahun yang mencabar ini, JAKIM telah menghadapi pelbagai cabaran dan mencapai pelbagai kejayaan. Dengan sokongan daripada pihak berkepentingan, JAKIM berhasrat untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memastikan kebajikan umat Islam di negara ini terpelihara. Saya berharap laporan ini memberi gambaran yang jelas dan memberi inspirasi kepada semua pihak untuk bersama-sama membina masyarakat yang harmoni dan bertanggungjawab.


Seiring dengan sumbangan JAKIM dalam pelbagai bidang dan lapangan di Malaysia, Saya yakin pencapaian ini bukan hanya kejayaan bagi pihak pengurusan tertinggi JAKIM sahaja, tetapi kerjasama dan komitmen semua agensi-agensi agama Islam seluruhnya. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah buat semua warga JAKIM.



**Datin Paduka Hajah Hakimah binti
Mohd Yusoff**

Ketua Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Akhir kata, saya menyeru kepada warga JAKIM agar sentiasa mengambil peluang ke arah yang lebih baik dan menjaga integriti sebagai penjawat awam dengan menjaga nama baik dan mendukung misi dan visi jabatan serta sentiasa menambah nilai mutu kerja secara produktif dan inovatif.



LAGU JAKIM

Jabatan Kemajuan Islam
Obor Yang Menerangi Alam
Memelihara Kesucian Agama
Jakim Lambang Ummah Sejahtera

Pertahan Kemurnian Akidah
Melaksana Tuntutan Syariah
Memelihara Akhlak Yang Mulia
Bela Negara Yang Tercinta

Quran Dan Sunnah Jadikan Pedoman
Membina Ummah Sempurna
Tinggikan Ilmu Dan Penghayatan
Penuh Hikmah Dan Bijaksana

Bergerak Bersepadu Sama
Beramal Ikhlas Dengan Setia
Beristiqamah Asas Kerja Kita
Redha Allah Harapan Semua


Jabatan Kemajuan Islam
Obor Yang Menerangi Alam
Memelihara Kesucian Agama
Jakim Lambang Ummah Sejahtera

Pertahan Kemurnian Akidah
Melaksana Tuntutan Syariah
Memelihara Akhlak Yang Mulia
Bela Negara Yang Tercinta

Quran Dan Sunnah Jadikan Pedoman
Membina Ummah Sempurna
Tinggikan Ilmu Dan Penghayatan
Penuh Hikmah Dan Bijaksana

Bergerak Bersepadu Sama
Beramal Ikhlas Dengan Setia
Beristiqamah Asas Kerja Kita
Redha Allah Harapan Semua

LOGO JAKIM



BULAN DAN BINTANG

Ia merupakan ikon agama Islam

Warna kuning menyatakan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu menaungi dan menjaga hal ehwal agama Islam. Bintang 14 mewakili setiap negeri di Malaysia.

HURUF ALIF





JAKIM merupakan badan utama yang menerajui dalam membina ketamadunan ummah yang unggul di Malaysia dan dunia Islam. Huruf Alif juga merujuk kepada ajaran Islam sebagai Ad-Din dalam pentadbiran dan pengurusan JAKIM yang profesional serta efisyen.

BENTUK TIPOGRAFI JAKIM

Bentuk tipografi 'JAKIM' adalah diambil daripada bentuk huruf yang tebal. Bentuk taip ini mempunyai unsur-unsur penegasan, cekap dan berkesan. Ini amat bertepatan dengan visi JAKIM iaitu mewujudkan pengurusan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan.

KONSEP REKA BENTUK LOGO

Reka bentuk logo secara keseluruhannya melambangkan transformasi yang dibentuk oleh JAKIM adalah seiring dengan visi, misi, objektif dan fungsi jabatan ini sebagai peneraju dalam membina ketamadunan ummah yang unggul. Reka bentuk logo adalah berdasarkan reka bentuk struktur menara masjid yang diolah melalui tulisan khat kufi.



Fungsi JAKIM

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan serta urus setia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI), maka JAKIM melaksanakan tiga fungsi utama berikut :

FUNGSI 1

Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak

FUNGSI 2

Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam

FUNGSI 3

Penyelarasan Pentadbiran Islam

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri akan berperanan sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan ummah dengan fungsi-fungsi seperti berikut:

1

Bertanggungjawab seperti perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di negara ini;

2

Merangka dasar bagi pembangunan hal ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam;

3

Membantu menggubal dan menyeragam undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaras pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari masa ke semasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam;

4

Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara;

5

Menyelaras mekanisma penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara;

6

Membuat penilaian program-program pembangunan hal ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini;

7

Bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam; dan

8

Melaksanakan usaha-usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa


Piagam PELANGGAN

Jabatan ini berjanji akan melaksanakan tanggungjawab dan memainkan peranan sebagai "agensi pusat" yang unggul dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti dalam pengurusan hal ehwal Islam. Ia dilaksanakan melalui usaha penyelaras dan peningkatan mutu perkhidmatan dalam bidang dakwah dan pembangunan insan, penyelidikan dan pembangunan, perundangan Islam, akidah dan aliran pemikiran, pengurusan halal, pengurusan siasah syariah, kewangan dan ekonomi serta tarbiyyah dan tadribiyyah Islamiah dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:

- 1** Menyediakan draf undang-undang syariah dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan selepas semua dasar diputuskan.
- 2** Menyediakan hasil penyelidikan dalam bidang akidah, syariah, falak, muamalat, al-Quran dan al-Hadis dalam tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan hingga selewat-lewatnya 12 bulan selepas arahan diterima bagi mendapatkan pandangan hukum dan menyelesaikan masalah masyarakat.
- 3** Memberi maklumbalas terhadap jemputan penceramah, pembentangan kertas kerja, forum, khidmat pakar perundingan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas permohonan diterima.
- 4** Menerbitkan rancangan Forum Perdana Ehwal Islam seminggu sekali di saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM).
- 5** Mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal bagi permohonan yang memenuhi syarat dalam tempoh 30 hari bekerja selepas permohonan diterima.
- 6** Memberi maklumbalas kepada pengguna Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) dengan cepat dan tepat dalam tempoh satu (1) hari bekerja bagi akuan penerimaan dan tiga (3) hari bekerja bagi pertanyaan dan aduan.
- 7** Memastikan semua aduan yang bermaklumat lengkap diurustadbir mengikut prosedur operasi standard dan maklumbalas dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja.
- 8** Memastikan urusan di kaunter perkhidmatan pelanggan utama memenuhi kehendak pelanggan dalam tempoh lima (5) minit.
- 9** Memastikan perkhidmatan Portal JAKIM beroperasi pada kadar 99.5 peratus setahun.

Carta
ORGANISASI

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)



Pengurusan TERTINGGI



**Datin Paduka Hajah Hakimah binti
Mohd Yusoff**

Ketua Pengarah



**Dato' Dr. Sirajuddin
bin Suhaimee**
Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar)



Dr. Ruslan bin Said
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)



**Dato' Haji Zamani Ahmad
bin Mansor**
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)


Pengarah-Pengarah BAHAGIAN



Dr. Muhammad Yamin bin Ismail
Pengarah Kanan
Bahagian Penyelidikan



Puan Nor Safina binti Zainal
Pengarah Kanan
Institut Latihan Islam Malaysia



Kosong
Pengarah Kanan
Bahagian Dasar Kemajuan Islam



**Tuan Haji Mohamad Kori
bin Jusoh**
Pengarah Kanan
Bahagian Dakwah



**Encik Nik Mohd Ridzuan
bin Nik Yaacob**
Pengarah
Bahagian Kewangan



Cik Kamariyah binti Mokhtar
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



Puan Roslina binti Shafawi
Penasihat Undang-Undang
Bahagian Undang-Undang



**Tuan Haji Mohd Norzhan bin
Abd Ghani**
Pengarah
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti



**Tuan Haji Mohamad Zamri bin
Mohamed Shapik**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Halal



**Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd
Hashim**
Pengarah
Darul Quran



Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan
Pengarah
Institut Kemahiran Islam Malaysia
Sarawak (IKMAS)



Tuan Haji Marzuki bin Hassan
Pengarah
Sekretariat Majlis Halal Malaysia

Pengarah- Pengarah BAHAGIAN





KEPIMPINAN DAN TADBIR URUS

CATATAN

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan khidmat nasihat dalam sistem pengurusan pentadbiran JAKIM untuk memastikan aktiviti di Ibu Pejabat JAKIM dapat dilaksanakan secara berterusan. BKP terdiri daripada dua (2) cawangan utama iaitu Cawangan Pentadbiran dan Fasiliti dan Cawangan Pengurusan Fail dan Stor.

Cawangan Pentadbiran dan Fasiliti merupakan cawangan yang mengendalikan urusan melibatkan pentadbiran am, keselamatan jabatan, pengurusan kenderaan, pengurusan

fasiliti dan pengurusan kualiti. Cawangan ini terdiri daripada dua seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran dan Seksyen Fasiliti.

Cawangan Pengurusan Aset dan Fail merupakan cawangan yang mengendalikan urusan melibatkan pengurusan aset dan stor JAKIM serta Pengurusan Dokumen Rasmi Kerajaan, Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan, pengendalian *Digital Document Management System* (DDMS) dan pengendalian majlis rasmi jabatan. Cawangan ini terdiri daripada dua Seksyen utama iaitu Seksyen Pengurusan Aset dan Stor; dan Seksyen Pengurusan Fail dan Keurusetiaan.

Aktiviti dan program besar yang dilaksanakan oleh BKP sepanjang tahun 2023

BIL.	AKTIVITI	PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
1.	Pengauditan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri (DIY) dari Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Tarikh : 29 hingga 31 Mac 2023 Tempat : JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya (KIP)	JAKIM telah menerima Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri kategori cemerlang pada 1 Jun 2023.
2.	Kursus Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 (<i>Staff Awareness Program</i>)	Tarikh : 5 dan 6 Julai 2023 Tempat : Dewan Jamuan Syura B, Aras 2, Blok B, KIP	Memupuk kesedaran warga kerja JAKIM bagi menyokong hasrat Jabatan ke arah pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 menjelang tahun 2025.
3.	Majlis Prapelancaran Pelaksanaan MS ISO 9001:2015	Tarikh : 7 Julai 2023 Tempat : Lobi Utama, Blok A, JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya (KIP)	Pemakluman dan hebahan kepada seluruh warga kerja JAKIM berkenaan gerak kerja Jabatan ke arah mendapatkan pengiktirafan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 menjelang tahun 2025.
4.	Kursus Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti Berdasarkan MS ISO 9001:2015	Tarikh : 1 dan 2 Ogos 2023 Tempat : Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin	Mempersiapkan barisan juruaudit dalaman JAKIM dengan ilmu pengetahuan berkenaan audit sistem pengurusan kualiti bagi merealisasikan hasrat Jabatan ke arah pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 menjelang tahun 2025.
5.	Lawatan Penanda Aras EKSA dari Pusat Kesihatan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah	Tarikh : 15 September 2023 Tempat : JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya (KIP)	Pembudayaan EKSA dalam kalangan warga JAKIM dan jalinan kerjasama strategik bersama warga kerja Pusat Kesihatan UUM.
6.	Penyerahan Sijil EKSA oleh wakil Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) kepada Ketua Pengarah JAKIM dalam Perhimpunan Agensi-agensi Di Bawah YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	Tarikh : 11 Oktober 2023 Tempat : Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	JAKIM menerima Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri kategori cemerlang yang diserahkan oleh Puan Haslina binti Ahmad, Timbalan Pengarah, Bahagian Perundingan Pengurusan 2, MAMPU.

BIL.	AKTIVITI	PELAKSANAAN	PENCAPAIAN
7.	Verifikasi Stor Utama Ibu Pejabat JAKIM bagi tahun 2023	Tarikh : 26 Oktober 2023 Tempat : Stor Utama BKP, Aras 7, Blok B, KIP	Verifikasi Stor bagi Stor Utama Ibu Pejabat selesai dilaksanakan 100% pada 26 Oktober 2023.
8.	Latihan Pengungsian Bangunan (<i>Fire Drill</i>)	Tarikh : 13 Disember 2023 Tempat : Blok A dan B KIP Penglibatan : Seluruh warga JAKIM di Blok A dan B KIP Kerjasama : Tabung Haji Universal Builders (THUB) Sdn. Bhd., Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) Putrajaya	Meningkatkan tahap kesiapsiagaan warga JAKIM bagi menghadapi situasi kecemasan sekiranya berlaku sebarang insiden dalam bangunan.

Aktiviti 1: Pengauditan Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri (DIY) dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 29 hingga 31 Mac 2023.



Aktiviti 2: Kursus Kesedaran Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 (*Staff Awareness Program*) pada 5 dan 6 Julai 2023.



Aktiviti 3: Majlis Prapelancaran Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 pada 7 Julai 2023.



Aktiviti 4: Kursus Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan MS ISO 9001:2015 pada 1 dan 2 Ogos 2023.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Aktiviti 5: Lawatan Penanda Aras EKSA dari Pusat Kesihatan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah pada 15 September 2023.



Aktiviti 6: Penyerahan Sijil EKSA oleh wakil Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) kepada Ketua Pengarah JAKIM dalam Perhimpunan Agensi-agensi Di Bawah YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 11 Oktober 2023.



Aktiviti 7: Verifikasi Stor Utama Ibu Pejabat JAKIM bagi tahun 2023 pada 26 Oktober 2023.



Aktiviti 8: Latihan Pengungsi Bangunan (Fire Drill) pada 13 Disember 2023.



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

1. MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) AGENSI AGAMA DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

DISEMPURNAKAN OLEH :

YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Mokhtar di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

TARIKH : 16 Mei 2023 (Selasa)

TEMPAT : Auditorium Kompleks Islam Putrajaya, JAKIM

BILANGAN PENERIMA : 302 orang

TUJUAN : Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai-pegawai yang cemerlang di bawah agensi agama di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada tahun 2022.

AGENSI TERLIBAT : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) dan Jabatan Pendakwaan Syariah WP (JAPENS).



Perasmian oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Mokhtar



Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Mokhtar

2. MAJLIS ANUGERAH KETUA PENGARAH (AKP) JAKIM

DISEMPURNAKAN OLEH :

YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

TARIKH : 14 Julai 2023 (Jumaat)

TEMPAT : Ruang Aktiviti, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM

BILANGAN PENERIMA : 101 orang

TUJUAN : Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai-pegawai yang cemerlang di JAKIM pada tahun 2022.



Perasmian oleh YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff



Penyampaian Sijil Anugerah Ketua Pengarah JAKIM (AKP) 2022



Ketua Pengarah dan jemputan bersama penerima-penerima Anugerah Ketua Pengarah tahun 2022

**3. MAJLIS SANJUNGAN BUDI JAKIM TAHUN 2023 -
LAMBAIAN KASIH SERIBU KENANGAN**

DISEMPURNAKAN OLEH :

YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (JAKIM)

TARIKH : 12 Oktober 2023 (Khamis)

TEMPAT : Putrajaya International Convention Centre (PICC)

BILANGAN PESARA : 30 orang

TUJUAN : Meraikan jasa dan khidmat bakti 30 orang pegawai JAKIM yang telah bersara dan bakal bersara pada tahun 2023.



Perasmian oleh YBhg. Datin Paduka Ketua Pengarah JAKIM



YBhg. Datin Paduka Ketua Pengarah JAKIM dan jemputan bersama pesara



Penyampaian Sijil Penghargaan JAKIM kepada para pesara



4. HARI TERBUKA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

TARIKH : 25 – 26 Oktober 2023

TEMPAT : Ruang Legar Aras 6, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM

BILANGAN PESERTA : 302 orang pegawai dari ibu pejabat dan luar ibu pejabat JAKIM

TUJUAN : Program ini memberi pendedahan kepada warga JAKIM mengenai pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam.

AKTIVITI : (i) Semakan Buku Rekod Perkhidmatan; (ii) Taklimat Khas Sumber Manusia; (iii) Sesi *hands on* pengurusan HRMIS; (iv) Sesi rundingan prestasi dan tata tertib; dan (v) Kaunter bimbangan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB).



Sesi *hands on* pengurusan dan kemaskini HRMIS



Sesi rundingan urusan perkhidmatan bersama pegawai BPSM



Sesi taklimat perkhidmatan kepada pegawai-pegawai di setiap Bahagian.



Sesi cabutan bertuah Hari Terbuka BPSM

5. PROGRAM KESEDARAN MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL ANJURAN AKRAB DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

TARIKH : 27 Oktober 2023 (Jumaat)

TEMPAT : Bilik Seminar Al-Baiyyinah, Aras 5, Kompleks Islam Putrajaya, JAKIM

BILANGAN PESERTA : 96 orang

TUJUAN : Memberi pengetahuan mengenai salah laku gangguan seksual di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan tata tertib) dan lain-lain yang berkaitan serta kesedaran bagi pencegahan kes gangguan seksual di tempat kerja.

PANEL PENCERAMAH :

1. Puan Puspamalar a/p Govindaraju
Penasihat Undang-Undang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Tajuk: Penerangan Akta Mengenai Anti-gangguan Seksual 2022 (Akta 840)
2. Puan Thamarai a/p M Munisamy
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Tajuk: Advokasi Anti-gangguan Seksual
3. Puan Aireen binti Ahmad Shahuddin
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
Tajuk: Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja



Sesi ceramah oleh penceramah jemputan 5.

6. SEMINAR KESEJAHTERAAN EMOSI DI TEMPAT KERJA ANJURAN AKRAB DENGAN KERJASAMA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

TARIKH : 07 November 2023 (Selasa)

TEMPAT : Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tunku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

KERJASAMA STRATEGIK : Unit integriti

BILANGAN PESERTA : 131 Orang

TUJUAN : Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran peserta terhadap kepentingan kesejahteraan emosi dalam menyumbang ke arah peningkatan kualiti diri bagi menjamin penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien.

PANEL PEMBENTANG :

1. Dr. Azlina binti Mohd Khir
Pengarah Kanan daripada Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Universiti Putra Malaysia (UPM)
Tajuk: Terokai Personaliti ke Arah Kesejahteraan Emosi
2. Encik Syed Mohd Fauzi Said Hussin
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tajuk: Bebaskan Ekonomi dari Beban Kewangan



YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) bersama para peserta

BAHAGIAN KEWANGAN

Pengurusan Kewangan adalah salah satu aspek penting dalam tadbir urus sesebuah Jabatan bagi memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, Bahagian Kewangan melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2023 telah berjaya memastikan peruntukan yang telah diluluskan dibelanjakan secara berhemah, telus dan menumpu pada *core business* dan sumbangsan Jabatan kepada keutamaan nasional.

Bahagian Kewangan berperanan sebagai:-

- i. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau peruntukan/perbelanjaan mengurus;
- ii. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau peruntukan/perbelanjaan pembangunan;
- iii. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan;
- iv. Merancang, mengurus, menyelaras dan memantau peruntukan penyelenggaraan Jabatan;
- v. Menyedia dan mengurus maklumat kewangan dan perakaunan;
- vi. Mengurus dan menyelaras pelaksanaan perolehan Jabatan;

- vii. Mengurus, menyelaras dan memantau kutipan hasil dan wang amanah;
- viii. Mengurus dan menjawab teguran audit; dan
- ix. Melaksanakan naziran pengurusan kewangan dan perakaunan bagi PTJ/Bahagian dan agensi-agensi yang menerima peruntukan Jabatan.

Terdapat sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Jabatan yang mengendalikan Pengurusan Kewangan seperti berikut:

- i. JAKIM Cawangan Sabah;
- ii. JAKIM Cawangan Sarawak;
- iii. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Utama Bangi, Selangor;
- iv. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Jelebu, Negeri Sembilan;
- v. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Besut, Terengganu;
- vi. Masjid Negara, Kuala Lumpur;
- vii. Masjid Putra, Putrajaya;
- viii. Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya; dan
- ix. Darul Quran Kuala Kubu Bharu, Selangor.

PENGURUSAN BELANJAWAN TAHUN 2023

JAKIM telah menerima sebanyak **RM1,005,110,941.00** bagi tujuan **Belanjawan tahun 2023**. Di bawah **Belanja Mengurus**, JAKIM telah menerima peruntukan berjumlah **RM938,332,400.00** dan **RM66,778,541.00** bagi **Belanja Pembangunan**.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS JAKIM TAHUN 2023

Prestasi Perbelanjaan Mengurus JAKIM Tahun 2023 sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:

DASAR	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS BELANJA (%)
Dasar Sedia Ada	895,782,400.00	885,404,234.58	10,378,165.42	98.84
One Off Luar Negara	100,000.00	100,000.00	0.00	100
Elaun Kakitangan Kontrak	42,000,000.00	43,069,561.82	(1,069,561.82)	(2.55)
Perolehan Aset/Harta Modal/Kenderaan	450,000.00	415,341.50	34,658.50	92.30
Jumlah	938,332,400.00	928,989,137.90	9,343,262.10	99.00

* Maklumat prestasi perbelanjaan sehingga 31 Disember 2023

PENGURUSAN PEROLEHAN TAHUN 2023

Unit Perolehan Bahagian Kewangan bertanggungjawab dalam memastikan semua urusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Secara keseluruhan, sepanjang tempoh 2023, JAKIM telah melaksanakan sebanyak 66 perolehan yang melibatkan jumlah besar perbelanjaan adalah RM59,990,865.13. Perincian lanjut perolehan adalah seperti berikut:

KAEDAH PEROLEHAN	BILANGAN PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
Tender	26	51,406,083.62
Sebutharga	40	8,584,781.51
Jumlah	66	59,990,865.13

Perincian Perolehan Secara Tender

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan	Belum Ditender	Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima	Status Pelaksanaan Perancangan Tender								Bil. Kontrak yang belum ditandatangan melebihi 4 Bulan	Pindaan Lain-lain (Nyatakan: cth-Batal/Gugur, Baru)		
				Telah Ditender											
				Telah Dikeluarkan Surat Setuju Terima				Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera		Jumlah Besar			
				Jumlah Nilai Perolehan		Jumlah Nilai Perolehan		Jumlah Nilai Perolehan		Jumlah Nilai Perolehan					
				Bil	Bil	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	Bil	Catatan	
Bekalan		0	0	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0		
Perkhidmatan Bukan Perundingan	34	0	5	26	51,406,083.62	0	0.00	26	51,406,083.62	0	0.00	0	3	Gugur : 3 (1 Tangguh - Laksana Tahun 2024, 1 Batal - Pindah Waran Kpd JKR, 1 retender)	
Perkhidmatan Perundingan Fizikal	0	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0		
Perkhidmatan Perundingan Bukan Fizikal	0	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0		
Kejayaan	0	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0		
Jumlah	34	0	5	26	51,406,083.62	0	0.00	26	51,406,083.62	0	0.00	0	3		

Perincian Perolehan Secara Sebut Tender

Jenis Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan	Belum Dipelawa	Belum Dikeluarkan Surat Setuju Terima	Status Pelaksanaan Perancangan Sebut Harga								Bil. Kontrak yang belum ditandatangan melebihi 4 Bulan	Pindaan Lain-lain (Nyatakan: cth-Batal/Gugur, Baru)		
				Telah Dipelawa											
				Telah Dikeluarkan Surat Setuju Terima				Syarikat Bumiputera		Syarikat Bukan Bumiputera		Jumlah Besar			
				Jumlah Nilai Perolehan		Jumlah Nilai Perolehan		Jumlah Nilai Perolehan		Jumlah Nilai Perolehan					
				Bil	Bil	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	Bil	Catatan	
Bekalan (Kelulusan PPT Asal)	14	0	0	12	2,527,185.19	1	340,027.80	13	2,867,212.99	0	2	Gugur : 2 (1 tukar kaedah kepada secara LO, 1 tangguh)			
Bekalan (Permohonan Baharu : Tambahan)	4	0	0	3	514,868.56	0	0.00	3	514,868.56	0	1	Gugur : 1 (tukar kaedah perolehan bawah PK7)			
Perkhidmatan Bukan Perundingan (Kelulusan Asal PPT)	28	0	0	17	3,421,595.16	3	661,636.80	20	4,083,231.96	0	7	Gugur : 7 (3 Tangguh - Laksana Tahun 2024, 3 Tukar Kaedah - Secara LO, 1 Batal - Terdapat Beberapa Perkara Belum Dimuktamadkan)			
Perkhidmatan Bukan Perundingan (Permohonan Baharu : Tambahan)	6	0	2	3	900,468.00	1	219,000.00	4	1,119,468.00	0	0	Baru : 5			
Perkhidmatan Perundingan Fizikal	0	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	0				
Perkhidmatan Perundingan Bukan Fizikal	1	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	1	Gugur : 1 (1 pindah waran peruntukan kepada JKR)			
Kejayaan	1	0	0	0	0.00	0	0.00	0	0.00	0	1	Gugur : 1 (1 pindah waran peruntukan kepada JKR)			
Jumlah	54	0	2	35	7,364,116.91	5	1,220,664.60	40	8,584,781.51	0	12	54			

PENGURUSAN AKAUN AMANAH TAHUN 2023

Akaun Amanah di bawah JAKIM ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Jawatankuasa bagi kesemua akaun amanah tersebut adalah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri. Kedudukan baki akaun-akaun amanah tersebut sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti mana berikut:

Akaun Amanah Awam	Baki Awal	Tempoh Semasa			Kemaskini		Baki Kedudukan Dana Amanah	Jumlah Pelaburan Kemaskini*
		Tanggungan Tambah	Urusniaga Debit	Urusniaga Kredit	Tanggungan Tambah	Urusniaga		
		(Kurang)	Dt	Kt	(Kurang)	(DT)/Kt		
		RM	RM	RM	RM	RM		
		(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
Akaun Amanah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	8,955,434.60	176,834.00	77,351.86	240,317.11	176,834.00	9,295,233.85	9,118,399.85	1,250,000.00
Akaun Amanah Masjid Negara	1,057,221.55	0.00	114,518.00	118,025.00	0.00	1,060,728.55	1,060,728.55	1,503,000.00
Akaun Amanah Masjid Putra, Putrajaya	2,735,669.29	0.00	169,809.00	116,896.00	0.00	0.00	2,732,238.48	500,000.00
Akaun Amanah Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya	1,153,759.67	0.00	2,030,327.96	2,288,167.23	0.00	257,839.27	1,411,598.94	200,000.00
Akaun Amanah Darul Quran	1,458,841.41	0.00	585,788.65	664,629.69	0.00	-78,841.04	1,537,682.45	140,000.00
Jumlah Keseluruhan	15,360,926.52	176,834.00	2,977,795.47	3,428,035.03	176,834.00	10,534,960.63	15,860,648.27	3,593,000.00

PEMATUHAN KEPADA PERATURAN KEWANGAN

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab dalam memastikan pengurusan kewangan JAKIM berada pada tahap yang cemerlang melalui amalan tadbir urus yang baik. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun telah diadakan sebanyak tiga kali sepanjang tahun 2023 mengikut suku tahun bagi tujuan memantau dan menilai prestasi perbelanjaan Jabatan dan mengenalpasti tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memastikan kelancaran pengurusan kewangan.

Inspektorat Pengurusan Kewangan

Unit Bayaran dan Akaun Bahagian Kewangan telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Naziran Pengurusan Kewangan ke atas PTJ JAKIM. Bagi tahun 2023, dua (2) PTJ telah dipilih iaitu **Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Besut** pada 08 Mac 2023 hingga 09 Mac 2023 dan **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Cawangan Sarawak** pada 06 September hingga 08 September 2023.

Penambahbaikan dan Penyediaan Peraturan, Garis Panduan dan Arahan Kewangan

Bagi meningkatkan kemahiran dan pemahaman di kalangan pegawai yang terlibat di dalam pengurusan kewangan, beberapa penambahbaikan dan penyediaan peraturan, Garis Panduan dan Arahan Kewangan telah dikeluarkan seperti berikut:

- Arahan Kewangan Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023 - Garis Panduan Pendahuluan Diri Bagi Bayaran Elaun Sewa Hotel dan Elaun Makan; dan
- Arahan Kewangan Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2023 - Garis Panduan Kadar dan Syarat Bayaran Saguhati Penceramah dan Fasilitator Sambilan.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN JAKIM DI BAWAH ROLLING PLAN KEDUA TAHUN 2023 (RP2 2023) RMKe-12

Peruntukan Pembangunan (DE) bagi projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) diaghikan melalui *Rolling Plan* (RP). Pada tahun 2023, peruntukan pembangunan diaghikan di bawah *Rolling Plan* Ketiga (RP3).

JAKIM melalui RP 3 Tahun 2023 telah **diluluskan peruntukan untuk empat belas (14) projek sambungan** dengan peruntukan asal sebanyak **RM52,489,300.00** dan telah **dipinda kepada RM66,778,541.00** berdasarkan **keperluan semasa pelaksanaan projek**.

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JAKIM TAHUN 2023

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan JAKIM Tahun 2023 berdasarkan Laporan A499 - **Penyata Perbelanjaan Pembangunan sehingga 31 Disember 2023** adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
1	PEMBINAAN ILAJ HOME DI MUKIM BANDAR KUALA LUMPUR	1,000,000.00	1,899,181.00	1,878,881.78	100.00
2	PEMBINAAN MASJID KAMPUNG SUNGAI BEDAUN, LABUAN	200,000.00	1,800.00	1,800.00	100.00
3	MEMBAIK PULIH DAN MENAIK TARAF MASJID PUTRA	500,000.00	113,380.00	113,380.00	100.00
4	PEMBINAAN BLOK ASRAMA DAN BLOK AKADEMIK DARUL QURAN JAKIM, KUALA KUBU BHARU	10,000,000.00	11,840,450.00	11,840,450.00	100.00
5	PEMBINAAN FASA KEDUA INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM SARAWAK	10,000,000.00	14,194,330.00	14,194,330.00	100.00
6	MENAIK TARAF KUBAH UTAMA DAN BUMBUNG DI MASJID NEGARA	5,000,000.00	6,644,300.00	6,644,300.00	100.00
7	PEMBINAAN FASA KEDUA PUSAT LATIHAN LAWAS, SARAWAK	10,000,000.00	11,567,960.00	11,567,960.00	100.00
8	PEMBINAAN INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS) KENINGAU, SABAH	10,000,000.00	14,638,000.00	14,638,000.00	100.00
9	PEMBINAAN GUDANG EKSIBIT HALAL, JAKIM	1,300,000.00	1,537,878.00	1,537,878.00	100.00

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	% BELANJA
10	MENAIK TARAF INSTITUT LATIHAN ISLAM LAHAD DATU,SABAH KIM	200,000.00	100.00	0.00	0.00
11	NAIK TARAF SISTEM PENGURUSAN PERKAHWINAN ISLAM MALAYSIA (SPPIM)	4,589,300.00	3,669,300.00	3,646,548.40	99.38
12	PEMBANGUNAN PUSAT DATA (SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU HALAL)	100.00	224,400.00	224,400.00	100.00
13	PROGRAM PENGANTARABANGSAAN PENGETAHUAN PENSIJILAN HALAL MALAYSIA	400,000.00	447,366.00	447,365.91	100.00
14	PEMBANGUNAN DASAR HALAL NEGARA 2035 DAN PELAN TINDAKAN 2030	200,000.00	100.00	0.00	0.00
JUMLAH		52,489,300.00	66,778,541.00	66,735,289.62	99.94

PROJEK SIAP TAHUN 2023

Bagi tahun 2023, JAKIM telah berjaya menyiapkan sebanyak dua (2) projek iaitu:-

1. Projek Pembinaan Ilaj Home, Mukim Bandar, Kuala Lumpur pada 27 Februari 2023; dan
2. Projek Menaik Taraf Kubah Utama Dan Bumbung Di Masjid Negara, Kuala Lumpur pada 21 Mac 2023

AKTIVITI/ PROGRAM/ MAJLIS PADA TAHUN 2023

1. Majlis Penyerahan Projek Bagi Projek Menyiapkan Baki Kerja Ilaj Home Di Mukim Bandar, Kuala Lumpur oleh Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM serta disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan & Pembangunan (TKSU KP) dan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 27 Februari 2023.



2. Lawatan Kerja Rasmi oleh YBhg Datin Paduka Hajjah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke Projek Pembinaan Fasa Kedua Institut Kemahiran Islam Sarawak pada 20 Mac 2023.



3. Lawatan Kerja oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) (TKSU KP) YBhg Datuk Awang Alik bin Jeman, Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Projek Naiktaraf dan Runtuhan Cerun di ILIM Lahad Datu pada 20 Mac 2023



4. Majlis Penyerahan Projek Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Masjid Negara, Kuala Lumpur (Fasa 3) oleh Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kepada Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan (TKPP) JAKIM pada 21 Mac 2023.



5. Majlis Pecah Tanah Bagi Projek Pembinaan Fasa Ketiga Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Keningau (IPDAS) oleh YB Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 13 September 2023.



6. Lawatan Kerja Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) YBrs. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Apandi ke Projek Pembinaan Gudang Eksibit Halal, JAKIM pada 21 September 2023.



7. Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Cerun dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pusat Latihan Islam Kundasang, Sabah oleh Pasukan Projek Khas 2 JKR Malaysia kepada Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan (TKPP) JAKIM, YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor pada 20 Oktober 2023.



8. Lawatan Kerja Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor ke Projek Pembinaan Fasa Kedua Institut Kemahiran Islam Sarawak pada 2 November 2023.



9. Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan) (TKSUKP), YBhg Datuk Abdul Halim bin Hamzah, Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Runtuhan Cerun di ILIM Lahad Datu pada 2 Disember 2023.



10. Lawatan Kerja Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) dengan diiringi oleh YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor ke Projek Pembinaan Gudang Eksibit Halal, JAKIM pada 11 Disember 2023



11. Lawatan Kerja Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor ke Projek Pembinaan Blok Asrama Dan Blok Akademik Darul Quran Jakim, Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 12 Disember 2023.



JAKIM SARAWAK

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA PENGARAH JAKIM SARAWAK OLEH AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tarikh : 3 Februari 2023 (Jumaat)
Tempat : Ibu Pejabat JAKIM Sarawak

YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak telah menerima Kunjungan Hormat daripada Jawatankuasa Masjid Darul Naim, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Sarawak pada 3 Februari 2023M/ 12 Rejab 1444H (Jumaat).

Leftenan Komander (M) Firdaus bin Che Ahmad, Timbalan Pengerusi hadir mengetuai rombongan pada sesi kunjung hormat tersebut. Turut hadir bersama adalah Ustaz Mohd Zaki bin Jaafar, Penolong Pengarah Kanan JAKIM Sarawak serta Ustaz Mohd Izwan bin Sharif, Penolong Pengarah JAKIM Sarawak.

Objektif kunjung hormat ini adalah untuk membina jaringan kerjasama strategik antara agensi-agensi kerajaan dan persekutuan dalam merancang program-program yang bersesuaian seterusnya dapat merapatkan lagi hubungan ukhuwah di antara Maritim Sarawak dengan JAKIM Sarawak.



KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YBHg. DATO AHMAD NADZRI BIN MOHD HASSAN, SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Tarikh: 24 Februari 2023 (Jumaat)
Tempat: Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak

YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak telah mengadakan Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Dato Ahmad Nadzri bin Mohd Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak.

Objektif kunjungan hormat ini adalah bagi memperkasa kerjasama strategik antara agensi serta bertukar-tukar pandangan dalam melaksanakan perancangan dan operasi kepada penerima-penerima perkhidmatan.

Seluruh warga JAKIM Sarawak juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di atas pelantikan Setiausaha Persekutuan Sarawak baharu dan mendoakan agar sentiasa diberi kekuatan dalam setiap urusan untuk memacu kejayaan di bumi kenyalang.



KETUA PENGARAH JAKIM KONGSI ASPIRASI DENGAN 200 WARGA JAKIM SELURUH SARAWAK

Tarikh: 19 Mac 2023 (Ahad)

Tempat: Borneo Convention Centre Kuching (BCCK)

Pada malam ini YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM berpeluang beramah mesra dengan 200 orang warga JAKIM yang berkhidmat di seluruh Sarawak.

Sempena pertemuan ini, KP JAKIM meniup semangat kepada seluruh warga JAKIM agar terus menyampaikan perkhidmatan dengan cemerlang dan menaikkan nama JAKIM di bumi kenyalang. Warga JAKIM juga diseru untuk menerapkan semangat JAKIM SEJIWA dalam perkhidmatan.

Warga JAKIM di Sarawak berkhidmat di pelbagai agensi kerajaan seperti Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan beberapa agensi lain.

Turut hadir bersama ialah YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak dan YBrs Encik Nik Mohd Ridzuan bin Nik Yaacob, Pengarah Kewangan JAKIM.



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAH AGAMA) ADAKAN LAWATAN KERJA RASMI SINGKAT KE KUCHING SARAWAK

Tarikh: 21 Mei 2023 (Ahad)

Tempat: Kuching, Sarawak

YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Kuching Sarawak sempena dengan Majlis Pelancaran Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak bersama YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM Putrajaya serta Ketua-Ketua agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Sarawak menyambut dan mengiringi YB Menteri sepanjang beliau berada di Kuching.

Semoga Lawatan Kerja Rasmi ini dapat memberi makna yang besar buat YB Menteri di bumi kenyalang yang menjadi lambang perpaduan di negara Malaysia.



MAJLIS MERAIKAN KEBERANGKATAN JEMAAH HAJI NEGERI SARAWAK

Tarikh: 14 Jun 2023 (Rabu)

Tempat: Raia Hotel & Convention Centre Kuching

YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah hadir ke Majlis Meraikan Keberangkatan Jemaah Haji Negeri Sarawak di Raia Hotel, Kuching.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg, Premier Sarawak.

Antara tetamu yang hadir ke majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Mufti Sarawak, YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak serta ketua-ketua jabatan, petugas-petugas Lembaga Tabung Haji dan para bakal jemaah haji serta ahli keluarga mereka.

Seramai 141 bakal haji bagi kumpulan pertama akan berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menerusi penerbangan domestik dan akan bertolak pada malam ini dan dijangka akan tiba di Jeddah pada Khamis, jam 8.35 pagi waktu Arab Saudi.



LAWATAN KERJA RASMI TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN) JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) KE SARAWAK

Tarikh: 1 – 4 November 2023 (Rabu – Sabtu)

Tempat: Kuching, Sibu, Mukah, Bintulu & Miri

JAKIM Sarawak telah menerima lawatan kerja rasmi daripada YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM beserta delegasi JAKIM Putrajaya bermula 1 - 4 November 2023 ke Sarawak.

Ketibaan rombongan disambut mesra oleh YBrs. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak dan YBrs. Ustaz Haji Hanifuddin bin Roslan, Pengarah Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).

Objektif lawatan kerja tersebut antara lain adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala serta sebagai medium perkongsian maklumat.

Lawatan kerja rasmi bermula dengan sesi taklimat di Ibu Pejabat JAKIM Sarawak seterusnya ke lawatan tapak pembinaan fasa 2 Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS), Telaga Air.

Lawatan kerja rasmi kemudiannya diteruskan lagi merentasi zon tengah merangkumi bahagian Sibu dan Mukah. Zon utara pula di sekitar Bintulu dan Miri.

JAKIM Sarawak merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program kali ini.



JAKIM SABAH

1. IJTIMAK PERDANA AGENSI AGAMA SELURUH MALAYSIA (IJPAM) SABAH TAHUN 2023

30/9 – 5/10, JAKIM dengan kerajaan Negeri Sabah dan Persatuan Kaitangan Perkhidmatan Ugama (PKPU), JAKIM telah menganjurkan Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) di Kota Kinabalu, Sabah. Pada tahun 2023, Sabah telah dipilih sebagai tuan rumah bagi menerima penyertaan seramai 2000 peserta delegasi dari agensi-agensi agama persekutuan di bawah seliaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan agensi agama di peringkat negeri termasuk Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti, Mahkamah Syariah dan Pendakwaan Syariah.



2. PROGRAM ZIARAH D'BAYU

Program Ziarah D'Bayu yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah sebanyak 15 siri. Antara pengisian program adalah ceramah Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Bengkel SMART Ibadah, Tahsin Pengurusan Jenazah, Sukaneka dan Sukan Persahabatan, Forum dan Malam Kesenian Islam.



3. PROGRAM BICARA AKIDAH FAHAMAN DIGENGHAM, AKIDAH TERPELIHARA

Program ini merupakan program tahunan yang diadakan secara bersiri. Objektif program ini adalah bagi memantapkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di kalangan umat Islam, memberi pendedahan kepada masyarakat Islam tentang cabaran akidah umat Islam pada masa kini dan memberi pendedahan tentang isu akidah dan ajaran salah kepada masyarakat Islam di Sabah.



4. PROGRAM TRAINING OF TRAINERS (TOT) PENGERAK MASYARAKAT DAN PENDAKWAH SABAH TAHUN 2023

24-25/6/2023, Program ini bertujuan untuk berkongsi kandungan dakwah dalam modul yang telah dibangunkan meliputi 7 modul yang disesuaikan dengan situasi masyarakat yang berbilang etnik di Sabah. Program ini dilaksanakan selama 2 hari dengan bimbingan 6 orang fasilitator dari USIM. Program ini dilaksanakan bagi tujuan berkongsi kandungan dakwah dalam modul yang telah dibangunkan meliputi 7 modul dan seramai 37 orang peserta yang hadiri Program TOT ini yang terdiri daripada Penggerak Masyarakat Saudara Kita, Penyelia KAFA, Pegawai Penyelia Masjid Daerah dan Pegawai Dakwah JHEAINS.



5. MAJLIS PELANCARAN BAHAN TERBITAN DAKWAH ETNIK SABAH DAN MAJLIS AMANAT JAKIM SEJIWA SEMPENA IJPAM 2023

Datin Paduka Hjh Hakimah Binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM Sabah telah menyempurnakan Pelancaran Bahan Terbitan Dakwah Etnik Sabah oleh JAKIM Sabah pada 30 September 2023.



6. MENYELARAS LAWATAN KERJA YB SENATOR MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) KE NEGERI SABAH

13-15/9/2023, JAKIM Sabah telah menyelaras pelaksanaan Lawatan Kerja YB Senator Dato' Setia Dr. Haji. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ke Negeri Sabah. Sepanjang tempoh lawatan kerja tersebut, 7 Program telah dilaksanakan oleh agensi agama yang melibatkan Tabung Haji, YAPIEM, YADIM, JHEAINS dan IPDAS.



CATATAN



DAKWAH DAN MEDIA

BAHAGIAN DAKWAH

1. PROGRAM TADARUS PERDANA

JAKIM dengan kerjasama Universiti Malaya telah mengadakan Program Tadarus Perdana “Al-Quran Pembimbing Belia Al-Falah Menjadi Peneraju Negara Madani” pada 9 April 2023 di Kompleks Perdana Siswa Universiti Malaya. Program tahunan ini diadakan sempena sambutan Nuzul al-Quran 1444H. Program ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato’ Setia Dr. Haji Mohd Na’im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM dan Naib Canselor Universiti Malaya.

Objektif program ini adalah untuk memperkasa keutuhan jati diri belia Islam untuk menjadi generasi yang kalis masa hadapan (future proof) berteraskan Syariah Islamiah dan Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui pendekatan al-Quran.



2. MAJLIS PECAH TANAH PEMBINAAN SURAU NURUL IMAN, KAMPUNG ORANG ASLI ESTATE, CHENDERONG KELUBI, KAMPUNG GAJAH PERAK.

Pada 2 November 2023(Khamis), Majlis Pecah Tanah untuk pembinaan surau baharu Kampung Orang Asli Estate dan Chenderong Kelubi, Tanjung Tualang, Perak telah dijalankan. Sekretariat Dakwah Korporat JAKIM telah menyalurkan sumbangan untuk pembinaan surau tersebut. Majlis Pecah Tanah ini telah disempurnakan oleh Ustaz Mohamad Kori bin Jusoh Pengarah Kanan Bahagian Dakwah JAKIM. Turut hadir dimajlis tersebut ialah Ustaz Zakaria bin Abd Razak, KPPK Dakwah JAIPk, Ustaz Noor Haizam bin Ibrahim PTA Daerah Kg Gajah, Yang Beradat Batin Anek A/L Bah Los, Tok Batin Kg Org Asli Estate dan Batin Amir A/L Uda, Tok Batin Kg Org Asli Chenderong Kelubi.

Kampung Orang Asli (KOA) Chenderung Kelubi merupakan salah sebuah Kampung Orang Asli yang terletak di Kampung Gajah, Perak. KOA ini mempunyai jalan akses yang baik, mempunyai akses talian telefon dan berstatus pinggir bandar. Penduduknya seramai 298 Ketua Isi Rumah (KIR) dengan jumlah penduduk seramai 1,067 orang dan penduduk Islam adalah 12.5 %, iaitu seramai 133 orang dengan 29 KIR. Namun kampung ini tidak mempunyai surau.

Sehubungan itu, surau merupakan satu keperluan untuk pelaksanaan program bagi Orang Asli Islam, projek ini diteruskan dengan menggunakan kaedah kerjasama dan kolaborasi bersama agensi kerajaan, badan korporat dan NGO.

Semoga dengan pembinaan surau ini dapatlah penduduk kampung menjalankan aktiviti keagamaan dengan lebih selesa dan sempurna.



3. KONVENSYEN MUALAF MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

Konvensyen Mualaf Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 telah berlangsung pada 10 Oktober 2023 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir Institut Latihan Islam Malaysia, Selangor dan disempurnakan perasmianya oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM.

Konvensyen Dwi tahunan yang menggabungkan Konvensyen Tok Batin dan Konvensyen Mualaf Madani ini telah dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Yayasan Taqwa, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Lembaga Tabung Haji, PERKIM Kebangsaan dan Bank Rakyat.

Seramai lebih 1000 orang mualaf dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik di Malaysia seperti kaum Cina, India, Orang Asli, Etnik Dusun, Kaum Sikh dan lain-lain hadir dalam konvensyen ini.



4. PROGRAM JELAJAH MADANI ULAMA DAN UMARA (JMUU) PERINGKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

17 Jun 2023 (Sabtu) KEDAH: Program Jelajah Madani Ulama dan Umara (JMUU) Peringkat Negeri Kedah Darul Aman bersempena Majlis Sambutan Jubli Intan Sekolah Menengah Agama (SMA) Nahdiah Hasanah bersama YAB Perdana Menteri di Dewan Besar, SMA Nahdiah Hasanah, Melele, Kodiang, Kedah anjuran bersama pihak JAKIM, ICU JPM dan JHEAIK. YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan bantuan Sekolah Agama Rakyat dan Simbolik Sambutan Jubli Intan Sekolah Menengah Agama Nahdiah Hasanah.

Turut hadir YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri

Pendidikan, YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) mewakili Ketua Pengarah, JAKIM dan YBhg. Dato' Syeikh Ismi Anuar bin Abdul Halim, Timbalan Pengarah (Operasi) mewakili Pengarah JHEAIK.

Seramai 4,500 orang peserta hadir dalam program tersebut yang terdiri dari kalangan para imam, bilal, siak, guru takmir, guru KAFA, PPMD, Penyelia KAFA, pegawai masjid, guru-guru dan pelajar-pelajar pondok dan tahniz dan orang awam di Negeri Kedah.



4. MISI BANTUAN SKUAD MUSA'ADAH MADANI

Januari - Disember 2023 - Menyambut saranan kerajaan untuk mempraktikkan konsep Keluarga Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Dakwah telah menyampaikan misi Bantuan Skuad Musa'adah Madani berbentuk sumbangan yang pelbagai kepada masyarakat atau individu yang terkesan dengan musibah, bencana dan keperluan khususnya golongan asnaf dan B40. Sehingga kini 41 program yang melibatkan negeri-negeri telah dilaksanakan oleh JAKIM secara terus kepada sasaran dengan kerjasama agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian dan jabatan sama ada di peringkat persekutuan atau negeri.



Misi Bantuan Skuad Musa'adah Madani menyantuni kakitangan JAKIM, penyelia dan guru KAFA yang terjejas akibat Banjir



Majlis Pelepasan Misi Bantuan Banjir Skuad Musa'adah Madani Agensi YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



Misi Ukhuwah Merentasi Sempadan Tabung Musaadah Bantuan Kemanusiaan kepada Mangsa Gempa Bumi di Turkiye dan Syria



Majlis Pelancaran Tabung Musaadah Misi Bantuan Rakyat Palestin



BAHAGIAN KEURUSETIAAN DAN HUBUNGAN LUAR

SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDILFITRI 1444H/2023M BERSAMA KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN KDYMM SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG

1 Syawal 1444H bersamaan 22 April 2023 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan menunaikan solat sunat Aidilfitri di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Turut hadir mengiringi Yang di-Pertuan Agong ialah YAB Perdana Menteri, Speaker Dewan Rakyat, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), anggota Jemaah Menteri serta pegawai kanan Kerajaan. Solat sunat Aidilfitri telah dipimpin oleh Tuan Haji Ehsan Mohd Hosni, Imam Besar Masjid Negara dan tajuk khutbah yang disampaikan ialah "Aidilfitri Lebih Bererti".

Antara isi kandungan khutbah ialah menyeru umat Islam agar memanfaatkan keberkatan Aidilfitri untuk memperbaiki hubungan persaudaraan sesama anggota masyarakat, menyemai perasaan saling menyayangi, menghormati antara satu sama lain, toleransi dan hidup dalam kesepaduan yang utuh bagi membangunkan negara secara holistik.



Solat sunat aidilfitri bersama-sama Yang di-Pertuan Agong



Yang di-Pertuan Agong beramah mesra dengan para jemaah yang hadir

MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT SERTA KHUTBAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG TAHUN 2023

1 & 2 Jun 2023 - Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah diadakan di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Majlis dihadiri YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Datuk Seri Salahuddin Ayub; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YB Tuan Rafizi Ramli; Menteri Ekonomi, YB Datuk Seri Ahmad Maslan; Timbalan Menteri Kewangan dan YB Tuan Adam Adli; Timbalan Menteri Belia dan Sukan.



Sekitar Majlis Bacaan Yaasin dan Doa Selamat sempena Sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong

Manakala Khutbah Khas bertajuk "Dirgahayu Tuanku: Di Bawah Naungan Ilahi" telah dibacakan oleh Imam Masjid Negara, Ustaz Mohd Nadzri Mustakim yang menjelaskan bahawa KDYMM Yang di-Pertuan Agong telah menyelesaikan banyak isu dan konflik di negara ini secara adil dan bijaksana sepanjang pemerintahan baginda. Kebijaksanaan Seri Paduka Baginda serta berkat hidayah dan rahmat Allah SWT membolehkan kita semua bangkit dan mempertahankan kestabilan dan kesejahteraan negara tercinta ini. Peranan Seri Paduka Baginda dan Raja-Raja Melayu sangat penting dalam memastikan Islam tetap diletakkan pada kedudukannya yang tertinggi dalam pemerintahan negara sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.



Khutbah khas "Dirgahayu Tuanku: Di Bawah Naungan Ilahi"

MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN (MTHQK)TAHUN 1444H/2023M

Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) telah diadakan pada 11 hingga 16 Jun 2023 di Pusat Konvensyen PICCA, Butterworth Arena Pulau Pinang yang telah disertai seramai 108 peserta dari seluruh Negara terdiri daripada 29 qari dan qariah serta 79 hafiz dan hafizah. Majlis Perasmian Pembukaan MTHQK 2023 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 11 Jun 2023 manakala Majlis Perasmian Penutupan MTHQK 2023 disempurnakan oleh Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 16 Jun 2023.

KEPUTUSAN PEMENANG MTHQK TAHUN 2023

KEDUDUKAN	NAMA	NEGERI
TILAWAH		
Johan	Muhammad Qayyim Nizar bin Sarimi	Kelantan
Naib Johan	Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan	Johor Menunggu
Ketiga	Mohamad Husaini bin Mahmur	Negeri Sembilan
Johan	Nor Hidayah binti Abd Rahman	Terengganu
Naib Johan	Nor Ruzana Natiah binti Jaafar	Selangor
Ketiga	Nurul Nadiah binti Hashim	Johor
KEDUDUKAN	NAMA	NEGERI
HAFAZAN JUZUK 1-10		
Johan	Muhammad Fahim bin Shari	Wilayah Persekutuan
Naib Johan	Abdurrahman bin Abdul Rashid	Perak
Ketiga	Muhammad Nur Anaqi bin Mohd Assabri	Johor
Johan	Siti Nabilah binti Zamri	Melaka
Naib Johan	Nur Syafiqah binti Kamaruzaman	Pahang
Ketiga	Amni Nadiah binti Md Noh	Negeri Sembilan

KEDUDUKAN	NAMA	NEGERI
HAFAZAN JUZUK 1-20		
Johan	Muhammad Fakhurrazi bin Yahaya	Terengganu
Naib Johan	Muhammad Alif Haikal bin Rezal	Negeri Sembilan
Ketiga	Muhammad Asyraf bin Amir	Johor
Johan	Dina Hadfina binti Mohd Umarul Hisyam	Melaka
Naib Johan	Nur Shuhada binti Shaharrudy	Negeri Sembilan
Ketiga	Asma' binti Ady	Kedah

KEDUDUKAN	NAMA	NEGERI
HAFAZAN JUZUK 1-30		
Johan	Ahmad Ikmal bin Mohd Ridhuan	Johor
Naib Johan	Muaz bin Mohd Radzi	Kedah
Ketiga	Muhamaaad Izzul Afnan bin Sazali	Selangor
Johan	Dian Karisma binti Mohd Japar	Sabah
Naib Johan	Siti Najihah binti Zamri	Negeri Sembilan
Ketiga	Wan Busyra binti Wan Mohamad Noor	Selangor



YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim sedang berucap di Majlis Perasmian Pembukaan MTHQK 2023.




Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak menyampaikan hadiah kepada Johan Qari MTHQK 2023.



Suasana sepanjang Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Pusat Konvensyen PICCA, Butterworth Arena Pulau Pinang.

MAJLIS SAMBUTAN MA'AL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN 1445H / 2023M

Pada 19 Julai 2023 telah berlangsung Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). Acara perasmian dan pengurniaan anugerah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Seramai dua (2) individu telah diangkat sebagai tokoh pada acara sambutan kali ini iaitu Mufti Besar India, Al-Allamah Sheikh Abu Bakr Ahmad (Tokoh Ma'al Hijrah Antarabangsa) dan YBhg. Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob (Tokoh Ma'al Hijrah Kebangsaan). Seramai 5000 orang tetamu telah hadir memeriahkan majlis tersebut, terdiri daripada Anggota Pentadbiran Negara, Duta dan Perwakilan Asing, Ketua-Ketua Perkhidmatan, Ketua-Ketua Kementerian/ Jabatan/Agenzia dan swasta serta para kontingen yang mewakili kementerian/Jabatan dan agensi Persekutuan.



Sesi bergambar penerima anugerah tokoh Ma'al Hijrah bersama-sama KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan YAB Perdana Menteri serta YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)



Sekitar Majlis Sambutan Maál Hijrah 1445H di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)

MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL, DOA SELAMAT DAN KHUTBAH KHAS SEMPENA SAMBUTAN HARI PAHLAWAN TAHUN 2023

28 Julai 2023 - KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan hadir ke Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, Doa Selamat dan Khutbah Khas sempena Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2023 yang diadakan di Masjid Negara, Kuala Lumpur. Turut hadir ke majlis, YB Dato' Seri Utama Mohamad Hasan; Menteri Pertahanan, YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im Mokhtar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Tuan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil; Menteri Komunikasi dan Digital, IG Tan Sri Razarudin Husain; Ketua Polis Negara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi Buang; Panglima Angkatan Tentera, CP Dato' Sri Mohd Kamarudin Md Din, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, CP Dato' Sri Ramli Mohamed Yoosuf; Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil serta para pegawai kanan PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia. Bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat telah dipimpin oleh Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Ehsan Mohd Hosni manakala khutbah khas bertajuk "Mengenang Jasa Pahlawan" serta solat Jumaat dipimpin Timbalan Pengarah (Bahagian Agama dan Kaunseling), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard Bukit Aman, DCP Dato' Hj. Ghazali Hj. Daud. Intipati khutbah menjelaskan tanggungjawab generasi hari ini agar memelihara dan mempertahankan kedaulatan negara yang telah diperjuangkan oleh para pahlawan terdahulu dengan sebaik-baiknya.



Keberangkatan tiba KDYMM SPB YDPA Diiringi Menteri Pertahanan dan Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)



Sekitar Majlis Bacaan Yaasin, Tahlil dan Doa Selamat



MAJLIS TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA (MTHQA) KE-63

Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-63 telah berlangsung di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL) bermula pada 19-24 Ogos 2023. Ia merupakan program tahunan yang menghimpunkan Qari, Qariah, Hafiz dan Hafizah seluruh dunia. MTHQA ke-63 ini telah menerima penyertaan sebanyak 52 buah negara yang diwakili oleh seramai 72 orang peserta (36 orang kategori tilawah dan 36 orang kategori hafazan). Majlis Perasmian dan Pembukaan MTHQA ke-63 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 19 Ogos 2023. Manakala Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah pula telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dan DYMM Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim, pada 23 Ogos 2023.

KEPUTUSAN PEMENANG MTHQK KE-63

KEDUDUKAN	NAMA	NEGERI
TILAWAH		
Johan	Muhammad Qayyim Nizar bin Sarimi	Malaysia
Naib Johan	Alireza Bishaniavval	Iran
Ketiga	Awang Mohd Zul Hafiz Awang Tengah	Brunei
Johan	Sara Belmamun	Morocco
Naib Johan	Raudhah Supian Noor	Indonesia
Ketiga	Sabaha Pato Salik	Filipina
HAFAZAN		
Johan	Omar Toure	Guinea
Naib Johan	Mamon Ahmed	Yemen
Ketiga	Alia Atia	Ch
Johan	Tebani Cheyma Enfal	Algeria
Naib Johan	Ndyeye Seynabou Ngom	Senegal
Ketiga	Sidi El Moctar Khadijatou	Mauritius



Upacara pengurniaan hadiah kepada Johan Qari MTHQA ke-63



Upacara pengurniaan hadiah kepada Johan Qariah MTHQA ke-63

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1445H BERSAMAAN 2023M

Pada 28 September 2023 telah berlangsung Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Acara perasmian dan pengurniaan anugerah telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Seramai tujuh (7) individu telah diangkat sebagai penerima anugerah pada acara sambutan kali ini.



Sekitar Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H bersamaan 2023M di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya



Penerima Anugerah Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H Bersamaan 2023M

Sambutan pada tahun ini turut melibatkan acara perarakan dimana lebih kurang seramai 3700 peserta menyertai acara tersebut dengan jumlah kontinen sebanyak 131 kontinen mewakili kementerian, jabatan kerajaan, badan berkanun dan agensi swasta.



Sekitar Acara Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H Bersamaan 2023M

PENGHANTARAN PESERTA MALAYSIA KE PERTANDINGAN TILAWAH DAN MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA DI LUAR NEGARA

JAKIM telah menghantar seramai sepuluh (10) orang peserta ke Pertandingan Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa di luar negara. Jumlah tersebut melibatkan seramai sembilan (9) orang peserta lelaki dan seorang peserta wanita yang telah dihantar ke pertandingan yang dianjurkan di Arab Saudi, Maghribi, Dubai, Kazakhstan, Rusia, Kuwait dan Mesir.

Pelepasan Peserta Malaysia dan pegawai pengiring ke Pertandingan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa "XXI Moscow International Quran Reciting Competition" pada 7 – 11 November 2023 di Moscow, Rusia.



Peserta Malaysia, Muhammad Adib bin Ahmad Rozaini menduduki lima tempat utama dalam Pertandingan Hafazan al-Quran "1st International Holy Quran Recitation Competition" pada 31 Oktober hingga 3 November 2023

PERTEMUAN TIDAK RASMI MENTERI-MENTERI AGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM, INDONESIA, MALAYSIA DAN SINGAPURA (MABIMS) KE-20

Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) Kali Ke-20 yang dijadualkan berlangsung pada 15-16 November 2023 di Republik Singapura telah melabuhkan tirainya. Delegasi Malaysia diketuai oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan diiringi oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM bersama pegawai-pegawai kanan JAKIM yang sebelum itu telah mengikuti Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Kali Ke-47 yang bermula sejak 12 November 2023.

Pertemuan MABIMS Kali Ke-20 ini telah disempurnakan dengan dua (2) keberhasilan utama iaitu permeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Halal Negara MABIMS dan Pelancaran Tafsir 'Ilmi (Ayat-Ayat Kauniyyat) yang diusahakan secara bersama oleh semua negara anggota MABIMS.



Deligasi Malaysia yang diketuai oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



Permeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Halal Negara MABIMS

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM KEBANGSAAN (JAPHEIK) KALI-2

Tarikh : 26 Jun 2023
Tempat : Pulse Grande Hotel, Putrajaya
Bil. Ahli : 35
Pengerusi : Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM KEBANGSAAN (JAPHEIK) KALI-3

Tarikh : 14 Disember 2023
Tempat : Dewan Syura A,
Kompleks Islam Putrajaya
Bil. Ahli : 35
Pengerusi : Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali



BAHAGIAN PENERBITAN

CAWANGAN PENGURUSAN PENERBITAN (SEKSYEN PENERBITAN BUKU)

- Bahagian Penerbitan telah melaksanakan Bengkel Pemurnian Garis Panduan Penerbitan dan Pencetakan JAKIM pada tahun 2023. Bengkel ini telah dilaksanakan sebanyak dua siri yang melibatkan editor-editor setiap bahagian di JAKIM. Kedua-dua siri bengkel ini telah



disampaikan oleh Puan Suhaini Hassan yang merupakan juruperunding di Syarikat Mercu Inovasi Training & Consulting. Tujuan bengkel tersebut dilaksanakan adalah untuk mengemaskini garis panduan yang sedia ada agar selari dengan peredaran semasa.

Bengkel Pemurnian Garis Panduan Penerbitan dan Pencetakan JAKIM Siri I telah berlangsung pada 3 dan 4 Julai 2023 dan disertai oleh 27 orang wakil dari setiap bahagian di Perpustakaan JAKIM, Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya.



←
Bengkel Pemurnian Garis Panduan Penerbitan dan Pencetakan JAKIM Siri I

Manakala, Bengkel Pemurnian Garis Panduan Siri II telah berlangsung pada 17 hingga 19 Oktober 2023 telah dihadiri oleh 30 orang wakil dari setiap bahagian di Perpustakaan JAKIM, Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya.

Kedua-dua siri bengkel tersebut berjaya dilaksanakan dengan cemerlang serta kehadiran dan keterlibatan peserta-peserta sangat memuaskan.

- Bengkel Pemurnian Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Edisi Jawi Baharu. Pada 25 hingga 26 Oktober 2023 bertempat di Hotel Maluri Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan menyemak dan memurnikan tulisan jawi baharu bagi TPR Edisi Jawi Baharu yang akan diterbitkan oleh JAKIM.

Peserta bengkel terdiri daripada beberapa orang Munsi Jawi, Perpustakaan Negara Malaysia. Bengkel ini telah disempurnakan penutupannya oleh Encik Azman bin Mat Hassan, Pengarah Bahagian Penerbitan JAKIM.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN NASKHAH AL-QURAN TERJEMAHAN BAHASA INGGERIS DAN BUKU TERBITAN JAKIM KEPADA DUTA BESAR MALAYSIA KE IRELAND



- **17 Oktober 2023 (Selasa)** – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Penerbitan telah mengedarkan 300 naskhah al-Quran terjemahan Bahasa Inggeris dan 100 naskhah buku terbitan JAKIM kepada Duta Besar Malaysia ke Ireland, Tuan Yang Terutama Ambassador Wan Aznainizam Yusri Wan Abdul Rashid. Program julung-julung kali diadakan ini merupakan kerjasama antara JAKIM dengan Kementerian Luar Negara (KLN) dalam misi menjayakan Program Wakaf Sejuta AlQuran yang dirintis oleh YAB Perdana Menteri pada awal pemerintahan beliau susulan kes pembakaran al-Quran di Sweeden pada 29 Jun 2023.

Inisiatif ini adalah kesinambungan daripada komitmen Kerajaan untuk mengedarkan sejuta naskhah al-Quran ke luar negara bagi memperbetulkan salah faham kepada Islam serta menangani isu Islamofobia. Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir memeriahkan majlis adalah Yang Berbahagia Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM dan Yang Berbahagia Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM.

"Tinggi harapan kami agar inisiatif pertama seumpamanya ini terus berkembang dan meluas pada masa akan datang bukan sahaja di Ireland tetapi turut melibatkan seluruh negara yang diwakili oleh duta-duta Malaysia yang diamanahkan bertugas di negara-negara tersebut. Semoga manfaat yang terkandung melalui buku-buku ini akan terus tersebar luas tanpa mengira batas geografi yang akan membawa kebaikan kepada ummah. Insya-Allah" – Petikan Ucapan Alu-aluan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Al-Quran terjemahan Bahasa Inggeris tersebut telah diterbitkan oleh Yayasan Restu di bawah program Wakaf Sejuta Al-Quran. Manakala naskhah-naskhah buku terbitan JAKIM antaranya ialah Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman versi Bahasa Inggeris, *Masjid Putra Putrajaya – A Sense Of History And Beauty, Mosque Visits In Malaysia, COVID-19 Fiqh Q & A* dan *Malaysian Halal Certification Practice*.





CAWANGAN PENGURUSAN PENERBITAN (SEKSYEN PENERBITAN PELBAGAI)

Seksyen Majalah telah berjaya menerbitkan Majalah Sinar Rohani Bil.1/ 2023, Majalah Sinar Rohani Bil.2/ 2023, Majalah Cahaya Bil.1/ 2023 dan Majalah Pendidik Bil.1/ 2023 melalui laman web rasmi JAKIM.



Seksyen Majalah juga telah berjaya menerbitkan Buletin Khas sempena Sambutan Maal Hijrah dan Sambutan Maulidur Rasul 1445H/ 2023M serta Buletin Khas sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran yang telah berlangsung pada 19-24 Ogos 2023.



PROGRAM DISKUSI BUKU ENSIKLOPEDIA FIQH OKU

Pada tahun 2023, Bahagian Penerbitan bersama Bahagian Dakwah telah bekerjasama dalam menjayakan program **“Diskusi Buku Fiqh OKU”**. Program ini telah diadakan sebanyak dua siri di mana melibatkan peserta dalam kalangan OKU Penglihatan dan OKU Fizikal. Kedua-dua siri ini telah disampaikan oleh YBrs. Professor Dr. Azman Ab Rahman yang merupakan seorang Professor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang daripada Universiti Sains Islam Malaysia dan juga merupakan penulis buku itu sendiri.

Siri pertama telah diadakan pada 23 Mei 2023 bertempat di Pusat Latihan Perindustrian, Bangi. Seramai 120 orang peserta termasuk urus setia telah terlibat dalam program tersebut. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Azman bin Mat Hassan, Pengarah Bahagian Penerbitan.

Manakala siri kedua telah diadakan pada 17 Ogos 2023 bertempat di Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia Brickfields, Kuala Lumpur. Pada program kali ini, peserta yang terlibat adalah seramai 120 orang yang terdiri daripada OKU Penglihatan. Seramai 20 orang urus setia juga telah terlibat dalam menjayakan program ini. Majlis penutupan program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Azman bin Mat Hassan, Pengarah Bahagian Penerbitan.

Secara keseluruhannya kedua-dua program dapat dilaksanakan dengan jayanya. Selain itu, kerjasama daripada para peserta juga amat memuaskan.



CAWANGAN KOMERSIAL DAN PROMOSI

1. PENCAPAIAN MENARIK KEDAI BUKU JAKIM



Pelancaran Buku Terbitan Braille Kali Pertama



Mewujudkan Daftar Buku Jualan/ Naskhah Hadiah/ Percuma



Pelancaran Program Wakaf Buku JAKIM Kali Pertama

22
Siri

Mewujudkan Garis Panduan Edaran Buku / Bahan Naskhah Hadiah/ Percuma



Kerjasama Strategik Promosi Buku Bersama RTM

27
Siri

15
Siri



22
Siri



10
Set



Bengkel Strategi Penerbitan dan Pemasaran
Bahan Terbitan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP)



CAWANGAN PERPUSTAKAAN DAN ARKIB

Program Bacalah Anak-anak al-Falah pada 29 Ogos 2023 sempena bulan Kebangsaan 2023. Diadakan di perkarangan Perpustakaan JAKIM, aktiviti ini telah disertai seramai 55 kanak-kanak berumur antara 8 dan 12 tahun.

Program ini mendapat kerjasama Syarikat Galeri Ilmu dan sokongan Puspanita dan Kelab JAKIM Sejiwa, dirasmikan oleh Pengerusi Puspanita Datin Insyirah Irwati Binti Jailani.



Program Bicara al-Falah @Perpustakaan JAKIM telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM. Program ini melibatkan kader-kader JAKIM dari pelbagai agensi. Sebanyak 3 siri

Bicara al-Falah @Perpustakaan JAKIM telah diadakan untuk tahun 2023. Slot pengisian program ini adalah Resensi Buku dan Ceramah al-Falah.



Bengkel Sistem Perpustakaan Bersepadu KOHA telah diadakan pada 24-27 Julai di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi Selangor. Peserta bengkel terdiri daripada pegawai dan kakitangan Perpustakaan Jakim

dan 10 Perpustakaan di bawah PTJ JAKIM, bersama panel Syarikat CD-Solution Sdn Bhd yang telah memberi penerangan dan latihan praktikal penggunaan sistem KOHA di perpustakaan.



Warga Perpustakaan Jakim dan 10 Perpustakaan di bawah PTJ Jakim telah membuat Lawatan Penanda Aras ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti

Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor. Tujuan lawatan untuk melihat koleksi PSAS dan memahami sistem perpustakaan yang digunakan.



Perkhidmatan Buku: Rahmah Untukmu 2023 telah dilaksanakan staf perpustakaan JAKIM. Melalui perkhidmatan ini, warga kerja JAKIM boleh terus membuat pinjaman bahan bacaan kerana bahan-bahan bacaan akan terus di bawa ke setiap bahagian di blok A dan B Kompleks

Islam Putrajaya dan juga Bahagian Pengurusan Halal di blok D. Sebanyak 6 sesi perkhidmatan telah dijalankan sepanjang tahun 2023. Perkhidmatan telah dirasmikan oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM.

BAHAGIAN PENYIARAN

1.0 LAPORAN BERGAMBAR PROGRAM TV YANG MELIBATKAN PENGURUSAN TERTINGGI JAKIM SEPANJANG TAHUN 2023



1. SIARAN LANGSUNG MYHALAL - "MEMBUMIKAN HALAL MALAYSIA"

Sebuah program Bual Bicara Islamik yang membawa penonton untuk mengupas isu ke mana hala tuju halal Malaysia terutamanya skop pensijilan halal yang memberikan kesan kepada ekonomi halal domestik dan global. Apakah realiti sebenarnya dasar-dasar baru jenama halal Malaysia?

Tarikh : 5 Mei 2023

Tetamu : Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee,
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Dasar



2. PERSADA JURNAL - SKUAD MUSAADAH EPISOD 1 & 2

Tarikh : 15 Januari 2023 dan 22 Januari 2023

Tetamu VIP : Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar,
Menteri Di Jpm (Hal Ehwal Agama)



3. MUSA'ADAH - "JIS SYAWAL DEBOR"

Memori hari raya di Perkampungan orang Asli Pos Leryar Cameron Highlands yg dirakam lensa Penyiaran JAKIM menghiasi siaran sulung MUSA'ADAH

Tarikh : 5 Mei 2023

Tetamu VIP : Tuan Haji Ruslan Bin Said, Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Operasi



4. FORUM PERDANA EHWAL ISLAM - CINTA TERAGUNG

Tarikh : 5 Oktober 2023

Tetamu VIP : Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM



5. MAJLIS TILAWAH & MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA KE-63

Tarikh : 21 Ogos 2023

Tetamu VIP : Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri Di JPM (Hal Ehwal Agama)



6. PERARAKAN & MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Tarikh : 28 September 2023

Tetamu VIP : Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

2.0 SENARAI PROGRAM TV BAHAGIAN PENYIARAN JAKIM TAHUN 2023

BIL	PROGRAM	TARIKH/EPISOD	TEMPAT	SIARAN	IMPAK / OUTCOME
1	Forum Perdana	50	TV1	Khamis 9.00 Malam	memberi kefahaman isu kemasyarakatan
2	Anda Musykil	23	TV1	Khamis 9.00 petang	memberi kefahaman berkaitan isu aqidah, syariah dan akhlak
3	Fikrah	28	TV1	Rabu 6.00 petang	memberi kefahaman isu agensi Hal Ehwal Islam (HEI)
4	MyHalal	20	TV1	Jumaat 6.00 petang	memberi kefahaman isu agensi HEI
5	Kalam Wahyu	20	TV1	Jumaat 11.05 pagi	memberi kefahaman Islam kepada golongan Muallaf
6	Berita Ehwal Islam	24	TV1	Berita Wilayah 5.00 petang	memberi liputan program dan isu agensi HEI
7	Solat Jumaat	52	TV1	Jumaat 1.00 Tengahari *bergantung pada waktu solat	Khutbah Jumaat Masjid Utama JAKIM
8	Iqra'	20	TV1	Sabtu 6.00 petang	memberi kefahaman berkaitan ilmu tajwid al-Quran
9	Persada Jurnal	26	TV1	Ahad 6.00 petang	memberi panduan gaya hidup Muslim kontemporari
10	Program Radio	17	Salam FM	Setiap hari 11.00 malam - 8.00 pagi	memberi penghayatan ilmu serta liputan program agensi HEI
PROGRAM BAHRU					
11	Route To Jannah	14	TV Okey	Jumaat 6.00 petang	memberi kefahaman Islam kepada golongan Muallaf
12	Bismillah	20	TV1	Selasa 6.00 petang	memberi kefahaman ilmu taranum dan tadabbur ayat al-Quran
13	Usrati Jannati	20	TV1	Isnin 6.00 petang	memberi pendedahan berkaitan isu munakahat
14	Musaadah	26	TV1	Jumaat 4.00 petang	menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan

2.1 SENARAI PROGRAM BAHRU 2023



Musa'adah

Musa'adah merupakan sebuah program baharu yang disiarkan setiap hari Jumaat di TV1 menfokuskan sentimen menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.



USRATI JANNATI DAHAKAN SYURGA

Usrati Jannati merupakan sebuah program baharu 2023 yang disiarkan setiap hari Isnin di TV1 bagi memberi pendedahan berkaitan isu munakahat.



Route To Jannah merupakan sebuah program baharu 2023 yang disiarkan setiap hari Jumaat di TV1 bagi memberi kefahaman Islam kepada golongan Muallaf.



Bismillah merupakan sebuah program baharu 2023 yang disiarkan setiap hari Selasa di TV1 bagi memberi kefahaman ilmu taranum dan tadabbur ayat al-Quran.

3.0 PROGRAM KHAS SEPANJANG 2023

BIL	PROGRAM	TARIKH/ EPISOD
1	Pengisytiharan Puasa	22 Mac 2023 (29 Syaaban 1444H)
2	Pengisytiharan Hari Raya Aidilfitri	20 April 2023 (1 Syawal 1444H)
3	Pengisytiharan Hari Raya Aidiladha	18 Jun 2023 (29 Zulkaedah 1444H)
4	Doa Berbuka Puasa	Sepanjang Ramadan
5	Kapsul Ramadan	Sepanjang Ramadan
6	Tadarus Al-Quran	Sepanjang Ramadan
7	Solat Tarawih Mekah	Sepanjang Ramadan
8	Gema Takbir	21 April 2023 (30 Ramadan 1444H)
9	Gema Raya	22 April 2023 (1 Syawal 1444H)
10	Takbir Raya Aidilfitri	21 April 2023 (selepas maghrib) 22 April 2023 (sebelum solat Aidilfitri)
11	Solat Sunat Aidilfitri KL & Mekah	22 April 2023 (1 Syawal 1444H)
12	Takbir Raya Aidiladha	28 Jun - 2 Julai 2023 (9 - 13 Zulhijjah 1444H)
13	Solat Sunat Aidiladha KL & Mekah	29 Jun 2023 (10 Zulhijjah 1444H)
14	Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1444H	11-16 Jun 2023 (22 - 27 Zulkaedah 1444H)
15	Ambang Maal Hijrah 1445H/2023M	18 Julai 2023 (29 Zulkaedah 1444H)
16	Majlis Sambutan Maal Hijrah	19 Julai 2023 (30 Zulkaedah 1444H)
17	Perarakan & Majlis Sambutan Maulidur Rasul	28 September 2023 (12 Rabiulawal 1445 H)
18	Dokumentari Maulidur Rasul	28 September 2023 (12 Rabiulawal 1445 H)
19	Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-63	19 - 24 Ogos 2023 (2 - 7 Safar 1445H)
20	Dokumentari Majlis Tilawah & Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-63	17 September 2023 (1 Rabiulawal 1445 H)

4.0 PENCAPAIAN RATING TERTINGGI PROGRAM KHAS SEPANJANG TAHUN 2023

Antara pencapaian rating tertinggi program khas yang telah disiarkan sepanjang tahun 2023 di TV1:



GAMBAR 1: RATING BAGI MAJLIS TILAWAH & MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA KE-63



GAMBAR 2: RATING BAGI MAJLIS TILAWAH & MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1444H/2023M



GAMBAR 3: RATING BAGI AMBANG DAN SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1445H/2023M

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

- Unit Komunikasi Korporat JAKIM berperanan sebagai focal point jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi-fungsi berikut :
 - Pengurusan Komunikasi strategik
 - Perhubungan pelanggan dan aduan awam
 - Pengurusan media dan imej korporat
 - Pengurusan Berita, bahan Kreatif dan pentadbiran

2. PROGRAM-PROGRAM PENGURUSAN KOMUNIKASI STRATEGIK

2.1. Pengurusan portal dan media sosial JAKIM

- Jumlah posting bahan kandungan media sosial yang diterbitkan:

Bulan	Bahan		
	Poster	Video	Live streaming
Januari	43	6	9
Februari	39	12	12
Mac	39	16	16
April	76	21	23
Mei	44	9	10
Jun	55	29	24
Julai	46	19	22
Ogos	65	31	24
September	39	17	25
Oktober	83	30	32
November	51	14	30
Disember	30	13	15
JUMLAH	610	217	242

- Jumlah Followers / Subscribers Media Sosial JAKIM Januari hingga Disember 2023

Bulan					(TV JAKIM)	(MYJAKIM)	
Januari	987,443	178,841	118,959	17,153	33.0K	3.05K	27.3K
Februari	989,543	179,441	120,459	17,320	33.1K	3.08K	30.0K
Mac	992,043	179,941	122,059	17,325	33.5K	3.10K	31.0K
April	993,843	180,441	124,059	17,330	33.6K	3.20K	32.0K
Mei	996,343	181,441	126,259	17,334	34.0K	3.35K	33.2K
Jun	999,852	183,539	128,861	17,313	35.0K	3.75K	34.6K
Julai	1,001,901	185,067	128,861	17,313	35.6K	3.77K	35.0K
Ogos	1,002,901	187,000	130,426	17,379	35.8K	3.86K	36.5K
September	1,004,901	188,005	131,926	17,359	36.0K	4.0K	37.3K
Oktober	1,005,000	189,000	133,426	17,309	36.5K	5.5K	38.3K
November	1,006,731	189,191	125,081	17,247	36.9K	6.19K	39.0K
Disember	1,009,008	190,000	137,000	17,300	38.0K	6.35K	40.0K

iii. Berita yang disiarkan di portal JAKIM sepanjang tahun 2023

Bulan	Bilangan
Januari	33
Februari	52
Mac	41
April	13
Mei	30
Jun	11
Julai	21
Ogos	18
September	28
Oktober	40
November	26
Disember	2
JUMLAH	315

2.2. Program / Bengkel yang dilaksanakan

Aktiviti	Tarikh
Kursus Kemahiran Mobile Journalism (MOJO) Pegawai Komunikasi Strategik Bahagian JAKIM	6 - 9 Mac
Libat Urus Pelan Strategik Komunikasi Agensi Agama Persekutuan 2024-2027	25 - 27 Oktober

2.3. Pemantauan Media Isu Semasa Hal Ehwal Islam Sepanjang 2023

Sepanjang tahun 2023, isu-isu penting berkaitan hal ehwal Islam yang telah dipantau dan diambil tindakan adalah seperti berikut:

Kategori	Jumlah
Positif	26
Negatif	47
JUMLAH	73

3. PROGRAM-PROGRAM PERHUBUNGAN PELANGGAN DAN ADUAN AWAM

3.1. Lawatan yang diterima sepanjang tahun 2023

Aktiviti	Bilangan
Kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah JAKIM	98
Lawatan pihak luar ke JAKIM	9

3.2. Pengurusan aduan awam

i. Jumlah aduan yang diterima dan berjaya diselesaikan sepanjang tahun 2023

Bil	Butiran	Terima	
		Jumlah	%
1	Aduan	454	56.98
2	Bukan Aduan	342	43.02
Jumlah Keseluruhan		796	100.00

ii. Jumlah aduan mengikut bahagian-bahagian di JAKIM

Bil	Bahagian	Jumlah
1	Bahagian Undang-Undang	0
2	Bahagian Kewangan	0
3	Darul Quran	0
4	Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah	0
5	JAKIM Sarawak	0
6	Masjid Negara Malaysia	0
7	Bahagian Khidmat Pengurusan	1
8	Institut Latihan Islam Malaysia	1
9	Sekretariat Majlis Halal Malaysia	1
10	Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak	1
11	Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan & Pendakwaan Syariah	1
12	Bahagian Maqasid Syariah	1
13	Bahagian Dasar Kemajuan Islam	2
14	Bahagian Penyiaran	2
15	Bahagian Keurusetiaan & Hubungan Luar	3
16	JAKIM Sabah	3
17	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin	3
18	Bahagian Penerbitan	5
19	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	8
20	Unit Integriti	9
21	Bahagian Pengurusan Maklumat	16
22	Masjid Putra	16
23	Unit Komunikasi Korporat	37
24	Bahagian Keluarga, Sosial Dan Komuniti	38
25	Bahagian Dakwah	61
26	Bahagian Pendidikan	82
27	Bahagian Pengurusan Halal	248
28	Bahagian Penyelidikan	257
JUMLAH		796

iii. Program / Bengkel yang dilaksanakan

Aktiviti	Tarikh
Bengkel Pengukuhan Pengendalian Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) JAKIM	23 - 24 Mei 2023

3.3. Pameran yang disertai JAKIM

Bil	Program / Lokasi	Tarikh
1	Seminar Antarabangsa Imam Asy-Syafie, Kuching, Sarawak	17 - 18 Mei
2	Sambutan Hari Integriti Kebangsaan Pusat Perubatan Universiti Malaya	18 Ogos
3	Hari Koperasi Negara, Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah	21 - 23 Julai
4	Program Literasi Madani Bersama Komuniti Golongan Kelainan Upaya (Pendengaran) Tahun 2023, Masjid Putra, Putrajaya	28 Oktober
5	Program Setahun Bersama Kerajaan Madani di Stadium Nasional Bukit Jalil	8 - 10 Disember

4. PROGRAM-PROGRAM PENGURUSAN MEDIA DAN IMEJ KORPORAT

i. Program pengurusan media

Aktiviti	Bilangan
Sidang media	57
Kenyataan media	42
Jemputan Media	66
Artikel akhbar diterbitkan	9

ii. Program Imej Korporat

Aktiviti	Tarikh
Seminar Pemakanan Ideal Membentuk Penampilan Korporat kepada Pegawai JAKIM	23 Jun
Kursus Peningkatan Imej Korporat JAKIM	25 - 26 Julai



PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSAN



INSTITUT KEMAHIRAN ISLAM MALAYSIA SARAWAK

PROGRAM MENYEMAI BAKTI IKMAS KALI KE 22



Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu Bin Haji Taha

16 Oktober 2023 – IKMAS telah mengadakan Majlis Perasmian Program Menyemai Bakti Kali ke 22 pada tahun ini bertempat di Masjid Nurir Rahmani, Kampung Santubong.

Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datuk Haji Misnu Bin Haji Taha. Turut hadir, Isteri Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia Datin Hajah Jamilah Binti Haji Said, Timbalan Pengarah I JAIS, En. Ahmad Sukarno bin Saini, Pengarah JAKIM Sarawak, Encik Hamdan bin Jar'ee,



Penyerahan pelajar IKMAS kepada keluarga angkat di Kampung Bako

Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan, Ketua-ketua kampung, penghulu dan keluarga angkat yang terlibat.

Program ini melibatkan penyerahan pelajar Semester 6 Diploma Dakwah Islamiyyah IKMAS kepada keluarga angkat selama 2 minggu iaitu bermula pada 16 hingga 29 Oktober 2023; untuk menyampaikan dakwah Islam dengan cara yang terbaik di kampung yang terpilih iaitu Kampung Santubong, Kampung Buntal, Kampung Sg. Midin, Kampung Bako dan Kampung Muara Tebas.

MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN IKMAS KALI KE 19



Sesi bergambar Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar bersama Ahli Lembaga IKMAS

19 September 2023 – Sekalung tahniah diucapkan kepada 64 orang graduan IKMAS yang terdiri daripada 55 orang graduan Diploma Dakwah Islamiyyah dan 9 orang pelajar Sijil Pengajian Islam yang diraikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) kali ke 19 di Dewan Kompleks Islam Sarawak, Kuching.

Majlis dimulakan dengan perarakan masuk graduan diikuti dengan Ahli-Ahli Lembaga IKMAS dan seterusnya perarakan masuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar.



Penerima Anugerah Utama IKMAS

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar menyempurnakan Majlis Penganugerahan Diploma Dakwah Islamiyyah, Sijil Pengajian Islam serta penyampaian Anugerah Utama IKMAS.

Turut hadir ialah Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Haji Said, Mufti Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yasin, Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan serta Ahli Lembaga IKMAS.

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT KAMPUNG DARUL ISLAM BELIMBING, PADAWAN



Penyerahan sumbangan berbentuk keperluan asas kepada Masyarakat di Kampung Darul Islam Belimbang, Padawan



Aktiviti merewang seperti menyediakan ayam pансuh

18 - 20 November 2023 – IKMAS dengan kerjasama JAKIM Sarawak dan Majlis Islam Sarawak (MIS) telah berjaya menganjurkan Program Khidmat Masyarakat Di Kampung Darul Islam Belimbang, Padawan.

Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Yang Berbahagia, Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Pengarah JAKIM Sarawak, Ustaz Hamdan bin Jar'ee dan Pengarah IKMAS, Tuan Haji Hanifuddin bin Roslan turut hadir program tersebut. Tambahan lagi, tetamu jemputan yang hadir yang mewakili Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) ialah Ustaz Suharman Bin Haji Edward, Ketua Bahagian Dakwah JAIS, Ustazah Hanisah Binti Dato Hj Nahrawi, Ketua Bahagian Kemajuan

Saudara Kita JAIS dan Encik Tazudin Mokhtar, Pengurus B, Pusat Penerangan Islam-MIS. Program ini juga melibatkan seramai 24 orang pelajar IKMAS dan masyarakat di Kampung Darul Islam Belimbang.

Program ini bertujuan memberi peluang kepada para pelajar IKMAS untuk mengaplikasikan pengetahuan teori yang telah di pelajari di IKMAS dalam pelbagai aspek dan meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih baik. Seterusnya, menyemai semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan warga IKMAS, JAKIM dan MIS serta masyarakat setempat.

SIMPOSIUM KEPIMPINAN MURABBI UMMAH IKMAS



Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



Simposium ini dihadiri oleh kakitangan dan pelajar IKMAS

20 Mac 2023 – IKMAS melalui Cawangan Kepimpinan Dan Alumni Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Simposium Kepimpinan Murabbi ummah bertempat di Auditorium Al-Wadi, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS).

Penganjuran simposium hari ini adalah amat bertepatan untuk membina daya kepimpinan yang berkualiti dan berkesan dalam kalangan pelajar selain membina keyakinan dan membentuk berketrampilan dalam potensi diri.

Menjadi tanggungjawab sesebuah institusi pengajian untuk mendidik dan mentarbiah para pelajar menjadi insan yang berjaya dalam akademik dan kemahiran komunikasi atau kata lain kemahiran dalam bidang Dakwah. Harapan tinggi dari JAKIM untuk mendidik pelajar-pelajar IKMAS supaya dapat memberi manfaat ilmu yang dipelajari serta menjadi “role model” kepada masyarakat di sekelilingnya setelah tamat pengajian.

Simposium Kepimpinan Murabbi Ummah telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

SIJIL PROFESIONALISME IMAM SARAWAK (SPIS) SIRI IV/2023 TAHAP 3



Slot bersama Imam Besar Negeri Sarawak,
Sahibul Fadilah Dato Haji Mustapha Kamal bin Haji Ahmad Fauzi



Sesi bergambar peserta bersama urus setia IKMAS

23 - 24 Ogos 2023 – IKMAS telah berganding bahu bersama MIS bagi menganjurkan Sijil Profesionalisme Imam Sarawak (SPIS) Siri IV/2023 Tahap 3 yang diadakan di Masjid Darul Naim, Kampung Lintang Kuching.

Objektif program telah meningkatkan pengetahuan berkaitan kepimpinan secara profesional dalam konteks seorang imam, meningkatkan kemahiran mengenai teknik komunikasi berkesan dan asas media sosial serta melahirkan imam yang berketrampilan dan mempunyai kemahiran yang pelbagai.

Peserta program terdiri daripada Imam 1 dan 2 Bahagian Kuching, Samarahan, Serian dan Sematan. Manakala

penceramah jemputan pula ialah Imam Besar Negeri Sarawak, Sahibul Fadilah Dato Haji Mustapha Kamal bin Haji Ahmad Fauzi, Timbalan Imam Besar Negeri Sarawak, Ust Haji Mohammad Ihsan bin Haji Haidzir, Pegawai Tadbir, Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Jabatan Premier Sarawak, Encik Awang Mohamad Razif bin Awang Yusuf dan Ketua Cawangan Pengajian Sepanjang Hayat, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak, Ust Hasfa Bakhyri bin Hassan. Manakala fasilitator program ialah Penolong Imam Bahagian Kuching, Ustaz Awang Mohd Safwan bin Awang Sefari.

INSTITUT LATIHAN ISLAM MALAYSIA (ILIM)

PENGENALAN

Sebagai sebuah institusi latihan awam Islam di peringkat persekutuan, ILIM bertanggungjawab dalam merancang pembangunan latihan dan melaksanakan program latihan kepada pegawai Perkhidmatan Hal Ehwal Islam (PHEI) terutamanya dalam aspek pengurusan hal ehwal Islam. Program latihan yang dilaksanakan secara terancang mampu memberi impak positif kepada organisasi terutamanya dari segi pembangunan modal insan bagi jangka masa panjang. Modal insan merupakan aset penting dan mempunyai peranan yang cukup besar terhadap pemeliharaan kesucian agama Islam dan pembangunan ummah secara holistik,

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN


PENCAPAIAN KESELURUHAN PROGRAM ILIM 2023

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan program yang telah dilaksanakan oleh ILIM adalah sebanyak **773 program** yang melibatkan enam (6) buah kampus ILIM iaitu Kampus Utama Bangi, Kampus Besut, Kampus Jelebu, Kampus Kundasang, Kampus Lahad Datu dan Kampus Lawas. Program yang dilaksanakan adalah berbentuk kursus, bengkel, seminar, kuliah, muhadarah, diskusi, wacana, kelas pengajian dan kunjung hormat serta mesyuarat-mesyuarat utama yang dijalankan secara bersemuka, hibrid dan secara dalam talian yang melibatkan pelbagai sasaran.

selari dengan prinsip *maqasid al-syariyyah*. Justeru, ILIM memainkan peranan dalam memastikan agar setiap pegawai hal ehwal Islam khususnya dan penjawat awam amnya dilengkapi dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran secara berterusan. Pembangunan latihan yang terancang juga adalah untuk memastikan kemenjadian pegawai hal ehwal Islam dari sudut pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni serta pengetahuan dan kemahiran yang bersifat professional.




Gambar Rajah 1 : Kategori sasaran peserta ILIM



Carta 1 : Jumlah keseluruhan program/aktiviti ILIM bagi tahun 2023 mengikut kampus ILIM

PROGRAM LATIHAN KEPADA PHEI 2023

Sebanyak 254 daripada 773 program yang dilaksanakan oleh ILIM adalah berbentuk latihan khusus kepada PHEI dengan mengambil kira kompetensi yang terdapat dalam Pelan Latihan JAKIM yang dikenali sebagai *Training Road Map* (TRM) JAKIM.



Carta 2 : Jumlah Program latihan ILIM berdasarkan *Training Road Map* JAKIM

KOMPONEN/SASARAN	Teras Generik	Teras Utama	Fungsian Khusus	Fungsian Penempatan
PHEI SEDANG BERKHIDMAT	✓		✓	✓
PHEI LANTIKAN BAHRU		✓		
KUMPULAN P&P PHEI JAKIM	✓		✓	✓
KUMPULAN PELAKSANA PHEI JAKIM	✓		✓	✓
AGENSI AGAMA PERSEKUTUAN	✓			✓
AGENSI AGAMA NEGERI	✓			✓

Latihan ini merangkumi pembangunan **kompetensi teras** yang berkaitan dengan organisasi dan tingkah laku. Manakala **kompetensi fungsian** pula berkaitan dengan pengetahuan dalam sembilan (9) bidang teras pengurusan hal ehwal Islam



Gambar rajah 2 : Keperluan Kompetensi Fungsian berdasarkan sembilan bidang teras PHEI

PROGRAM LATIHAN KEPADA PERUNDING LATIHAN ISLAM TAHUN 2023

Pegawai ILIM dikenali sebagai perunding latihan Islam perlu memiliki keupayaan kapasiti dan kepakaran tenaga pengajar bagi memastikan ILIM berupaya menjalankan fungsinya sebagai institusi latihan Islam yang mantap dan berwibawa

serta berupaya memenuhi kehendak semasa. Pada tahun 2023, ILIM telah melaksanakan empat (4) program latihan yang melibatkan peserta dalam kalangan perunding latihan ILIM.

NAMA KURSUS	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PESERTA
KURSUS PEMBANGUNAN PERUNDING LATIHAN ISLAM (MURABBI RABBANI)	4-5 JULAI	ILIM KAMPUS UTAMA BANGI	25 ORANG
KURSUS PEMBANGUNAN TAKWIM FALAK	17-20 JULAI	JOHOR	20 ORANG
KURSUS <i>INTER RELIGION AND CULTURE UNDERSTANDING</i>	23 SEPTEMBER-7 OKTOBER	NEW ZEALAND	4 ORANG
KURSUS TRAINING OF TRAINER : PEMANTAPAN PERUNDING LATIHAN MURABBI	6-8 NOVEMBER	PULAU PANGKOR	20 ORANG

Gambar rajah 3 : Senarai program latihan yang dianjurkan kepada perunding latihan bagi Tahun 2023.

KURSUS KHAS PHEI JAKIM KE LUAR NEGARA

Sebagai peneraju latihan Islam di Malaysia, ILIM telah meneruskan langkah dengan melatih PHEI JAKIM dalam pelbagai bidang pengurusan hal ehwal Islam. Pada tahun 2023, ILIM telah menghantar dua (2) orang pegawai JAKIM ke **Cambridge Islamic Centre, United Kingdom** bagi mengikuti **Leadership Engagement Programme** bermula pada **12 November hingga 12 Disember 2023** dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Islam. ILIM juga telah

menghantar seramai sembilan (9) orang pegawai daripada JAKIM, MAIN/JAIN, untuk mengikuti **Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa** di Darul Ifta' Mesir selama 2 bulan bermula pada **4 November hingga 31 Disember 2023**. Semoga usaha dan peranan ILIM dapat melonjakkan lagi profesionalisme dan kompetensi Pegawai Hal Ehwal Islam dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pengurusan hal ehwal Islam di negara ini.

PEMANTAUAN KUALITI LATIHAN

Penilaian Keberkesanan Latihan

Sebanyak **104 penilaian** keberkesanan latihan melalui sistem penilaian ITIS (Sistem Maklumat Latihan ILIM) telah dijalankan terhadap program latihan di ILIM yang meliputi aspek pengurusan kursus, kandungan modul, fasiliti, penceramah

dan tahap peningkatan peserta dari aspek pengetahuan dan kefahaman. Manakala Penilaian Pra dan Pasca juga telah dijalankan terhadap empat (**4**) kursus di bawah kompetensi Fungsian Khusus yang bertujuan untuk menilai tahap kefahaman dan kemahiran sebelum dan selepas menghadiri kursus.



Gambar Rajah 4 : Penilaian yang dijalankan di ILIM bagi tahun 2023

Dapatkan Penilaian adalah untuk penambahbaikan dalam merangka program atau kursus agar penyampaian latihan dan aktiviti yang dilaksanakan di ILIM lebih efektif dan berkesan terutamanya dari aspek kandungan modul dan

pemilihan penceramah. ILIM sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kualiti program sedia ada dan baharu melalui penilaian keberkesaan dan penambahbaikan modul latihan

Pembangunan Modul Latihan

Selain melaksanakan latihan, ILIM juga bertanggungjawab dalam memastikan kesemua modul latihan menepati dengan keperluan pelanggan serta selari dengan dasar semasa kerajaan. ILIM sentiasa menjalankan kajian analisis keperluan dalam pembangunan modul latihan di ILIM. Pada

tahun 2023, ILIM telah membuat semakan terhadap modul-modul latihan secara berperingkat bagi memastikan kualiti dan keberkesaan latihan di samping membangunkan modul baharu.



Gambar rajah 5 : Modul semakan dan Modul Baharu bagi tahun 2023

ANTARA RANGKUMAN AKTIVITI/ PROGRAM ILIM SEPANJANG TAHUN 2023.

KURSUS KOMPETENSI TERAS UTAMA



Program Eksekutif Pengurusan Hal Ehwal Islam Gred S41 pada 10 Julai-30 Ogos 2023

KURSUS KOMPETENSI TERAS GENERIK



Program Transformasi JAKIM Sejiwa pada 10-12 Oktober 2023

Kursus Asas i-Sign OKU Pendengaran 26-27 September 2023

KURSUS KOMPETENSI FUNGSIAN KHUSUS



Kursus Kompetensi Profesionalisme Al-Hay'ah pada 13-15 Jun 2023



Kursus Perbandingan Agama pada 14-16 Mac 2023

KURSUS KOMPETENSI FUNGSIAN PENEMPATAN



Kursus Penguatkuasaan Syariah pada 24-26 Oktober 2023



Kursus Metodologi Street Dakwah pada 15-17 Ogos 2023

KURSUS KOMPETENSI FUNGSIAN PENEMPATAN



Kursus Pengurusan Dakwah dan Pengendalian Fatwa di Darul Ifta' Mesir pada 4 November hingga 31 Disember 2023



Leadership Engagement Programme di Cambridge Muslim College pada 12 November hingga 12 Disember 2023

KURSUS PERUNDING LATIHAN (TENAGA PENGAJAR)



Kursus TOT : Pemantapan Perunding Latihan Islam Murabbi pada 6-8 November 2023



Kursus Pemahaman Antara Agama : Inter Religion Course New Zealand 24 September hingga 8 Oktober 2023

SEMINAR DAN DISKUSI



Seminar Halal 2023 : Halal dan Toyib Satu Tuntutan pada 30 Oktober 2023



Diskusi Tadabbur Al-Quran : Membina Jiwa Tauhidik dalam Perkhidmatan Awam pada 12 Julai 2023

KUNJUNG HORMAT/MESYUARAT



Kunjung Hormat dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei pada 13 Oktober 2023



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Kualiti Latihan pada 11 Ogos 2023

PERASMIAN/PELANCARAN



Perasmian Falak Competency Training Centre (FALCOM)
pada 9 September 2023



Sambutan 25 Tahun ILIM pada 9 September 2023

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

1. WALKABOUT TKPP JAKIM KE INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

12 Julai 2023, Keningau- Satu Walkabout TKPP JAKIM, Tuan Haji Ahmad Fuad bin Apandi ke Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah telah berjalan dengan lancar pada hari ini.

Walkabout ini betujuan untuk menghadiri Mesyuarat Tapak Bilangan 3 2023 bersama JKR bagi Projek Pembinaan Fasa

Ketiga Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah Keningau RMK-12.

Lawatan tapak projek turut dijalankan bagi meninjau dan memantau perkembangan projek terkini yang sedang dilaksanakan. Turut hadir Walkabout hari ini, Pengarah Kewangan JAKIM, dan Jruutera JAKIM.



WALKABOUT TKP(P) JAKIM KE INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah



2. KONVENSYEN INOVASI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SABAH TAHUN 2023

01 JUN 2023, Kota Kinabalu - Konvensyen Inovasi Pendidikan Tinggi Islam Sabah (KIPTIS) siri II/2023 yang dianjurkan oleh IPDAS telah diadakan di Hotel Promenade, Kota Kinabalu.

Bertemakan "Inovasi Pendidikan Tinggi Islam Pemangkin Kejayaan Malaysia Madani Di Sabah", konvensyen ini bertujuan untuk merungkai persoalan mengenai proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran berkesan pada masa kini untuk memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0.



3. MAJLIS PECAH TANAH PEMBANGUNAN IPDAS FASA 3.

13 September 2023, Keningau - Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Keningau. Projek Pembinaan Fasa Ketiga IPDAS, Keningau, Sabah melalui peruntukan Rolling Plan Pertama (RP1) tahun 2021, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-

12) ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM60,000,000.00 oleh Kementerian Ekonomi. Projek ini sedang dalam kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sebagai agensi pelaksana dijadualkan siap pada 23 Mac 2026.



4. LAWATAN TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN) JAKIM KE TAPAK PROJEK RMK-12 INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

Keningau, 19 Oktober 2023 - Satu lawatan tapak Projek Pembinaan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Keningau - Fasa 3 (Reka dan Bina) oleh YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM telah berjalan dengan lancar pada hari ini. Lawatan tapak projek dimulakan dengan sesi taklimat dan

penerangan daripada pihak JKR dan kontraktor mengenai perincian dan perkembangan projek RMK-12 ini. YBhg. Dato' Haji Zamani Ahmad bin Mansor telah memberikan pandangan serta idea baharu bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.



CATATAN



PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIAH

BAHAGIAN DASAR KEMAJUAN ISLAM

PROGRAM PERTEMUAN KHAS YAB PERDANA MENTERI BERSAMA PENGURUSAN KANAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA JAKIM

Pada 30 Mei 2023, buat julung-julung kalinya, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam Program Pertemuan Khas YAB Perdana Menteri Bersama Pengurusan Kanan JAKIM bertempat di Kompleks Islam Putrajaya.

YAB Perdana Menteri meletakkan harapan tinggi kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk tampil sebagai sebuah gedung dakwah yang menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat dan bertindak sebagai institusi contoh dalam pengurusan hal ehwal Islam. Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

MAJLIS ILMU MADANI DAN SESI DIALOG YAB PERDANA MENTERI BERSAMA PEGAWAI JAKIM DAN AGENSI AGAMA

Majlis Ilmu MADANI dan Sesi Dialog YAB Perdana Menteri bersama Pegawai JAKIM dan pegawai-pegawai Agensi Agama di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah berlangsung pada 29 September 2023. Hadirin turut menunaikan solat Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin, Ustaz Zulkeffly bin Adimun dan disusuli dengan tausiyah (nasihat) yang disampaikan oleh Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan sebelum sesi dialog dengan YAB Perdana Menteri.



PEMUKIMAN AGENSI AGAMA DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) TAHUN 2023

Pemukiman Agensi Agama di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Tahun 2023 telah diadakan pada 28 dan 29 Mac 2023 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi dan disertai oleh YB Menteri, Ketua-ketua Agensi Agama serta penyelaras agensi. Permukiman ini bertujuan untuk merancang gerak kerja dan pengurusan agensi agama yang holistik, lebih strategik dan berpadu agar dapat merealisasikan perkhidmatan hal ehwal Islam menuju ke arah Malaysia MADANI.

Hasil daripada pemukiman ini, satu rangkaian pembangunan telah dibentuk iaitu Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI (Al Falah) yang menggariskan 5 Teras Strategik, 10 Fokus Utama dan 5 Nilai gerak kerja yang mana setiap teras diperincikan dengan strategi yang jelas dan program komprehensif untuk mencapai keberhasilan yang ditetapkan.



DIALOG BELANJAWAN 2024 AGENSI AGAMA BERSAMA YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)


Majlis Dialog Belanjawan 2024 agensi agama telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 7 September 2023 bertempat di Dewan Sheikh Daud Al Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Majlis ini merupakan sesi libat urus antara kerajaan dengan pemain industri kemajuan Islam yang terdiri daripada agensi kerajaan, sektor swasta, akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam proses merangka belanjawan negara 2024.

Seramai 150 orang peserta hadir dalam sesi dialog ini dan sebanyak 18 peserta mengutarakan pandangan dan cadangan secara terus kepada YB Menteri di JPM (HEA) yang

turut dihadiri oleh Pasukan Belanjawan daripada Kementerian Kewangan (MOF). Antara pandangan yang diutarakan adalah meliputi penambahbaikan kebijakan guru KAFA, pendidikan tahfiz, pemerksaan dakwah, institusi masjid, pengurusan industri halal, pemerksaan wakaf dan sebagainya.

Melalui input yang disampaikan dalam sesi dialog ni antara lain merupakan iktiar di peringkat akar umbi bagi memastikan pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam di negara ini lebih menyeluruh dan berkesan. Maklum balas dan cadangan daripada semua pemain industri ini diangkat kepada Pasukan Belanjawan Kementerian Kewangan Malaysia untuk diteliti dan diperhalusi ke arah menterjemahkan rangka kerja Ekonomi MADANI khusus untuk penyediaan Belanjawan 2024.




PENCAPAIAN SASARAN KERJA STRATEGIK (SKS) DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) JAKIM TAHUN 2023

Pelaporan pencapaian program/projek di bawah Sasaran Kerja Strategik (SKS) dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) JAKIM telah dibentang dalam Mesyuarat (Penilaian Akhir Tahun 2023 dan Perancangan Tahun 2024) yang telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2023 bertempat di Geno Hotel, Shah Alam. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM dan disertai oleh Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Bahagian, Pegawai Kanan JAKIM serta penyelaras SKS dan KPI Bahagian di JAKIM. Mesyuarat ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program-program di bawah SKS dan KPI untuk tahun 2023 dan membincang serta merangka program bagi tahun 2024. Secara keseluruhannya, pencapaian Sasaran Kerja Strategik (SKS) tahun 2023 adalah sebanyak 97.52% dan pencapaian kumulatif bagi tujuh tahun adalah 67.54% dengan pengenalpastian 13 program lewat jadual. Manakala pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2023 adalah sebanyak 86.42% iaitu 41 Output telah capai sasaran dan 4 Output tidak mencapai sasaran. Program-program yang tidak capai sasaran telah dicadangkan langkah-langkah yang bersesuaian untuk dilaksanakan.



RINGKASAN PELAPORAN



RUMUSAN PENCAPAIAN SKS PENILAIAN AKHIR TAHUN 2023

PELAN STRATEGIK JAKIM 2019-2025



TERAS	JUMLAH STRATEGI	JUMLAH PROGRAM
Teras 1	4	8
Teras 2	3	11
Teras 3	6	16
Teras 4	6	13
Teras 5	6	17
Teras 6	8	23
Teras 7	3	9



BENGKEL SEMAKAN SEPARUH PENGGAL PELAN TINDAKAN SOSIAL ISLAM (PTSI) 2019-2025 BILANGAN 4/2023

Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) JAKIM dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah menganjurkan Bengkel Semakan Separuh Penggal PTSI 2019-2025 Bil. 4/2023 bertempat di Insitut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor bermula 15 Ogos 2023 hingga 17 Ogos 2023. Objektif penganjuran bengkel ini adalah bagi mengkaji hasil dapatan analisis jurang pelaksanaan program dalam tempoh tiga tahun dari 2019-2022 (separuh penggal) dan menambah baik pelan sedia ada supaya dapat dilaksanakan dengan lebih berstrategik dan bersistematis serta berimpak tinggi

dalam menangani isu-isu sosial selaras dengan konsep madani. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MAMPU dan semua agensi yang terdiri daripada 14 Kementerian, 28 Agensi Kerajaan dan 14 Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Hasil bengkel ini dan segala cadangan penambahan PTSI versi 2.0 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kepimpinan Tertinggi (JKT) JAKIM untuk persetujuan dan seterusnya akan dimaklumkan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) akan datang.



PROGRAM DISABILITY EQUALITY TRAINING (DET)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Dasar Kemajuan Islam (BDKI) dan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Program *Disability Equality Training* (DET). Program ini adalah kerjasama strategik JKM dan JAKIM dalam usaha memberi pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat untuk lebih bersifat inklusif dan cakna kepada orang kelainan upaya (OKU).

Ianya merupakan satu kaedah komprehensif untuk memahami isu-isu berkaitan ketidakupayaan berdasarkan kepada

perspektif model sosial. Program yang berlangsung sehari iaitu pada 24 Ogos 2023 bertempat di Dewan Blok B, JAKIM telah dihadiri seramai 30 peserta terdiri daripada pegawai kanan dan kakitangan JAKIM. Usaha sama antara agensi ini akan diteruskan di masa hadapan sebagai platform baharu dalam memahami dan menyantuni OKU, khususnya OKU Muslim dalam membentuk masyarakat MADANI. Program ini diakhiri dengan slot simulasi dan latihan dalam memahami bentuk halangan serta cara yang betul ketika mengendali OKU.



KOLOKIUM MADANI PERKHIDMATAN AWAM (KMPA) 2023

Elemen pembudayaan nilai murni dalam tadbir urus negara adalah tonggak kepada pembangunan Negara MADANI yang lebih gemilang. Mengambil hasrat daripada YAB Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan program Kolokium MADANI Perkhidmatan Awam 2023 pada 08 November 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Program yang julung kali diadakan ini telah menghimpunkan lebih 800 orang peserta melibatkan penyertaan daripada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri.

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyampaikan amanat khas pada majlis ini. Program ini dimulakan dengan Ucaptama yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara. Turut membuat pembentangan pada kolokium ini YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin bin Syed Mohd Tahir, Executive Chairman of Dagang NeXchange Berhad (DNeX) merangkap Ahli Majlis Agama Islam Wilayah

Persekutuan (MAIWP) dengan tajuk Tadbir Urus Negara MADANI:Kelestarian dan Kesejahteraan.



PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN PENAZIRAN INSTITUSI TAHFIZ

Garis Panduan Penaziran Institusi Tahfiz telah dibangunkan bagi membantu institusi tahfiz untuk peningkatan standard kualiti Pendidikan dari semasa ke semasa serta memudahkan penyelarasian oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN). Pembangunan Garis Panduan Penaziran Institusi Tahfiz ini adalah hasil kolaborasi pandangan dan perkongsian pengalaman daripada rakan-rakan strategik JAKIM yang terdiri daripada Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN), agensi-agensi kerajaan, dan persatuan tahfiz.

Garis panduan ini memberi fokus kepada empat (4) skop penaziran iaitu pengurusan, kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum. Turut diselaraskan adalah peranan, kriteria nazir dan syarat-syarat utama penaziran. Garis panduan ini juga dilengkapi dengan prosedur pelaksanaan penaziran beserta contoh borang yang digunakan.

Empat sesi pertemuan telah diadakan untuk membangunkan garis panduan ini iaitu :

- i) Perbincangan Kerangka Garis Panduan Penaziran Institusi Tahfiz pada 14 Januari 2023 di Kompleks Islam Putrajaya;
- ii) Sesi Libat Urus Penyediaan Draf Garis Panduan Penaziran Institusi Tahfiz pada 20 Februari 2023 di Kompleks Islam Putrajaya;
- iii) Bengkel Pembangunan Garis Panduan Penaziran Institusi Tahfiz pada 6-7 Jun 2023 di Kompleks Islam Putrajaya; dan
- iv) Bengkel Semakan dan Pemurniaan Garis Panduan Penaziran Institusi Tahfiz pada 16-19 Julai 2023 di ILIM Kampus Kundasang.



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK DASAR PENDIDIKAN TAHFIZ NEGARA BIL.1/2023

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Dasar Pendidikan Tahfiz Negara Bil. 1/2023 telah diadakan pada 8 Disember 2023 dan dipengerusikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Kementerian, Agensi Persekutuan dan persatuan tahfiz yang akan menentukan hala tuju pelaksanaan DPTN. Dasar ini amat penting sebagai rujukan utama dalam memperkasakan pendidikan tahfiz di Malaysia dan ia digerakkan melalui teras dan strategi yang

bersifat menyeluruh serta memerlukan penglibatan semua pihak yang bertanggungjawab.

Pada mesyuarat kali ini, pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara telah diteliti serta cadangan-cadangan penambahbaikan bagi memacu pemerkasaan pendidikan tahfiz di Malaysia telah dikemukakan. Persetujuan sebulat suara telah dicapai untuk menyemak semula Dasar Pendidikan Tahfiz Negara bagi meneroka teras serta strategi baru yang selari dengan perkembangan semasa dalam landskap pendidikan tahfiz negara.



MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-69

Tanggal 6 Mac 2023 telah mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila buat julung kalinya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) bermesyuarat dalam sidang yang dipengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Hal ini selaras dengan pemakaian Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022 yang telah diperkenankan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-258 pada 9 dan 10 Mac 2022, yang memperuntukkan Pengerusi MKI dipilih oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dalam kalangan Raja Pemerintah, manakala YAB Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi.

Dalam titah ucapan pengerusi, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menzahirkan ucapan kesyukuran atas penghormatan yang diberikan untuk Baginda memegang amanah sebagai Pengerusi MKI yang baharu, dan Baginda memberikan komitmen untuk menggalas tugas ini dengan sedaya upaya

Baginda serta penuh rasa tanggungjawab. Baginda turut menzahirkan harapan agar hubungan kerjasama antara persekutuan dan negeri-negeri dalam hal ehwal pentadbiran Islam akan terjalin dengan lebih erat. Baginda turut berpesan kepada ahli-ahli majlis agar sentiasa menghormati pandangan negeri-negeri dan menjaga hubungan baik antara persekutuan dengan negeri, agar pentadbiran agama Islam di negara ini dapat berjalan dengan licin dan penuh persefahaman. Hal ini selari dengan hasrat Majlis Raja-Raja yang telah menzahirkan persetujuan untuk memperkasakan semula peranan MKI sebagai sebuah institusi bertanggungjawab menasihati Raja-Raja Melayu dalam menambah baik tadbir urus agama Islam di peringkat persekutuan. Mesyuarat MKI Kali Ke-69 yang berlangsung pada 6 Mac 2023 di Istana Melawati Putrajaya turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia selaku Timbalan Pengerusi MKI.



DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-70

Sidang Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-70 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berlangsung dengan jayanya pada tanggal 28 Ogos 2023 bertempat di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Selangor. Pada Mesyuarat MKI kali ini, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menzahirkan harapan agar negeri-negeri yang masih belum menganggotai MKI dapat menyahut

pelawaan dan menganggotai platform musyawarah MKI secara rasmi. Ini kerana MKI merupakan sebuah institusi yang mendapat perkenan Majlis Raja-Raja, bukan sahaja dari segi penubuhan, malah dari segi keahlianya. Selari dengan fungsi yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan MKI 2022, mesyuarat pada kali ini telah membincangkan perkara-perkara penting yang merangkumi aspek perundangan Islam, pengurusan hal ehwal Islam dan pendidikan agama Islam dengan sebanyak dua kertas cadangan serta lima kertas makluman telah dibentangkan.



PROGRAM PEMERKASAAN PENYELARASAN URUSAN PARLIMEN BAGI PEGAWAI PENYELARAS PARLIMEN JAKIM DAN AGENSI-AGENSI DI BAWAH YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) (HAL EHWAL AGAMA)

Pada 27 September 2023 (Rabu), Bahagian Dasar kemajuan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengadakan Program Pemerkasaan Penyelarasan Urusan Parlimen Bagi Pegawai Penyelaras Parlimen JAKIM Dan Agensi-Agenzi Di Bawah YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Hal Ehwal Agama) bertempat di Hotel Sama-Sama, Sepang, Selangor. Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah Bahagian dan Pegawai Penyelaras Parlimen Bahagian di JAKIM dan Pegawai Penyelaras Parlimen Agensi di Bawah YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) mengikuti program ini.

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memperkasa urusan penyelarasan Parlimen di JAKIM dan agensi-agensi di bawah YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) serta untuk memperkuuh kerjasama dalam kalangan pegawai-pegawai Penyelaras Parlimen agensi hal ehwal Islam.

Menerusi program ini, para peserta diberi pendedahan dan kefahaman berhubung urusan-urusan parlimen antaranya berkaitan Aturan Urusan Mesyuarat (AUM), *Minister's Question Time* (MQT), Kamar Khas, Undang-Undang

dan Peraturan-Peraturan, Peranan dan Fungsi, Prosedur Pembentangan, Perbahasan dan Penggulungan Rang Undang-Undang dan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) telah hadir bagi menyempurnakan majlis perasmian penutup program ini yang turut dihadiri oleh Dato' Dr. Sirajuddin Bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM dan Tn. Haji Amer Ali Bin Vali Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) serta pengarah-pengarah bahagian dan wakil Ketua-ketua Agensi di Bawah YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama).

Melalui ucapannya YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) menekankan agar semua Pegawai Penyelaras Parlimen hendaklah sentiasa melaksanakan tugas dengan penuh komited, berintegriti dan menonjolkan budaya kerja yang profesional.



MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN ARAB SAUDI

Majlis menandatangani Memorandum Kerjasama (MOC) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi dalam Pengiktirafan Bersama bagi Pensijilan Halal Produk Tempatan telah dilaksanakan pada 25 Mei 2023. Bagi pihak Kerajaan Arab Saudi, ia telah ditandatangani oleh Dr. Hisham Al-Jadhei, Ketua Pegawai Eksekutif, Saudi Food and Drug Authority (SFDA) dan bagi Kerajaan Malaysia ia ditandatangani oleh Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kerjasama

antara dua agensi ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara JAKIM dan SFDA dalam bidang pensijilan halal, malah yang lebih utama ia dapat membantu kelancaran masuk produk Malaysia yang memiliki pensijilan halal JAKIM ke pasaran Arab Saudi. MOC ini diyakini akan menyumbang kepada peningkatan perdagangan produk halal dan seterusnya memberi manfaat ekonomi yang besar kepada kedua-dua negara.



KONVENSYEN HAK ASASI MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa di bawah Bahagian Dasar Kemajuan Islam telah mengadakan Konvensyen Hak Asasi Manusia Menurut Perpektif Islam pada 12 Oktober 2023 di Dewan Datuk Mohd Shahir, IIIM Kampus Utama Bangi yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff. Konvensyen ini telah dihadiri seramai 200 orang peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dengan objektif memberi pemahaman yang lebih jelas di kalangan masyarakat tentang konsep hak asasi manusia menurut perspektif Islam selain mengemukakan cadangan-cadangan kepada pihak kerajaan dalam isu-isu hak asasi. Terdapat enam kertas telah dibentangkan iaitu Islam dan Hak Asasi Manusia.

Peranan Independent Permanent Human Right Commission (IPHRC) Dalam Membina Naratif Hak Asasi Manusia Negara Anggota OIC, Universal Declaration of Human Rights dan Cairo

Declaration of Human Rights in Islam: Satu Perbandingan, The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW) dan Undang-undang Keluarga Islam, Kebebasan Beragama dalam Konteks Perlembagaan Persekutuan dan Comprehensif Sexuality Education (CSE): Perspektif Islam.



MENANDATANGANI MEMORANDUM KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN REPUBLIK INDONESIA

Majlis menandatangani Memorandum Kerjasama MOC antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia dalam Pengiktirafan Bersama bagi Pensijilan Halal Produk Tempatan telah dilaksanakan pada 8 Jun 2023 bertempat di Kompleks Sri Perdana.

Bagi pihak Kerajaan Republik Indonesia, ia telah ditandatangani oleh Muhammad Aqil Irham Mohd, Ketua Badan Penyelenggara Jaminan Produk Halal (BPJPH) dan bagi pihak Kerajaan Malaysia, ia telah ditandatangani oleh

Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain pengiktirafan bersama pensijilan halal, kerjasama itu turut meliputi aspek latihan, penyelidikan dan analisis produk. MOC ini adalah penting bagi pengukuhan kerjasama antara badan-badan pensijilan halal antara kedua-dua negara serta bagi kelancaran perdagangan produk halal kedua-dua negara.



PERSIDANGAN JPPIK MKI FOKUS USAHA MEMPERKASAKAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM

Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-58 telah bersidang pada 15 Mei 2023 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), JAKIM, Bangi, Selangor dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom dengan dihadiri oleh ahli-ahli JPPIK MKI yang dilantik oleh MKI dengan perkenan Majlis Raja-Raja dan ahli-ahli dari setiap negeri yang dilantik oleh Raja Pemerintah Negeri itu. Turut hadir, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri-Negeri. Persidangan ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM selaku Setiausaha JPPIK MKI.

Empat kertas telah dibentangkan dalam persidangan ini, antaranya berkenaan Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah JPPIK MKI oleh JAKIM, Pelaksanaan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Kepada Mudir/Pengetua/Guru Besar Sekolah Agama/ Pondok/ Tahfiz yang berdaftar JAKIM oleh Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Hala Tuju Pendidikan Tinggi Bagi Lepasan Aliran Agama oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Pembangunan Modal Insan Berkemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz oleh Penggerak Huffaz Berkemahiran Selangor. Fokus persidangan kali ini bertujuan untuk memperkasakan Institusi Pendidikan Islam dalam aspek pelaksanaan dan pengoperasian serta tata kelola yang baik (*good governance*) di seluruh institusi tahfiz/ pondok, sekolah-sekolah agama persendirian dan Program Kelas Al-Quran dan Farud Ain (KAFA).



PLATFORM MEMANTAPKAN INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM MELALUI PERSIDANGAN JPPIK MKI

Persidangan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-59 telah bersidang pada 26 Oktober 2023, bertempat di Hotel The Grand Renai, Kota Baharu, Kelantan dengan penganjuran bersama antara JAKIM dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Persidangan ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Pengurus JPPIK MKI dengan dihadiri oleh ahli-ahli JPPIK MKI dan ahli-ahli wakil setiap negeri yang dilantik oleh Raja Pemerintah Negeri. Turut hadir, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Yayasan Islam Negeri-Negeri. Turut dihadiri; YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAKIM mewakili Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM merangkap Setiausaha JPPIK MKI.

Persidangan dimulakan dengan sesi pembentangan kertas daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkenaan Laluan Alternatif Pelajar Tahfiz/ Pondok ke Institusi Pendidikan Tinggi di mana pelajar lepasan sekolah tahfiz, pondok dan madrasah boleh menggunakan laluan alternatif Pengakreditan Pembelajaran Pengalaman Terdahulu (APEL) untuk menyambung pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan atau swasta. Seterusnya pembentangan kertas oleh PERKESO berkenaan penyediaan jaringan keselamatan sosial untuk penggiat Islam dan landskap pasaran buruh halal. Selain itu, pembentangan kertas oleh ACP Zaiton binti Tokiman, Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman berkenaan Isu-Isu Penderaan Seksual dan Fizikal di Tahfiz/ Pondok/ Sekolah Agama, Dr. Haji Khodori bin Haji Ahmad dari Gabungan Persatuan Pendidikan Islam Malaysia mengenai Kelayakan Untuk Pergerakan (Credential For Mobility) dan Dr. Fazlulaini binti Mohd Yunus dari ILIM JAKIM mengenai Pembangunan Aplikasi Glosari Istilah Islam (i-Sign) Versi Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Bagi Keperluan Komuniti

OKU Pendengaran di Malaysia. Turut diadakan program Lawatan Mahabbah ke Maahad Tahfiz Al-Quran Waddinnya Lil Banat, Kampung Dusun Rendah, Wakaf Bharu, Kelantan yang merupakan salah sebuah institusi Pendidikan Islam (IPI) yang menerima bantuan kewangan daripada pihak Jabatan

Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



SESI LIBAT URUS BERSAMA AGENSI PELAKSANA NEGERI BERKAITAN CADANGAN PENYELARASAN PROGRAM KELAS AL-QURAN DAN FARUDAIN DI BAWAH STRATEGI 1: MEMPERKUKUH INSTITUSI PENDIDIKAN AL-QURAN DAN FARUDAIN, TERAS 5, PROGRAM KAFA PERDANA, PELAN TRANSFORMASI HAL EHWAL AGAMA MENUJU MALAYSIA MADANI (AL-FALAH)

Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia Madani (AL-FALAH) yang dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 31 Januari 2023 telah menggariskan lima teras. Teras ke-5 iaitu Kehormatan Institusi Islam memperincikan berkaitan Fokus ke-9 iaitu Keunggulan Pendidikan Islam dan Dakwah Berhikmah. Dalam hubungan ini, JAKIM melalui Bahagian Dasar Kemajuan Islam telah diberi tanggungjawab bagi melaporkan dan menggerakkan aktiviti-aktiviti di bawah Strategi 1: Memperkuuh Institusi Pendidikan Al-Quran dan Farudain, Program KAFA Perdana.

Susulan itu, JAKIM giat mengadakan sesi libat urus secara intensif kepada negeri-negeri yang digerakkan bagi mendapatkan pandangan pihak negeri berkaitan cadangan penyelarasan Program KAFA dan melihat pengoperasian KAFA di negeri ke arah persekolahan selama 5 hari dan peningkatan jumlah jam bekerja Guru KAFA selama sekurang-kurangnya 6 jam sehari serta kesesuaian premis yang membolehkan keberadaan guru tersebut.

Bagi merealisasikan Program KAFA Perdana, JAKIM telah melaksanakan sesi libat urus kepada empat buah negeri iaitu bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) pada 12 September 2023, Jabatan Agama Islam Sarawak

(JAIS) pada 30 Oktober 2023 dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) pada 30 November 2023 serta Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) pada 8 Disember 2023. Sesi libat urus ini bertujuan bagi mendapatkan penerangan prestasi Guru KAFA dan pandangan pihak negeri berkaitan cadangan penyelarasan Program KAFA di samping memperkuuh hubungan strategik dengan Agensi Pelaksana KAFA Negeri.



BAHAGIAN PENYELARASAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS), JAKIM komited dalam melaksana program dan aktiviti yang menyokong dasar JAKIM yang telah digariskan dalam Pelan Strategik JAKIM 2019-2025 di bawah Teras 1: Perundungan yang menumpukan kepada memperkasa penyelarasan dan penyeragaman undang-undang ke arah pelaksanaannya yang berkesan. Semua program dan aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan berpandukan tiga strategi utama iaitu:

Pertama: Menyelaras dan menyeragam pelaksanaan undang-undang Islam antara agensi-agensi berkaitan;

Kedua: Meningkatkan ketelusan fungsi penguatkuasaan dan pendakwaan syariah; dan

Ketiga: Pelaksanaan tugas secara cepat dan berkesan. Berikut adalah laporan pelaksanaan program dan aktiviti mengikut strategi yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2023:

MENYELARAS DAN MENYERAGAM PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM ANTARA AGENSI-AGENSI BERKAITAN

i. Penyemakan dan Pemurnian Garis Panduan Pelaksanaan Waran Tangkap Luar Bidang Kuasa

16 – 18 September 2023 - Usaha untuk memperkasakan institusi perundungan Syariah diteruskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan penganjuran Mesyuarat Semakan dan Pemurnian Garis Panduan Pelaksanaan Waran Tangkap Luar Bidang Kuasa Bil.2/2023 di Shah Alam.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, Ketua Pendakwa Syarie, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah dan Peguam Kanan Persekutuan dari Jabatan Peguam Negara. Selain itu, Supt. Akmal bin Yahaya dan Insp. Moharmustaqeem bin Ali Seman daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) turut membantu BPPPS JAKIM dalam usaha menyemak dan memurnikan draf Garis Panduan Pelaksanaan Waran Tangkap Luar Bidang Kuasa tersebut.

Penyemakan dan pemurnian Garis Panduan Pelaksanaan Waran Tangkap Luar Bidang Kuasa dibuat bagi memastikan panduan pelaksanaan waran tangkap di luar bidang kuasa adalah teratur dari aspek perundungan dan terus relevan dengan situasi semasa. Garis Panduan tersebut diharapkan dapat membantu semua pihak yang berkenaan dalam melaksanakan tugas demi memartabatkan perundungan Syariah di negara ini.

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelaras Pendakwaan Syariah

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penyelaras Pendakwaan Syariah: Pindaan Arahah Ketua Pendakwa Syarie telah diadakan sebanyak 2 siri iaitu pada 6-8 Jun 2023 dan 26-27 September 2023. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah BPPPS iaitu YBrs. Tuan

Ahmad Husaini bin Mustafa dan dihadiri oleh semua Ketua Pendakwa Syarie Negeri seluruh Malaysia. Objektif mesyuarat adalah untuk menyemak dan memurnikan Semula Arahan Ketua Pendakwa Syarie agar ianya dapat dijadikan rujukan oleh pendakwa syarie.

iii. Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri

Mesyuarat Jawatankuasa Penyemakan dan Penggubalan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri sebanyak 3 siri pada tahun ini iaitu pada 8-10 Mei 2023, 13-15 Jun 2023 dan 30-31 Oktober - 1 November 2023. Mesyuarat yang telah dihadiri oleh Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Negeri-Negeri dan wakil tersebut telah menyemak dan memperhalusi Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 yang merupakan garis panduan umum kepada Pegawai Penguat Kuasa Agama dalam melaksanakan tugas mereka.

Mesyuarat turut mencadangkan beberapa cadangan pindaan bagi tujuan penambahbaikan kepada tatacara sedia ada selaras dengan misi ke arah pemerkasaan institusi penguatkuasaan syariah.

iv. Konsultasi Garis Panduan/Arahah Baharu kepada Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 4 siri konsultasi pendakwaan dan penguatkuasaan syariah diadakan kepada Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie:

- a. Kod Etika Penguat Kuasa Agama
- b. SOP Mengiringi Orang Yang Ditangkap ke Mahkamah atau Tempat Tahanan
- c. Kod Etika Pendakwa Syarie
- d. Jerayawara Sistem e-Jinayat

v. Mesyuarat Jawatankuasa Penggubalan Manual Elemen Elemen Kesalahan Jenayah Syariah

Bahagian Penyelaras Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah meneruskan agenda memperkasakan Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie dengan menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Penggubalan Manual Elemen-Elemen Kesalahan Jenayah Syariah siri 1/2023 pada 24 – 26 Mei 2023 dan siri 2/2023 pada 23-25 Oktober 2023. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin Mustafa, Pengarah Bahagian Penyelaras Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah.

Mesyuarat yang bertujuan untuk menyediakan satu manual seragam yang mengandungi elemen-elemen kesalahan jenayah Syariah bagi rujukan dan panduan Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie seluruh Malaysia tersebut telah dihadiri oleh ahli Jawatankuasa yang dilantik yang terdiri daripada Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Negeri-Negeri, Ketua Pendakwa Syarie Negeri-Negeri dan wakil dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

MENINGKATKAN KETELUSAN FUNGSI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN SYARIAH

Di bawah strategi ini, sebanyak 11 program dan aktiviti telah dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai agensi iaitu:

i. Program Pencegahan Jenayah Syariah Secara Bersepodu :

Cakna Jenayah Syariah 2023: Orang Ketiga Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah

25 Mei 2023 - Bahagian Penyelarasan Penguatankuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan Program Jelajah Cakna Syariah 2023 di Dewan Za'ba, KPT.

Program ini merupakan platform bagi membina ruang ilmiah, kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat tentang kesalahan di bawah Akta/Enakmen Undang-Undang Jenayah Syariah dan hukumannya kepada pelaku yang telah melakukan pelanggaran terhadap undang-undang tersebut. Wacana ini memfokuskan kepada isu yang semakin 'viral' dan hangat dibincangkan di media sosial iaitu 'Orang Ketiga Dalam Undang – Undang Jenayah Syariah'.

Ia juga sebagai pendedahan kepada para penjawat awam yang mana seseorang penjawat awam boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) sehingga hukuman buang kerja dan turun pangkat. Program ini telah dihadiri oleh seramai 350 orang peserta yang terdiri daripada warga KPT dan Jabatan/Agenzi di bawahnya, wakil-wakil JAKIM serta turut dihadiri para peserta daripada lain-lain kementerian.



Cakna Jenayah Syariah 2023: Orang Ketiga Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah
25 Mei 2023 / Kementerian Pendidikan Tinggi

Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah 2023

16 Julai 2023 - Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah Tahun 2023 anjuran JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) telah diadakan di Dewan Besar, Kompleks Islam Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan. Program ini dilaksanakan di bawah Pelan Transformasi Al-Falah yang matlamat akhirnya adalah untuk melaksanakan pembaharuan dan pembangunan ummah sejajar dengan aspirasi Membangun Malaysia MADANI.

Tema “Syariah Asas Pembinaan Keluarga MADANI” telah dipilih dan Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato’ Panglima Perang Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Kerajaan Negeri Kelantan. Turut hadir YB Dato’ Haji Che Mohd Rahim bin Haji Jusoh, Pengarah JAHEAIK.



Sesi Perasmian Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Syariah 2023 16 Julai 2023 / Kompleks Islam DarulNaim, Kelantan

Seminar Pemahaman Undang-Undang Syariah Dan Sivil Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2023

3 Ogos 2023 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Agensi Agama Islam di Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan Seminar Pemahaman Undang-Undang Syariah dan Sivil Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2023 bertempat di Dewan Utama Kompleks Darul Kifayah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan. Seramai 386 peserta yang terdiri daripada wakil-wakil agensi dan jabatan kerajaan telah menghadiri seminar pada kali ini.

Sebanyak dua kertas kerja telah dibentangkan bertajuk ‘Pemahaman Undang-Undang Syarak dan Sivil 2023: Penyalahgunaan Media Sosial’ oleh Puan Nur Syamimi Binti Bakhtir, dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan ‘Banteras Ajaran Salah dan Hina Agama di Alam Maya: Satu Perkongsian’ oleh Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Haji Hamzah, dari Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sembilan (JHEAINS). Seminar diteruskan dengan Forum Khas yang bertajuk Pengembangan Pemikiran Agama di Media Sosial: Hak Kebebasan Bersuara atau Satu Ancaman Akidah?’ yang menampilkan dua ilmuwan iaitu Sahibus Samahah Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan dan Sahibus Samahah Tuan Nik Azlan bin Nik Man, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan. Penampilan moderator untuk forum kali ini adalah Ustaz Haji Muhammad Muazul Amin bin Mohd Adlan, dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan.

Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Dr Sirajuddin Bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM. Turut hadir ialah YBrs. Tuan Ahmad Husaini Bin Mustafa, Pengarah Bahagian Penyelaras Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah JAKIM bersama Ketua Penguatkuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Negeri-negeri.



Seminar Pemahaman Undang-Undang Syariah Dan Sivil, Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan 2023
3 Ogos 2023 / Kompleks Darul Kifayah, MAIWP Labuan

Bicara Undang-Undang: Kekasihku, Love Scammer!

Program Bicara Undang-Undang: Kekasihku Love Scammer telah diadakan pada 20 Julai 2023 bertempat di Dewan Sheikh Daud Al-Fathoni, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Program ini mendapat sambutan daripada hampir 200 orang peserta.

Program Bicara Undang-Undang ini menampilkan pakar dalam bidang jenayah komersil atau lebih dikenali sebagai "Duta Anti Scam" iaitu Tuan ASP Rahmat Fitri bin Abdullah, Ketua Bahagian Siasatan dan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul.

Antara objektif program ini ialah memberikan pendedahan kepada penjawat awam amnya khususnya berkenaan jenayah komersil dan fokus utama ialah love scam. Sesi perkongsian beberapa kes berkaitan disampaikan kepada peserta agar dijadikan teladan supaya tidak terjerumus sebagai mangsa scammer. Pihak PDRM juga berkongsi beberapa tips dan kaedah mengenali scammer dan cara mengatasinya telah menjadi mangsa scammer. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar).



Bicara Undang-Undang: Kekasihku, Love Scammer! 20 Julai 2023 / Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

ii. Libat urus bersama Pihak berkuasa Agama Negeri

Kunjung Hormat Ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan

14 Mac 2023 - Bahagian Penyelarasan Penguatuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS), JAKIM telah mengadakan Kunjung Hormat ke Pejabat Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Delegasi diketuai oleh YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin Mustafa, Pengarah BPPPS dan dirungi oleh Puan Zuraini binti Yahaya, Ketua Penolong Pengarah Kanan dan Puan Nafizah binti Md. Fauzi, Ketua Penolong Pengarah, BPPPS. Delegasi disambut oleh YB Dato' Haji Che Mohd Rahim bin Haji Jusoh, Pengarah JAHEAIK dan Tuan Mohd Fadzuli bin Mohd Zain, Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama JAHEAIK.

Beberapa isu berkaitan penguatuasaan dan pendakwaan Syariah telah dibincangkan bersama. Antaranya ialah kolaborasi program Pencegahan Jenayah Syariah, pemerkasaan Bahagian Penguatuasaan dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh JAHEAIK dalam menangani beberapa isu semasa pelaksanaan undang-undang Syariah di negeri Kelantan.

YBhg. Dato' Pengarah JAHEAIK meletakkan harapan yang tinggi kepada JAKIM untuk bersama-sama pihak berkuasa agama negeri bagi memastikan pengurusan hal ehwal Islam ditadbir dengan baik demi maslahah umat Islam masa kini dan generasi akan datang.

Mesyuarat Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Seluruh Malaysia

14 hingga 16 Mac 2023, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Penyelarasan Penguatuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) dengan kerjasama Bahagian Penguatuasaan Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) telah mengadakan program 3 dalam 1 di Kelantan yang melibatkan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama (KPPA) Seluruh Malaysia dan Pegawai Penguat Kuasa Agama Negeri Kelantan.

Program utama yang diatur adalah Mesyuarat Ketua-Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama (KPPA) Seluruh Malaysia. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Husaini bin Mustafa tersebut telah disajikan dengan pembentangan 4 kertas cadangan bagi tujuan pemerkasaan institusi penguatkuasaan syariah dan 2 kertas makluman dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). KPPA JHEAINS telah sudi berkongsi pengalaman dalam penguatkuasaan kesalahan berkaitan akidah dan turut berkongsi pengalaman mengenai kajian peruntukan kesalahan jenayah syariah tidak menghormati Ramadhan.

Selain itu, pegawai BPPPS dan Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama Negeri-Negeri turut merasai pengalaman pelaksanaan tindakan pencegahan dan operasi kesalahan jenayah Syariah khususnya bagi kesalahan mendedahkan aurat di tempat awam. Program Operasi yang diketuai oleh KPPA Negeri Kelantan tersebut telah diadakan di 3 lokasi terpilih yang mana salah satu tempatnya adalah di Pasaraya Mydin Tunjong. Risalah 'Auratku Maruahku, Aurat Dijaga Maruah Terpelihara' telah diedarkan sebagai ingatan dan nasihat kepada pengunjung 'bertuah'.



Mesyuarat Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama Seluruh Malaysia
14-16 Mac 2023 / Kota Bharu Kelantan

Mesyuarat Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia

8 Mac 2023 & 4 Ogos 2023 - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah mengadakan Mesyuarat Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Pengarah BPPPS iaitu YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin Mustafa dan dihadiri oleh semua Ketua Pendakwa Syarie Negeri seluruh Malaysia. Banyak isu telah dibincangkan antaranya proses penjabatanan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri dan perkara-perkara berkaitan penyelarasan pendakwaan.

Di samping itu, mesyuarat tersebut juga telah memantau pencapaian pertengahan tahun dan program-program akan datang bagi Jabatan Pendakwaan Syariah seluruh Malaysia sepanjang tahun ini.



Mesyuarat Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia
16-18 Oktober 2023 / Labuan

Konvensyen Pegawai Penguat Kuasa Agama Dan Pendakwa Syarie Peringkat Kebangsaan 2023

4 Julai 2023 – Konvensyen Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 telah berjaya dianjurkan oleh Bahagian Penyelarasan Penguatuksaan dan Pendakwaan Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Bahagian Penguatuksaan Syariah Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Konvensyen dengan tema “Penguatuksaan Jitu, Pendakwaan Padu” tersebut telah diadakan di Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar dan dihadiri hampir 200 orang Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie Negeri Seluruh Malaysia.

Konvensyen tersebut telah menampilkan tiga orang pembentang kertas kerja iaitu Prof. Dr. Arief Salleh bin Rosman, Dekan Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia dengan tajuk Memperkasa Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Tuan Ramzi bin Osman, Timbalan Pengarah Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang Jabatan Peguam Negara dengan tajuk Penguatuksaan Undang-Undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam di Negeri-Negeri, dan ACP Zuraimi bin Zam Zam, Ketua (D10) Makmal Forensik, Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia dengan tajuk Forensik dan Kepentingannya Dalam Kes Jenayah Syariah.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Ahmad Husaini bin Mustafa, Pengarah Bahagian Penyelarasan Penguatuksaan dan Pendakwaan Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Turut hadir ke Konvensyen tersebut, Tuan Haji Yosree bin Ikhsan, Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang mewakili Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Tuan Zulkifli bin Mohammad, Ketua Penguat Kuasa Agama Negeri Johor dan Ketua-Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Negeri-Negeri serta Ketua-Ketua Pendakwa Syarie Negeri-Negeri.

Persidangan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama Dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia 2023

Persidangan ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 16 hingga 18 Oktober 2023 bertempat di MITC Hotel, Melaka dengan kehadiran hampir 30 orang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie. Program ini mendapat kerjasama yang baik daripada beberapa agensi seperti Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Hadir merasmikan persidangan ini ialah YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JAKIM.



Persidangan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia 2023
16-18 Oktober 2023 / MITC Hotel Melaka

Persidangan Meja Bulat: Permohonan Keluar Agama: Jenayah Syariah Atau Kecelaruan Akidah

Persidangan ini telah dianjurkan pada 25 September 2023 bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dengan kehadiran seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, Ketua Pendakwa Syarie, Bahagian Penyelidikan JAKIM dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Seramai 2 orang panel telah membentangkan kertas kerja dalam persidangan ini iaitu Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah binti Ismail, Pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Dr. Ahmad Jailani bin Abdul Ghani, Peguambela & Peguamcara, Peguam Syarie.



Persidangan Meja Bulat: Permohonan Keluar Agama: Jenayah Syariah Atau Kecelaruan Akidah
28 September 2023 / Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya

Mesyuarat Sistem e-Jinayat Peringkat Persekutuan

7 November 2023 - Bahagian Penyelarasan Penguatan Kuasaan dan Pendakwaan Syariah juga telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Sistem e-Jinayat Peringkat Persekutuan Tahun 2023. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM telah dilaksanakan di Dewan Syura, Aras 2, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya.

Ahli Mesyuarat yang terdiri daripada Ketua-ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Ketua-Ketua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia berserta Pentadbir Sistem e-Jinayat telah membincangkan hala tuju sistem e-Jinayat dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan terhadap sistem tersebut bagi memastikan ia terus relevan, memenuhi ekspektasi pengguna dan seiring dengan hasrat Kerajaan ke arah pendigitalan perkhidmatan Kerajaan. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil Bahagian Pengurusan Maklumat JAKIM.



Mesyuarat Sistem e-Jinayat Peringkat Persekutuan 2023
7 November 2023 / Kompleks Islam Putrajaya

PELAKSANAAN TUGAS SECARA CEPAT DAN BERKESAN

Beberapa program telah diadakan sebagai usaha mengukuhkan kefahaman dan kemahiran undang-undang dan pendigitalan sistem iaitu:

Wacana Pakar Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah 2023: Kajian Kes Semasa Kesalahan Jenayah Syariah

20 - 22 Februari 2023 – Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah mengadakan Wacana Pakar Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah: Kajian Kes Semasa Kesalahan Jenayah Syariah yang disertai oleh 32 orang peserta dari kalangan Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Ketua Pendakwa Syarie seluruh Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Dr Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM yang mewakili YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Di dalam teks ucapan beliau yang dibacakan oleh YBhg. Dato' Dr Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM telah menekankan konsep Islah dalam menjalankan tugas penguatkuasaan dan pendakwaan berdasarkan 6 prinsip MADANI yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Program yang berjalan selama 3 hari di Villea Morib, Banting ini telah dibimbing oleh dua orang pembentang iaitu YBhg. Dato' Yusaini Amer bin Abdul Karim dan Tuan Wan Ariff Muzammil bin Wan Mohammed dari Jabatan Peguam Negara telah mengupas Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560) secara terperinci khususnya dari hal perbicaraan dan penghakiman di Mahkamah Syariah. Beliau turut berkongsi pengalaman berkaitan prosiding di mahkamah sivil sebagai perbandingan dan nilai tambah yang sesuai diaplikasikan di Mahkamah Syariah.

Wacana Pakar Undang-Undang Keterangan Jenayah Syariah 2023: Keterangan Berteraskan Prinsip Syariah

21 - 23 Jun 2023 - Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah telah mengadakan Wacana Pakar Undang-Undang Keterangan Jenayah Syariah 2023: Keterangan Berteraskan Prinsip Syariah bertempat di Hotel Travelodge, Perak yang disertai oleh 28 orang peserta daripada Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie seluruh Malaysia. Turut serta dalam wacana ini ialah YBrs. Tuan Ahmad Husaini bin Mustafa, Pengarah BPPPS, JAKIM. YA Tuan Haji Mohammad Taifor bin Ahmad Rosdi, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Perak selaku pembentang telah mengendalikan wacana ini dengan sebaiknya.

Kemahiran Risikan, Siasatan dan Interaksi Sosial Penguat Kuasa Agama

16 Februari 2023 - Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah (BPPPS) telah membuat kunjungan hormat ke Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM). Delegasi BPPPS yang diketuai oleh YBrs. Tuan Ahmad Husaini Mustafa, Pengarah, Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah telah disambut mesra oleh YBrs. Puan Nor Safina Zainal, Pengarah Kanan, Institut Latihan Islam Malaysia dan pegawai ILIM.

Intipati perbincangan kunjungan hormat adalah terarah kepada hasrat untuk mengadakan kerjasama dua hala yang lebih menyeluruh dan serius antara BPPPS dengan ILIM terutamanya dalam usaha memperkasakan Pegawai Penguat Kuasa Agama melalui program latihan secara terancang. Turut dibincangkan adalah gagasan penambahbaikan kepada Modul Penguatkuasaan, Penyiasatan dan Pendakwaan Syariah dengan memasukkan aspek berkaitan dengan bukti forensik sebagai salah satu latihan yang diperlukan.

BPPPS turut menawarkan khidmat penceramah daripada BPPPS bagi slot penjelasan mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP), Kod Etika Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) Negeri 2019, dan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007. Tawaran ini memberikan ruang dan peluang kepada pegawai di BPPPS untuk mengasah bakat dalam bidang kejurulatihan seterusnya menjadi pelapis kepada perunding latihan sedia ada.

Untuk rekod, turut hadir dalam sesi kunjung hormat tersebut adalah Puan Nafizah Md. Fauzi, Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Penyelarasan Penguatkuasaan, BPPPS, Puan Zaizurina Mansor, Timbalan Pengarah, Cawangan Pembangunan Profesionalisme, ILIM, Puan Khairani Husin, Ketua Penolong Pengarah, Encik Mohd Nazri Abdul Majid, Ketua Penolong Pengarah dan Encik Mohd Shahril Muhamad Azmi, Pendaftar ILIM.



Kunjung Hormat BPPPS ke ILIM Kampus Utama Bangi
16 Februari 2023 / ILIM Kampus Utama Bangi

Latihan Sistem e-Jinayat Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguat Kuasa Agama

Sistem e-Jinayat merupakan satu sistem aliran kerja penguatkuasaan dan pendakwaan yang diautomatiskan ke dalam sistem yang telah dapat membantu Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pendakwa Syarie di negeri-negeri dalam menyeragamkan prosedur kerja mereka sesuai dengan kehendak undang-undang yang sedang digunakan di negeri-negeri.

Bahagian Penyelarasan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syariah, telah mengadakan beberapa siri mesyuarat, bengkel dan latihan Sistem e-Jinayat kepada Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguat Kuasa Agama. Tarikh mesyuarat, bengkel dan latihan adalah seperti berikut:

- i. Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Sistem e-Jinayat Versi 4.0 (Modul Pendakwaan) pada 9 Februari 2023 dan 27 Februari 2023;
- ii. Jerayawara Sistem e-Jinayat ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Selangor pada 9 Mac 2023;
- iii. Bengkel User Acceptance Test (UAT) Sistem e-Jinayat Versi 4.0 (Modul Penguatkuasaan & Modul Pendakwaan) siri 1 pada 21 – 22 Ogos 2023 dan siri 2 pada 4 – 5 September 2023;
- iv. Bengkel Final Acceptance Test (FAT) Sistem e-Jinayat Versi 4.0 (Modul Penguatkuasaan & Modul Pendakwaan) pada 26 – 27 September 2023;
- v. Mesyuarat Sistem e-Jinayat Peringkat Persekutuan pada 7 November 2023;
- vi. Bengkel Latihan Pengguna Sistem e-Jinayat Versi 4.0 pada 14-15 November 2023;
- vii. Taklimat penggunaan Sistem e-Jinayat Versi 4.0 bersama Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Perlis pada 21 November 2023;
- viii. Bengkel Latihan Pengguna Sistem e-Jinayat Versi 4.0 bersama Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang pada 21 Disember 2023; dan
- ix. Jerayawara Sistem e-Jinayat Versi 4.0 bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan pada 22 Disember 2023.

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Pelbagai agenda dan inisiatif telah direncana sepanjang tahun 2023 bagi memartabatkan undang-undang Islam yang unggul selaras dengan visi Bahagian Undang-Undang JAKIM (BUU). Fungsi keurusetiaan, penggubalan undang-undang dan khidmat nasihat menjadi tiga (3) fokus utama BUU dalam mencorakkan gerak kerja bagi tahun 2023.

KEURUSETIAAN

Kejayaan terbesar BUU bagi tahun 2023 adalah pengajuran Majlis Dialog Perundangan Islam Kebangsaan pada 9 hingga 11 Oktober 2023 di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Majlis Dialog ini berjaya menghimpunkan pakar perundangan Syariah dari seluruh negara seperti Ketua Hakim Syarie Negeri, Mufti Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Negeri, Ketua Pendakwa Syarie Negeri dan Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri. Majlis Dialog ini yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada negeri-negeri berhubung dengan cadangan untuk memperkasa perundangan Syariah dan meneruskan usaha untuk menjadikan idea penyeragaman undang-undang kesalahan jenayah Syariah di negeri-negeri dapat direalisasikan. Penyeragaman bentuk kesalahan dan hukuman akan memastikan keadilan kepada pihak-pihak dapat dicapai.

Selain daripada menambahbaik undang-undang kesalahan jenayah Syariah, Majlis Dialog ini juga turut membincangkan cadangan untuk menyelaras syarat dan kelayakan bagi penerimaan masuk sebagai Peguam Syarie di negeri-negeri. Penyelarasan dan penyatuan syarat dan kelayakan ini boleh menyemarakkan profesionalisme Peguam Syarie dan disambut baik oleh pengamal perundangan Syariah di Malaysia.



Gambar sekitar Majlis Dialog Perundangan Islam Kebangsaan

BUU selaku urus setia Jawatankuasa Perundangan Islam Kebangsaan (JPIK) juga berjaya mengadakan tujuh (7) kali Mesyuarat JPIK yang telah membincangkan draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf), draf Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (pindaan berbangkit daripada wakaf) dan Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) dan cadangan untuk memartabatkan ekosistem perundangan Syariah di Malaysia. Mesyuarat JPIK ini telah diadakan pada 25 Januari 2023, 21 Mac 2023, 21 Jun 2023, 25 Julai 2023, 17 Ogos 2023, 21 September 2023 dan 9 November 2023.

Bagi menghasilkan pengurusan perundangan Islam yang teratur dan cekap sebagaimana dinyatakan dalam Program 2, Teras 1, Pelan Strategik JAKIM 2019 – 2025, JPIK telah menubuhkan tiga kumpulan Pasukan Petugas (*Task Force*) seperti yang berikut:

- (i) Pasukan Petugas (*Task Force*) Pemerksaan Governan Harta Orang Islam ("Task Force Wakaf") yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Noor Inayah binti Ya'akub, anggota JPIK;
- (ii) Pasukan Petugas (*Task Force*) Bagi Pindaan Kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] ("Task Force Jenayah") yang diketuai oleh Tuan Sakaria bin Semela, anggota JPIK; dan
- (iii) Pasukan Petugas (*Task Force*) Pemantapan Profesionalisme Modal Insan dalam Sistem Perundangan Islam ("Task Force Pendidikan") yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamarudin, anggota JPIK.

Mesyuarat *Taks Force Wakaf* telah diadakan sebanyak empat (4) siri yang masing-masing pada 9 Mac 2023, 15 Mac 2023, 12 April 2023 dan 19 Mei 2023 bagi membincangkan dan meneliti draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf). Draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) berkenaan telah dibentangkan dan diluluskan oleh JPIK dan telah dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan.



Gambar Pasukan Petugas (*Task Force*) Pemerksaan Governan Harta Orang Islam (Wakaf)

Lapan (8) siri Mesyuarat *Taks Force Jenayah* dan satu (1) sesi urus urus telah diadakan iaitu masing-masing pada 16 Februari 2023, 6 April 2023, 31 Mei 2023, 7 Julai 2023, 28 hingga 30 Julai 2023, 25 hingga 27 Ogos 2023, 27 September 2023 dan 2 November 2023 bagi menyemak, memberikan pandangan, input dan cadangan penambahbaikan kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]. Draf Rang Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) berkenaan telah dibentangkan kepada JPIK dan telah dibincangkan bersama Negeri-Negeri dalam Majlis Dialog Perundangan Islam Kebangsaan bagi mendapatkan pandangan mengenai cadangan untuk menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah syariah di Negeri-Negeri.



Gambar sekitar Mesyuarat Pasukan Petugas (*Task Force*) Bagi Pindaan Kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997



Gambar sekitar Sesi Libat Urus: Pindaan Kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 bersama Negeri-Negeri

Task Force Pendidikan telah melaksanakan tiga (3) siri mesyuarat pada 22 Mac 2023, 14 April 2023 dan 1 November 2023 bagi membincangkan isu-isu berbangkit ke arah mewujudkan ekosistem perundangan Islam yang mantap dan berkualiti melalui pendidikan perundangan Islam yang holistik.

Pada 14 hingga 16 Julai 2023, BUU juga telah mengadakan Sidang Pakar Pemantapan Profesionalisme Modal Insan dalam Perundangan Islam di Hotel Villea Morib, Banting, Selangor. Program Sidang Pakar ini bertujuan untuk membincangkan isu dan mengesyorkan penambahbaikan dalam bidang perundangan Syariah dan latihan lanjutan, kepegunaan syarie, pendakwaan dan penguatkuasaan, kehakiman serta governans dan tadbir urus. Sidang Pakar ini dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha binti Kamarudin dan dihadiri oleh Hakim Syarie, Ketua Pendakwa Syarie, Ketua Pegawai Penguin Kuasa Agama, ahli akademik dan Peguam Syarie.



Gambar sekitar Sidang Pakar Pemantapan Profesionalisme Modal Insan dalam Perundungan Islam

Menjunjung titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mengenai penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri Untuk Menggubal Undang-Undang Islam ("Jawatankuasa Khas"), BUU selaku sekretariat kepada Jawatankuasa Khas telah mengadakan Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-Undang Islam yang telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Naim bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 5 Disember 2023.

Jawatankuasa Khas ini dipengerusikan oleh YABhg. Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi, Mantan Ketua Hakim Negara dan dianggotai oleh ahli lain yang terdiri daripada mantan Hakim Mahkamah Persekutuan, wakil Majlis Agama Islam Negeri, wakil Jabatan PEGUAM Negara, wakil Mahkamah Syariah, ahli akademik dan pengamal undang-undang.

PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

BUU sentiasa komited dalam usaha penggubalan undang-undang Islam. Program yang dirancang dalam Teras 1 Sasaran Kerja Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2023 telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Selain daripada Sasaran Kerja Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama, penetapan keutamaan penggubalan undang-undang ini telah diputuskan melalui Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Bil. 1/2023 yang telah diadakan pada 16 Januari 2023 dan dipengerusikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).



Gambar sekitar Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah Bil. 1/2023

Untuk menghasilkan draf undang-undang yang komprehensif dan holistik, sesi libat urus dan perbincangan dengan pihak berkepentingan perlu diadakan. Kerjasama dan komitmen dengan semua pihak berkepentingan ini telah menghasilkan draf undang-undang yang komprehensif dan mantap untuk dijadikan undang-undang model bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman antara negeri-negeri. Komitmen, usaha dan pengorbanan BUU sepanjang tahun 2023 telah berjaya menghasilkan draf undang-undang seperti yang berikut:

- (i) RUU Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan)
- (ii) RUU Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan);
- (iii) RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan);
- (iv) draf Kaedah-Kaedah Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam);
- (v) draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf);
- (vi) draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Zakat dan Fitrah);
- (vii) draf Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pendaftaran dan Pengawalseliaan Sekolah Agama Islam)
- (viii) draf Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Perkahwinan, Perceraian dan Ruju);
- (ix) draf Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Prosiding Tatatertib).

Selain itu, beberapa undang-undang yang telah selesai digubal oleh BUU juga telah diwartakan seperti yang berikut:

- (i) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Fi) 2023 [P.U. (A) 30/2023] telah disiarkan dalam *Warta* pada 26 Januari 2023;
- (ii) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akaun Peguam Syarie) 2023 [P.U. (A) 66/2023] telah disiarkan dalam *Warta* pada 14 Mac 2023;
- (iii) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Laporan Akauntan) 2023 [P.U. (A) 67/2023] telah disiarkan dalam *Warta* pada 14 Mac 2023;
- (iv) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Kelayakan Bagi Penerimaan Masuk Sebagai Peguam Syarie) 2023 [P.U. (A) 284/2023] telah disiarkan dalam *Warta* pada 26 September 2023;
- (v) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) (Pindaan) 2023 [P.U. (A) 288/2023] telah disiarkan dalam *Warta* pada 27 September 2023; dan
- (vi) Kaedah-Kaedah Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Fi) (Pindaan) 2023 [P.U. (A) 353/2023] telah disiarkan dalam *Warta* pada 15 November 2023.

KHIDMAT NASIHAT DAN PARLIMEN

Selain memberi tumpuan tugas keurusetiaan dan penggubalan undang-undang, BUU juga melaksanakan fungsi utamanya iaitu khidmat nasihat undang-undang termasuklah semakan dokumen perundungan dan penyediaan pandangan undang-undang kepada pihak pengurusan tertinggi dan bahagian-bahagian di JAKIM. Komited dengan janji untuk menyemak draf perjanjian, memorandum persefahaman dan dokumen perundungan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan dokumen dan maklumat yang lengkap, BUU telah berjaya menyemak 183 dokumen sepanjang tahun 2023. Pecahan jenis dan jumlah dokumen yang telah disemak adalah seperti berikut:

Bil	Dokumen	Jumlah
1	Perjanjian	102
2	Pandangan Undang-Undang / Ulasan / Maklum Balas	34
3	Memorandum Persefahaman (MOU) Luar Negara	6
4	Memorandum Persefahaman (MOU) Dalam Negara	6
5	Garis Panduan	10
6	Kertas Tatatertib	25


Menyahut seruan Perdana Menteri bagi melaksanakan tatakelola dan pentadbiran yang baik khususnya dalam aspek perolehan kerajaan, BUU telah menganjurkan Kursus Kontrak Kerajaan pada 25 Mei 2023. Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman berkaitan penyediaan kontrak Kerajaan seterusnya memastikan pengurusan kontrak Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Kursus ini juga dilaksanakan bagi membantu pegawai yang berkenaan dalam penyediaan kontrak yang lengkap dan teratur sebelum suatu kontrak itu ditandatangani.



Gambar sekitar Kursus Kontrak Kerajaan

Tidak hanya menjalinkan kerjasama sesama bahagian di JAKIM, BUU juga telah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan negeri-negeri yang lain dalam mendepani isu kalimah Allah. Penyediaan kertas yang komprehensif dan berkesan disokong dengan laporan kajian lapangan oleh Bajagian Penyelidikan JAKIM. Beberapa siri perbincangan sepanjang tahun 2023 dibuat bersama pihak berkepentingan dan secara holistik supaya isu ini dapat diselesaikan melalui kaedah yang terbaik bagi mengelakkan berlakunya lagi penyalahgunaan kalimah Allah pada masa akan datang dan demi menjamin keharmonian serta perpaduan masyarakat majmuk terus terpelihara.

BUU juga memainkan peranan penting dalam membantu YAB Perdana Menteri dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam menyediakan jawapan kepada Pertanyaan Bagi Jawab Lisan, Pertanyaan Bagi Jawab Bukan Lisan, Pertanyaan Menteri, Perbahasan Titah Diraja, Perbahasan Belanjawan dan Kajian Separuh Penggal RMK-12 di Parlimen. BUU terlibat dalam menyediakan 32 jawapan kepada pertanyaan dan isu yang dibangkitkan sepanjang sesi Parlimen bagi tahun 2023. Perincian pecahan jawapan yang disediakan adalah seperti yang berikut:



BAHAGIAN MAQASID SYARIAH 2023

1. Pelihara Adab Perbezaan Pendapat Demi Pengukuhan Perpaduan

Putrajaya, 4 Julai 2023 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berbesar hati menerima kehadiran YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri ke Majlis Perasmian Peluncuran Buku Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam. Buku terbitan semula secara bersama oleh JAKIM dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) ini adalah merupakan buku terjemahan Haji Rivai Batubara daripada buku *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*, karya Sheikh Dr. Taha Jabir Fayyad al-Alwani (1935 – 2016). Dalam ucapannya, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa pemeliharaan adab atau etika dalam perbezaan pandangan penting dalam memastikan umat terus bergerak ke hadapan. Perselisihan pendapat tidak harus menjadi punca keretakan dan perbalahan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, beliau mengajak dan menyeru kepada generasi pada masa kini untuk tidak melupakan warisan ilmuan silam Islam sebagai panduan menjalani kehidupan pada masa kini dan akan datang.



2. Persidangan Eksekutif Minda Maqasid (Executive Conference On Maqasid Mindset) [Al-Tafkir Al-Maqasidiy]

Putrajaya, 24 Julai 2023 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menganjurkan Persidangan Eksekutif Minda Maqasid (Executive Conference on Maqasid Mindset [Al-Tafkir Al-Maqasidiy]) bertempat di Dewan Auditorium Ibnu Sina, Masjid Putra, Putrajaya. Ia merupakan salah satu langkah awal dalam menyambut saranan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri untuk memperkasa dan memperluas peranan jabatan ini merentasi pelbagai bidang. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan turut dihadiri YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM. Dalam persidangan ini, Prof Jasser Auda ada menyatakan bahawa JAKIM perlu memainkan peranan bagi menyumbang kepada pengubalan dasar yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi lain serta membina pemikiran berdasarkan perspektif Islam untuk kebaikan Malaysia berdasarkan Maqasid Syariah.



3. Program Libat Urus Maqasid Syariah Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)

PUTRAJAYA: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Maqasid Syariah dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menganjurkan Program Bicara Maqasid Syariah Dalam Tadbir Urus Kepenggunaan bertempat di Dewan Serbaguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Putrajaya pada 7 September 2023. Seramai 200 orang peserta telah menghadiri Program ini. Program ini diadakan untuk memberikan penjelasan dan pengukuhan kefahaman terhadap pelaksanaan Maqasid Syariah dalam tadbir urus kepenggunaan serta dapat meningkatkan produktiviti organisasi dengan berdasarkan penghayatan nilai-nilai Islam sehingga mampu mencapai tadbir urus terbaik dalam pekerjaan dan perkhidmatan.



4. Program Penghayatan Dan Penjelasan Buku Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam

5 September 2023 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Maqasid Syariah telah menganjurkan Program Penghayatan dan Penjelasan Buku Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor. Seramai 300 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai kader JAKIM yang ditempatkan di kementerian dan agensi serta pegawai-pegawai dari setiap bahagian JAKIM. Program yang dianjurkan ini telah menampilkan YBrs. Dr. Syed Shahridzan bin Syed Mohamed, Ketua Penolong Mufti, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan sebagai penceramah program. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan kefahaman terhadap kandungan buku tersebut seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian setiap peserta. Penceramah juga menegaskan bahawa perbezaan pendapat ini adalah merupakan suatu rahmah namun masyarakat hendaklah mengikut panduan dan fatwa yang telah ditetapkan oleh badan berautoriti supaya tidak berlaku perbalahan dan juga ketidakharmonian di kalangan masyarakat.



5. Program Training Of Trainers (ToT) Jurucakap Buku “Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam”

21-22 September 2023 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Maqasid Syariah telah menganjurkan Program Training of Trainers (TOT) Jurucakap Buku “Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam” bertempat di Hotel Tamu, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Seramai 60 orang peserta telah menghadiri program ini terdiri daripada pegawai kader JAKIM yang ditempatkan di kementerian dan agensi, pegawai di bawah Agensi YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) serta pegawai-pegawai bahagian-bahagian di JAKIM. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk melatih dan melahirkan jurucakap yang dapat menguasai keseluruhan kandungan buku dan menyampaikannya kepada pelbagai kumpulan sasar masing-masing.



UNIT INTEGRITI

PENGENALAN DAN HALA TUJU UNIT INTEGRITI

Unit Integriti (UI) JAKIM telah ditubuhkan pada 27 Oktober 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 (kini Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 - Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam) yang berperanan sebagai 'focal point' kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

Pada tahun 2020, JAKIM telah ditarafkan sebagai risiko TINGGI oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). SPM telah membuat membuat penarafan semula risiko pada tahun 2023 dan mendapati JAKIM ditarafkan sebagai risiko **SEDERHANA**. Penarafan ini berdasarkan komitmen JAKIM melaksanakan pencegahan rasuah sepanjang tiga (3) tahun yang lepas sehingga ditarafkan semula. UI akan terus menumpukan usaha-usaha untuk memastikan dapat melaksanakan fungsi UI dengan lebih efektif dan efisien dalam menangani permasalahan dan kelemahan tatakelola, integriti dan rasuah dalam organisasi.

JAKIM ANTARA EMPAT AGENSI TERIMA SIJIL APRESIASI PENAMBAHBAIKAN TATAKELOLA AGENSI (APTA)

JAKIM antara empat agensi yang berjaya menerima **Sijil Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA)** pada Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 anjuran SPM dan kerajaan negeri Sabah, di Kota Kinabalu pada 16 Oktober 2023. Kejayaan penerimaan Sijil APTA susulan daripada pelaksanaan ke atas syor-syor penambahbaikan yang diberikan oleh SPM.

Pengiktirafan tersebut dinilai berdasarkan impak yang besar ke atas tatakelola agensi dimana JAKIM mengambil usaha mewujudkan garis panduan pengurusan tabung masjid dan surau di seluruh negara. Garis panduan tersebut merupakan salah satu pelan tindakan dalam Pelan Pengurusan Antirasuah Organisasi (OACP) JAKIM bagi strategi memperkuat sistem penyampaian perkhidmatan dalam pengurusan operasi JAKIM.



Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah Mohd Yusoff bersama tiga agensi lain yang menerima Sijil Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA) sempena Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 anjuran SPM dan kerajaan negeri Sabah di Kota Kinabalu



Datin Paduka Hajah Hakimah Mohd Yusoff bersama Sijil Apresiasi Penambahbaikan Tatakelola Agensi (APTA) yang diterima JAKIM sempena Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 anjuran SPM dan kerajaan negeri Sabah di Kota Kinabalu

LAPORAN PROGRAM / AKTIVITI UTAMA

PELAKSANAAN MESYUARAT JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) JAKIM

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti, dan Antirasuah Kebangsaan, Mesyuarat JAR JAKIM telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun ini iaitu pada bulan Mei dan November 2023.

JAKIM KE ARAH PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (ABMS) MS ISO 37001:2016 MENJELANG 2025

Sebagai komitmen JAKIM bagi mendapatkan pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) MS ISO 37001:2016 menjelang tahun 2025, UI mengadakan Bengkel Semakan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) JAKIM pada 12-13 Oktober 2023 dan Bengkel Semakan Dan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JAKIM pada 14-15 November 2023. Selaras dengan penarafan semula risiko tahun 2023 yang telah mendapati JAKIM dikategorikan sebagai risiko **SEDERHANA**, risiko rasuah baharu perlu dikenalpasti bagi merangka inisiatif tindakan yang bersesuaian untuk menangani isu dan kelemahan tatakelola, integriti dan antirasuah dalam agensi.



Bengkel Semakan Pengurusan Risiko Rasuah JAKIM
pada 12-13 Oktober 2023



Bengkel Semakan dan Pembangunan OACP JAKIM
pada 14-15 November 2023

WARGA BAHAGIAN PENYIARAN HADIRI KURSUS INTEGRITI & KEROHANIAN

Seramai 50 orang pegawai & kakitangan Bahagian Penyiaran JAKIM telah menghadiri Kursus Integriti & Kerohanian yang diadakan pada 8 Februari 2023 dan dirasmikan oleh Pengarah, Bahagian Penyiaran JAKIM Puan Wan Wizana binti Hashim. Program ini sebagai usaha untuk meningkatkan amalan nilai murni, etika dan integriti serta meningkatkan komitmen warga JAKIM tentang peranan dan tanggungjawab sebagai penjawat awam.



Ucapan Perasmian oleh Pengarah Bahagian Penyiaran JAKIM, Puan Wan Wizana binti Hashim dan Pembentangan oleh Penceramah Jemputan Tuan Rosmadi bin Kasim & Tuan Nik Sukiman bin Nik Yusof dari SPRM

CERAMAH PENGUKUHAN INTEGRITI KEPADA PENYELIA KAFA ZON UTARA

Sebagai sebahagian usaha memperkuuh integriti Penyelia KAFA, JAKIM melalui Bahagian Pendidikan dan Unit Integriti telah menganjurkan Ceramah Pengukuhan Integriti dalam Program Transformasi Penyelia KAFA yang bertajuk Integriti Dalam Pengurusan Organisasi kepada seramai 50 orang peserta Penyelia KAFA dari Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah & Perlis) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 22 Jun 2023 di Bukit Merah Resort, Perak Darul Ridzuan.



Perkongsian maklumat oleh Ketua Unit Integriti JAKIM bersama para peserta yang terdiri daripada Penyelia KAFA



Interaksi dua hala bagi meningkatkan kefahaman terhadap konsep Integriti dalam pengurusan organisasi

PERINGATAN UNTUK PERKUKUH INTEGRITI DAN JAUHI RASUAH KEPADA WARGA PENGURUSAN HALAL JAKIM

Sebagai usaha memperkuuh kefahaman dan kesedaran juruaudit dan penguatkuasa pensijilan halal dalam memastikan tahap integriti tertinggi pegawai JAKIM dipelihara serta bebas dari rasuah, JAKIM berkolaborasi strategik bersama Bahagian Pendidikan Masyarakat (PenMas), SPRM melaksanakan Program Kesedaran Antirasuah Pengurusan Halal dan Dialog Antirasuah: Mengenalpasti Risiko Dalam Industri Halal Negara pada 6 Jun 2023.

Program ini mensasarkan 100 orang warga Bahagian Pengurusan Halal dan Sekretariat Majlis Halal Malaysia yang menjalankan tugas pengurusan Pensijilan Halal Malaysia bagi meningkatkan kesedaran atas risiko terdedah kepada isu penajaan serta hadiah, salahguna kuasa serta penyelewengan, kebocoran maklumat dan penglibatan pengaruh luar dalam membuat keputusan.



Perasmian Program Kesedaran Antirasuah Pengurusan Halal oleh YBrs. Tuan Mohd Zamri Shapik mewakili Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JAKIM



Dialog Antirasuah: Mengenalpasti Risiko Rasuah Dalam Industri Halal Negara Bersama Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM dan Panel Jemputan SPRM



Sesi Interaksi: "Ada atau Tidak" Bersama KPKPs Tuan Effazul Azran bin Abd Mulop, PenMas SPRM



Perkongsian dari Tirai Besi: Bersama Bekas Pesalah Rasuah Saudara Castello

TINGKAT KESEDARAN DAN PENCEGAHAN ELAK GANGGUAN SEKSUAL DI TEMPAT KERJA

Program Kesedaran Mengenai Gangguan Seksual telah dijayaikan dengan kolaborasi strategik bersama Rakan Pembimbing Penjawat Awam (AKRAB) JAKIM pada 27 Oktober 2023 yang dihadiri oleh seramai 80 orang yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan pelaksana. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan langkah pencegahan yang perlu diamalkan bagi mengelakkan kes gangguan seksual di tempat kerja dalam kalangan penjawat awam.



Pembukaan Program Kesedaran Mengenai Gangguan Seksual oleh YBrs. Puan Mazlina binti Jalani, Ketua Unit Integriti, JAKIM



Peserta Program Kesedaran Mengenai Gangguan Seksual memegang kipas dengan slogan "Hentikan Gangguan Seksual"

JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK

UI juga mewujudkan jaringan kerjasama strategik bersama PenMas SPRM, UI JPM, AKRAB, Bahagian-Bahagian JAKIM dan agensi lain untuk membentuk program pengukuhan integriti.



Kunjungan Mahabbah AKRAB JAKIM ke Unit Integriti, JAKIM diketuai oleh Presiden AKRAB JAKIM Puan Nadia Zammil Binti Md Nasir

HEBAHAN INTEGRITI

Unit Integriti turut melaksanakan hebahani integriti yang dikenali sebagai TINTA INTEGRITI yang mengandungi hebahani mengenai peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa dan juga berunsur kerohanian yang dilaksanakan melalui e-mel.



Akujanji Perkhidmatan Awam



Antigangguan Seksual (AGS)



Memelihara Batas Hubungan Sesama Staf



Larangan Menjalin HUBUNGAN SULIT dengan Suami atau Isteri Orang



Pematuhan Waktu Bekerja Penjawat Awam

PEMATUHAN INTEGRITI

Pemeriksaan Pematuhan bertujuan memeriksa, memantau dan bertindak sebagai medium pencegahan bagi menginstitusikan, menggalakkan dan membudayakan integriti dalam agensi. Bagi memastikan undang-undang, peraturan, polisi dan dasar berhubung dengan antirasuah serta pengukuhan integriti dalam agensi dipatuhi, sebanyak 6 aktiviti Pemeriksaan Pematuhan ke atas Dasar, Polisi dan Peraturan telah dilaksanakan, iaitu:

Bil	Program / Aktiviti
1	Pemeriksaan Pematuhan Berjadual Bersama UI JPM ke Masjid Tuanku Mizan
2	Pemeriksaan Pematuhan Berjadual Bersama UI JPM ke Masjid Putra
3	Pemeriksaan Pematuhan Mengejut secara bersasar ke Bazar Puspanita BHEU
4	Pemeriksaan Pematuhan Mengejut secara bersasar ke Kafetaria KIP
5	Pemeriksaan Pematuhan Mengejut secara bersasar ke Kafetaria PRISMA
6	Pemeriksaan Pematuhan Mengejut secara bersasar ke Persekutaran KIP



UI JPM & UI JAKIM sedang melaksanakan pemeriksaan pematuhan berjadual di Masjid Tuanku Mizan & Masjid Putra

CATATAN



SOSIO EKONOMI UMMAH

BAHAGIAN KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI

Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti (KSK) terus komited melaksanakan dan merealisasikan visi, misi serta fungsi Bahagian dalam usaha memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam secara Inklusif bagi melahirkan masyarakat yang berakhlik selaras dengan Teras 4 Pelan Strategik Jakim 2019-2025. Program di Bahagian KSK dilaksanakan menerusi dua (2) cawangan iaitu:

1. Cawangan Pembangunan Keluarga
2. Cawangan Pembangunan Sosial dan Komuniti

CAWANGAN PEMBANGUNAN KELUARGA

Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam 2023

Pada 21-22 September 2023, Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti (KSK) dan Masjid Putra, Putrajaya telah menganjurkan Persidangan Serantau Kekeluargaan Islam 2023 dalam usaha melebar jaringan kerjasama pengurusan hal ehwal Islam antara negara-negara anggota MABIMS, khususnya dalam usaha memperkasakan institusi kekeluargaan Islam di peringkat serantau.

Persidangan yang julung-julung kalinya diadakan ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Na'im bin Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 21 September 2023. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, YAA Dato' Hj Mohd Amran bin Hj Mat Zain, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM, Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, MAIWP, Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Pengarah-Pengarah Kanan dan Pengarah-Pengarah Bahagian JAKIM serta dif-dif kehormat.

Persidangan yang disertai lebih 300 orang peserta dari negara Malaysia dan negara-negara serantau ini menyaksikan 9 kertas pembentangan dari negara Malaysia, Brunei Darussalam dan Republik Indonesia. Sepanjang tempoh persidangan ini berlangsung, turut dibuka ruang pameran/reruui dari agensi-agensi seperti LPPKN, JKSM, JAWI, Bahagian Penerbitan JAKIM, Klinik Undang-Undang UKM serta pemeriksaan kesihatan oleh Hospital Pakar An-Nur.

Majlis Penutup dan pembentangan rumusan persidangan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM. Hasil rumusan daripada persidangan ini adalah kerjasama strategik antara negara MABIM amat penting bagi mengintegrasikan kepakaran, latihan kemahiran, kajian dan penyelidikan, serta memperhebat advokasi berkaitan isu kekeluargaan dan sosial melalui media sosial.





Majlis Penutup Persidangan Serantau Keluargaan Islam 2023

Seminar Lelaki Qawwam Peringkat Negeri Terengganu: Lelaki Dambaan Syurga

Pada 9 Mei 2023, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dengan kerjasama JAKIM dan YADIM telah mengadakan Seminar Lelaki Qawwam Peringkat Negeri Terengganu Darul Iman bertemakan “Lelaki Dambaan Syurga” bertempat di Dewan Utama Majlis Daerah Marang, Terengganu dan dihadiri hampir 1000 orang peserta, yang mana majoritinya adalah peserta lelaki. Para peserta terdiri daripada imam, bilal, guru-guru takmir, guru KAFA, badan beruniform, pelajar-pelajar IPT sekitar Terengganu dan wakil-wakil NGO Islam.

Seminar bertujuan untuk memberikan kefahaman berkaitan Lelaki Qawwam dan meningkatkan kesedaran tentang kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga yang dipengaruhi oleh peranan dan fungsi lelaki dalam keluarga. Antara objektif seminar ini juga adalah bagi memperkuatkkan rasa kepedulian seorang bapa dan masyarakat lelaki dewasa terhadap perkembangan dan pembangunan anak-anak serta mengembalikan fungsi dan tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh seorang lelaki selaku seorang ayah, abang, adik, datuk dan bapa saudara kepada ahli keluarga dalam mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Seminar dimulai dengan Pembentangan Dasar Inisiatif Lelaki Qawwam oleh YBrs. Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM. Disusuli dengan slot forum yang bertajuk : “Qawwamkah Aku?”. Panel jemputan terdiri daripada Ustaz Syed Norhisyam bin Tuan Padang, Pendakwah bebas, dan Ustazah Razidah binti Adam, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Kemajuan Islam JAKIM. Moderator forum ini ialah Dr. Abdul Hanis bin Embong, Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Perasmian penutup seminar disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Ucapan aluan disampaikan oleh Yang Berhormat Ustaz Haji Mohd Nor Bin Hamzah, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan Negeri Terengganu. Hadir sama adalah Tuan Haji M. Rozi Bin Bidin, Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Terengganu dan YBrs. Tuan Haji Mohd Norizan bin Abdul Ghani, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM dan Tuan Haji Lizan bin Che Mat, Pegawai Daerah Marang.



KSKCareCentre (KSKCC)

KSKCareCentre yang terletak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya merupakan pusat rujukan yang menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling syarie, terapi psikospiritual Islam dan 'ilaj syarie. Pusat ini bertujuan untuk membantu dalam memberi bimbingan kepada mana-mana individu yang berhadapan dengan masalah kehidupan supaya berupaya mengurus masalah peribadi di samping membantu menangani masalah sosial umat Islam dengan menggunakan pendekatan terapi kerohanian yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Pada tahun 2023 dua (2) KSKCC telah dirasmikan iaitu:



Majlis Perasmian KSKCC Di Kolej Darul Hikmah pada 14 Mac 2023



Majlis Perasmian (KSKCC) di Hospital Segamat, Johor Darul Takzim pada 26 September 2023

Majlis Menandatangani MoU antara JAKIM dan Mercy Mission Malaysia

Pada 12 Mei 2023, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) telah mencatat sejarah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAKIM dan Mercy Mission Malaysia bagi penganjuran program Kaunseling Syarie dan Usrah Interaktif Kumpulan Sisterhood. Dokumen MoU telah ditandatangani oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM di hadapan Tuan Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian KSK, JAKIM. Sementara itu di pihak Mercy Mission, diwakili oleh Encik Muhammad Fawwaz bin Aminuddin, Pemegang Amanah Mercy Mission Malaysia di hadapan Encik Shamil bin Mohd Alauddin, Pengarah Kewangan Mercy Mission Malaysia. Sesi menandatangani MoU ini disaksikan oleh YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM mewakili Ketua Pengarah JAKIM.



Melalui kerjasama ini, JAKIM bersedia menyumbang kepakaran dan tenaga profesional untuk berkongsi kemahiran dan ilmu khususnya dalam bidang kaunseling syarie, psikospiritual Islam dan 'ilaj syarie.

Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (KPNCR) Seluruh Malaysia

Persidangan ini merupakan agenda tahunan Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) yang menghimpunkan Ketua-Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' (KPNCR) Seluruh Malaysia dan Pegawai Atase Agama Malaysia di Jakarta, Indonesia serta wakil-wakil bahagian JAKIM yang berkaitan. Persidangan diadakan untuk menyelaras isu dan permasalahan berhubung pengurusan nikah, cerai dan ruju' orang Islam di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri seluruh Malaysia. Pada tahun 2023, Persidangan KPNCR telah diadakan seperti berikut:



Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Ruju' (KPNCR) Seluruh Malaysia Kali ke- 46 di Hotel RAIA Kota Kinabalu, Sabah pada 23-25 Mei 2023



Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Dan Rujuk' (KPNCR) Seluruh Malaysia Kali Ke-47 di Hotel Grand , Miri, Sarawak pada 18 Oktober 2023

Persidangan Ketua-Ketua Pendaftar Nikah Cerai Dan Rujuk Jabatan Agama Islam Negeri Dan Ketua-Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/ Mahkamah Syariah Negeri (KPNCR dan KPJKSN / MSN) Seluruh Malaysia

Persidangan ini merupakan persidangan tahunan kedua-dua agensi yang bertujuan untuk menyelaras perkara berkaitan pengurusan pernikahan, perceraian dan rujuk' serta perundungan di Malaysia yang melibatkan JAKIM, JKSM, JAIN serta JKSN/MSN. Ahli-ahli dalam persidangan ini terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSN/MSN dan Ketua Pendaftar NCR JAIN.

Pada tahun 2023, persidangan ini telah diadakan seperti berikut:



Persidangan Ketua-Ketua Pendaftar Nikah Cerai Dan Rujuk Jabatan Agama Islam Negeri Dan Ketua-Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah Negeri (KPNCR Dan KPJKSN / MSN) Seluruh Malaysia Kali Ke – 11 Tahun 2023 pada 19 - 20 Jun 2023



Persidangan Ketua-Ketua Pendaftar Nikah Cerai Dan Rujuk Jabatan Agama Islam Negeri Dan Ketua-Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah Negeri (KPNCR Dan KPJKSN / MSN) Seluruh Malaysia Kali Ke-12 Tahun 2023 pada 16 - 17 Oktober 2023

Lawatan Kerja Dan Diskusi Isu Pernikahan Yang Berlawanan Dengan Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Nikah Sindiket) Warganegara Malaysia Di Selatan Thailand Bersama Konsulat Malaysia Di Songkhla Dan Majlis Agama Islam Wilayah Selatan Thailand

Pada 20-22 Jun 2023, Bahagian Keluarga Sosial dan Komuniti (KSK) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah mengadakan lawatan kerja dan diskusi isu pernikahan yang berlawanan dengan Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam warganegara Malaysia di Selatan Thailand bersama Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla dan Majlis Agama Islam Wilayah Selatan Thailand.



Delegasi lawatan kerja diketuai oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM bersama 40 orang ahli delegasi yang terdiri daripada KPNCR Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Ketua Pendaftar JKSN/MSN dan Hakim-Hakim Syarie. Turut bersama dalam program ini adalah YBrs. Tuan Hj Nassir bin Hj Abdul Aziz selaku Ketua Pendaftar JKSM, Tuan Hj. Mohd Norizan bin Abd Ghani, Pengarah Bah. KSK JAKIM, YDH DCP Dato' Haji Ghazali bin Hj. Daud, Timbalan Pengarah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Polis Diraja Malaysia, YAA Tuan Kamal Bashah bin Dato' Ahmad Tajuddin, Ketua Hakim Syarie JKS Negeri Sembilan dan Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz Pengarah BPKR JKSM.



Program ini melibatkan diskusi di Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla yang diketuai oleh Tuan Sohaimi bin Ahmad, Konsul di KJM dan turut bersama secara dalam talian adalah mantan Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Tuan Muhammad Ridzuan bin Abu Yazid. Diskusi turut diadakan di kelima-lima Wilayah Selatan Thailand iaitu Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun. Objektif program ini adalah untuk mengadakan penyelarasan dengan pihak Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla bagi membendung isu nikah sindiket ini. Selain itu juga program ini bertujuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama dan hubungan diplomatik yang erat antara Malaysia dan Selatan Thailand terutama dalam urusan nikah, cerai dan rujuk yang melibatkan warganegara Malaysia. Perbincangan dua hala, pandangan dan nasihat telah berjaya diadakan di kelima-lima Wilayah tersebut.



Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM dalam ucapan berharap agar perjumpaan sesi diskusi ini akan berhasil bagi menyelaras peraturan mengenai urusan perkahwinan dalam usaha mengelakkan perkahwinan yang salah, sindiket atau tidak mengikut undang-undang. Sebarang isu-isu yang timbul dapat dibincangkan dan bersama-sama menyelesaikan isu serta masalah berhubung pengurusan perkahwinan warganegara Malaysia di Thailand dapat diselaraskan.

Kursus Pascaperkahwinan Islam

Kursus Pascaperkahwinan Islam merupakan antara inisiatif JAKIM untuk memperkuuh dan memantapkan hubungan suami isteri dengan nilai-nilai kekeluargaan agar dapat membentuk keluarga yang sakinah, mawaddah wa rahmah. Sepanjang kursus ini, peserta diberikan pemantapan ilmu berkaitan Pengurusan Kesihatan Keluarga, Pengurusan Kewangan Keluarga, Motivasi dan Pengurusan Psikologi serta Ibadah dan Pengurusan Stres dalam Rumah Tangga berdasarkan Modul Pascaperkahwinan Islam, JAKIM. Terdapat juga Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan slot Kenali Diri, Masam-Masam Manis serta Azam dan Aku Janji yang dikendalikan oleh fasilitator terlatih dalam program ini. Pada tahun 2023 pelaksanaan Kursus Pascaperkahwinan adalah seperti berikut:



Kursus Pascaperkahwinan Islam "Fasa Bulan Madu" Peringkat Negeri Pulau Pinang 2023 pada 22 - 24 September 2023



Kursus Pascaperkahwinan Islam "Fasa Semarak Kasih" Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Dengan Kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 8 - 10 September 2023



Kursus Pasca Perkahwinan Islam "Fasa Bulan Madu" Anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Dengan Kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 4 - 6 Ogos 2023



Kursus Pasca Perkahwinan Islam Jabatan Penjara Malaysia pada 8 - 10 Mei 2023



Kursus Pasca Perkahwinan Islam Peringkat Negeri Kelantan "Fasa Semarak Kasih" pada 18 - 20 Mei 2023

Kursus Kepada Fasilitator/Penceramah

Kursus kepada fasilitator dilaksanakan kepada fasilitator Pusat Khidmat Keluarga, Sosial Dan Komuniti (PKKSK), Fasilitator Pascaperkahwinan Islam dan Penceramah Kursus Praperkahwinan Islam yang dilantik. Sepanjang tahun 2023, antara kursus yang telah dilaksanakan antaranya:

i. Kursus Training Of Trainers (TOT) Fasilitator KSKCareCentre bagi Negeri Pahang dan Johor

Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) telah melaksanakan Kursus Training Of Trainers (TOT) Fasilitator Negeri Pahang dan Johor bermula 10 hingga 12 Oktober 2023 bertempat di Hotel Heritage Cameron Highlands. Kursus bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran fasilitator KSKCareCentre dalam memberi khidmat sokongan bantu kepada masyarakat.



Program ini melibatkan seramai 40 orang peserta dalam kalangan fasilitator KSKCareCentre di bawah seliaan JAIJ dan JAIP. Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd. Norizan bin Abd. Ghani, Pengarah Bahagian KSK JAKIM. Hadir bersama Ustazah Hajah Maimunah Othman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga dan Sosial JAIJ.

ii. Kursus Pemantapan Fasilitator Pusat Khidmat Keluarga, Sosial Dan Komuniti (PKKSK) Terengganu

Pada 16-18 Mei 2023, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) telah menganjurkan Kursus Pemantapan Fasilitator Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) dengan kerjasama Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) yang bertempat di Tanjung Demong Beach Resort, Besut, Terengganu. Kursus disertai oleh 52 orang fasilitator PKKSK dari seluruh daerah negeri Terengganu.



Kursus bertujuan untuk memberi pendedahan sepuluh (10) modul PKKSK yang dibangunkan oleh Bahagian KSK melibatkan percambahan ilmu pengurusan individu sebelum kelahiran sehingga ke saat hembusan nafas terakhir. Majlis penutup kursus ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Norizan bin Abd. Ghani, Pengarah Bahagian KSK, JAKIM. Turut hadir Ustaz Asy-Syafie Abd. Manan, Penolong Pesuruhjaya Kanan JHEAT.

iii. Kursus TOT Modul Pusat Khidmat Keluarga, Sosial Dan Komuniti (PKKSK)

Kursus Training Of Trainers (TOT) Modul Pusat Khidmat Keluarga, Sosial dan Komuniti (PKKSK) telah diadakan pada 14-16 Mac 2023 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Kampus Bangi. Kursus ini merupakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan peserta dalam membantu menyelesaikan masalah sosial dan kekeluargaan. Kursus disertai oleh 37 orang dalam kalangan fasilitator KSKCareCentre Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan juga fasilitator PKKSK Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) Zon Tengah. Kursus ini memberi pendedahan kandungan 10 modul PKKSK iaitu modul pengukuhan aqidah, kehamilan dan kelahiran, kemahiran keibubapaan, pendidikan kanak-kanak, pembangunan remaja, pengurusan konflik keluarga, interaksi kejiranan, khidmat nasihat komuniti, pemerkasaan saudara muslim dan kasih ke syurga (warga emas).

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd. Norizan bin Abd. Ghani, Pengarah Bahagian KSK JAKIM. Turut hadir sama Ustazah Nor Hanim Abdul Halim, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian KSK JAKIM dan Ustazah Sabariah binti Salleh, Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang juga merupakan penceramah jemputan.

iv. Kursus Asas Fasilitator Pascaperkahwinan Islam Peringkat Negeri Sarawak 2023

Kursus Asas Fasilitator Pascaperkahwinan Islam dilaksanakan kepada fasilitator kursus pascaperkahwinan Islam di mana para peserta dibahagikan kepada 4 kumpulan berdasarkan 4 fasa (tempoh perkahwinan) iaitu Fasa Bulan Madu (5 tahun tempoh usia perkahwinan), Fasa Sehati Sejiwa (6 hingga 10 tahun), Fasa Semarak Kasih (11 hingga 20 tahun) dan Fasa Syurga Cinta (21 tahun keatas). Para peserta diminta untuk melaksanakan simulasi berdasarkan setiap modul yang terdiri daripada beberapa slot seperti Ice breaking, Kenali Diri, Masam-Masam Manis serta Azam dan Aku Janji. Slot LDK sepanjang program ini telah dikendalikan oleh Master Trainer terlatih, Tuan Hj. Hasli bin Hj. Othman.

Kursus Asas Fasilitator Pascaperkahwinan Islam dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Sarawak telah diadakan pada 13-15 Jun 2023 bertempat di The Waterfront Hotel, Kuching, Sarawak. Antara objektif kursus ini adalah untuk melatih barisan pelapis fasilitator Kursus Pascaperkahwinan Islam berdasarkan Modul Pascaperkahwinan Islam, melahirkan barisan fasilitator yang berkualiti, berpengetahuan dan mampu mengendalikan slot LDK berpandukan modul bagi menggerakkan pelaksanaan Kursus Pascaperkahwinan Islam di seluruh Malaysia.



Kursus ini berjaya menghimpunkan seramai 41 orang kakitangan Jabatan Agama Islam Sarawak. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Jamaludin bin Taim, Ketua Bahagian Kemajuan Keluarga Islam Jabatan Agama Islam Sarawak mewakili Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak. Turut diserikan lagi dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Hj Mohd Norizan Bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM.

v. Kursus Asas Fasilitator Pascaperkahwinan Islam Peringkat Negeri Johor

Pada 25-27 Julai 2023 telah diadakan Kursus Asas Fasilitator Pascaperkahwinan Islam dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ). Kursus ini berjaya menghimpunkan seramai 18 orang kakitangan Jabatan Agama Islam Johor bertempat di Bayu Balau Beach Resort, Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Saipol Rahman bin Hj. Amat, Timbalan Pengarah Pengurusan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor mewakili Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Turut diserikan lagi dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Hj Mohd Norizan bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti JAKIM.



vi. Kursus Praperkahwinan Islam Dalam Bahasa Inggeris

Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) JAKIM telah melaksanakan latihan kepada penceramah Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) dalam Bahasa Inggeris. Training of Trainer (TOT) ini telah dilaksanakan selama dua hari bermula 15 – 16 Mac 2023 di Kompleks Islam Putrajaya.

Peserta program ini terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pelbagai bidang berdasarkan kandungan modul sedia ada, iaitu pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk, pegawai agama, pegawai psikologi dan doktor/ pengamal perubatan berdaftar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



Terjemahan kandungan modul Kursus Praperkahwinan Islam ke Bahasa Inggeris telah diketuai oleh Allahyarham Prof Emeritus Tan Sri Mohd Kamal Hassan bermula tahun 2020 hingga 2021. Penggunaan istilah dan terminologi arab diteliti sebaiknya bagi memastikan penyampaian kandungan Kursus Praperkahwinan Islam yang terkait rapat dengan Tasawwur Islam dan Fiqh Munakahat disampaikan dalam bahasa Inggeris dengan sebaiknya.

vii. Kursus Asas Training of Trainer (TOT) Penceramah Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI)

Pada 4-6 Julai 2023, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti (KSK) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) menganjurkan Kursus Asas Training of Trainer (TOT) Penceramah Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) bertempat di Kuantan, Pahang untuk memberi latihan secara lebih bersistematis, berstruktur dan seragam.

Seramai 40 orang kakitangan JAIP yang terlibat dalam hal ehwal berkaitan pentadbiran perkahwinan Islam dari seluruh daerah Pahang telah hadir dan memberikan komitmen sepanjang kursus berlangsung. Kursus ini merupakan latihan yang seterusnya akan memberi pengiktirafan kepada penceramah Kursus Praperkahwinan Islam yang terlatih dalam mengendalikan modul.



CAWANGAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KOMUNITI

Simposium Amalan Terbaik Perawatan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) Islam 2023

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama rakan strategik dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Asian Centre for Research On Drug Abuse (ACREDA) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Malaysian Association of Drug Addiction Counselors (MADAC) telah menganjurkan Simposium Amalan Terbaik Perawatan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) Islam 2023 pada 7 - 8 Mac 2023 bertempat di Dewan Datuk Mohd Shahir, ILIM, Kampus Bangi. Simposium dihadiri oleh kira-kira 130 orang peserta yang terdiri dari pengusaha / pengendali rumah pemulihan dadah persendirian, penyelidik dan pensyarah IPTA dan pegawai Majlis Agama Islam Negeri.

Perasmian simposium ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir mengiringi YB Menteri adalah YBhg. Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Sharifudin bin Md Shaarani, Naib Canselor USIM.

Objektif penganjuran simposium ini adalah untuk memperkasa kaedah rawatan dan pemulihan berasaskan Islam yang sedang diamalkan di pusat-pusat khidmat nasihat dan rawatan penyalahgunaan dadah di seluruh Malaysia. Ini merupakan inisiatif dan komitmen JAKIM yang berterusan bersama dengan rakan-rakan strategik dalam usaha untuk membantu dan memberikan perkhidmatan bimbingan dan pemulihan kepada penyalahgunaan dadah melalui amalan terbaik perawatan dan pemulihan berteraskan Islamic Spiritual Approach.



Seminar Isu Sosial

Seminar ini diadakan bertujuan menyemai kesedaran berkenaan realiti isu sosial yang semakin meruncing dalam kalangan rakyat Malaysia. Bagi tahun 2023, Bahagian KSK telah mengadakan tiga (3) siri seminar sosial seperti berikut:



Seminar Kesedaran Isu Sosial Abad Ke-21 pada 14 Januari 2023



Seminar Isu Sosial - SMK Cyberjaya pada 25 Oktober 2023



Seminar Isu Sosial - SMA Al Khairiah, Temerloh, Pahang pada 8 November 2023

Program Mukhayyam Komuniti Disayangi Tahun 2023

27-29 Julai 2023, Bahagian Keluarga dan Komuniti dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) telah menjayakan program Mukhayyam Komuniti Disayangi (Transgender) bagi tahun 2023 yang bertempat di Kalumpang Resort & Training Centre, Selangor. Program melibatkan 30 orang peserta daripada Negeri Selangor dan 30 orang peserta daripada Negeri Johor.

Program 3 hari 2 malam tersebut padat dengan pelbagai aktiviti. Program kali ini menitikberatkan aktiviti keagamaan dan kerohanian, aktiviti lasak dan aktiviti berkumpulan. Antara aktiviti lasak yang dijalankan adalah dengan merentas sungai dan jungle tracking. Selain itu juga, peserta diuji dan diberi pendedahan dalam slot psikologi yang disampaikan oleh Puan Zarina binti Hamzah, Pegawai Psikologi Kolej Komuniti Hulu Selangor. Slot - slot sepanjang program ini dikendalikan oleh Al Iman Motivation Training yang diketuai oleh Al-Fadil Ustaz Hanafiah bin Abd Malek.

Majlis perasmian program disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani, Pengarah Bahagian

Keluarga Sosial dan Komuniti JAKIM. Turut hadir pada majlis perasmian program ialah Ustaz Suhaimi bin Ismail, Pengarah Sektor Pembangunan Sosial, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Ustazah Maimunah binti Othman, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Negari Johor (JAINJ).



Program Peduli Outreach

Program Peduli Outreach merupakan program yang bertujuan untuk memberi sokongan kerohanian kepada kumpulan sasar di samping memberi pendedahan kepada para Sukarelawan Sosial Islam dalam menyantuni komuniti. Pada tahun 2023, Cawangan Pembangunan Sosial dan Komuniti telah mengadakan beberapa siri Program Peduli Outreach seperti berikut:



Program Peduli Outreach : "Masih Ada Yang Sayang" pada 15 Oktober 2023



Program Peduli Outreach : "Love & Care" pada 21 Mei 2023

Program Rahmah Madani Menyantuni Gelandangan Sekitar Ipoh, Perak 2023

Pada 9 September 2023, Program Rahmah Madani Menyantuni Gelandangan telah dilaksanakan di sekitar Ipoh, Perak. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) bersama-sama rakan strategik Fraser & Neave Holdings Bhd dan Syarikat Gardenia Bakeries (KL) Sdn. Bhd.

Program ini dimulakan dengan Slot Perkongsian Modul Kerohanian dan Jati Diri (Komuniti Disayangi) oleh YBrs. Ustaz Kamarudin bin Kassim selaku Pengurus Persatuan Menangani Gejala Sosial Malaysia (UNGGAS) untuk memberi pendedahan kepada Guru Takmir dan Guru Agama Dakwah Ipoh, Perak dalam menyantuni komuniti gelandangan.



Aktiviti sesi tengahari dan petang diteruskan lagi dengan penyerahan sumbangan makanan kering (Ready To Eat) bernilai RM3,000.00 dan kit pengurusan diri bernilai RM2,000.00 daripada pihak YaPEIM, makanan dan minuman daripada pihak F&N dan Gardenia serta bungkus makan malam kepada 100 orang gelandangan di Dataran Tok Sagor dan sekitar The Store, Jalan Dato Onn Jaafar, Ipoh.

Program Komuniti Madani Sejahtera Bebas Dadah Negeri Kedah

Pada 9-11 September 2023, Bahagian KSK telah berkolaborasi dengan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) untuk menjayakan Program Komuniti Madani Sejahtera Bebas Dadah Negeri Kedah. Turut bekerjasama menjayakan program ini adalah Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM), Agenzi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Kedah dan persatuan-persatuan penduduk setempat.

Hari pertama (9.9.2023) pasukan ini menyantuni penduduk di Kuala Kedah Kedah. Program dimulakan dengan slot-slot ceramah dan slot santai Kanak-kanak yang diadakan di Masjid Al Ma'arifi Seberang Kota Kuala Kedah. Slot-Slot ceramah disampaikan oleh pihak KSK JAKIM dan Pasukan Pelindung Kanak-kanak daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kedah. Manakala slot Bersama kanak-kanak



disempurnakan oleh PEMADAM. Di sebelah petang pula pasukan ini menyantuni 10 buah rumah di kalangan penduduk yang sakit terlantar di samping menyampaikan bantuan barang dapur.

Hari Kedua (10.09.2023) pula diadakan program di Pulau Song Song, Yan, Kedah. Program melibatkan seramai 35 orang pelajar lepasan SPM (tingkatan 6). Program santai di pulau ini dikendalikan pihak KSK JAKIM secara slot permainan yang bertujuan melahirkan remaja yang berkualiti dari segi agama dan kehidupan di samping memberi pendedahan tentang dadah dan isunya.

Di hari ketiga (11.09.2023) pasukan ini berada di Felcra Belimbang Tualak, Padang Terap, Kedah bagi menyantuni penduduk di sana pula. Di sebelah pagi kami menyantuni rumah Klien AADK dan penduduk asnaf dan menyampaikan sumbangan serta bertanya khabar. Turut serta dalam ziarah ini adalah penghulu Mukim Padang Terap dan Persatuan Ibu Tunggal. Di sebelah petang pula diadakan program ceramah berkaitan penyalahgunaan dadah di dewan Felcra Belimbang Tualak dan beberapa acara lain seperti pertandingan memasak. Turut disantuni juga adalah penduduk di Pusat Jagaan Kasih Anak Yatim. Pihak McDonald Malaysia juga telah menyumbangkan sebanyak 60 set makanan bagi menyantuni kanak-kanak di Pusat Jagaan Anak Yatim ini dan Kanak-Kanak di Felcra Belimbang Tualak.



Program Rakan Setia Komuniti Klien AADK Negeri Kedah pada 18 - 20 Ogos 2023

Program Terapi Psikospiritual Islam Klien Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Program ini merupakan program kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dengan memfokuskan program di masjid-masjid. Program ini diharap akan berterusan agar dapat membantu kepulihan Klien AADK khususnya yang menghadiri program ini di samping menyebarluas fungsi dan peranan masjid dalam komuniti.

Pada tahun ini beberapa siri program telah dilaksanakan seperti berikut:



Program Terapi Psikospiritual Islam Klien AADK Daerah Hulu Langat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (Majis Besi), Putrajaya pada 17 September 2023



Program Terapi Psikospiritual Islam Klien AADK Daerah Hulu Langat di Al-Muttaqin, Dusun Tua, Hulu Langat Selangor pada 14 Oktober 2023



Program Terapi Psikospiritual Islam Klien AADK Daerah Hulu Langat di Masjid Murul Hidayah, Kampung Pandan Dalam, Selangor pada 21 Oktober 2023



Program Terapi Psikospiritual Islam Klien AADK Daerah Hulu Langat di Masjid Sultan Hishamuddin Alam Shah, Pekan Batu 14 Hulu Langat pada 11 November 2023



Program Terapi Psikospiritual Islam Klien AADK Daerah Hulu Langat di Masjid At Taqwa, Bandar Bukit Mahkota pada 8 November 2023

Program Rehlah Till Jannah (RTJ) Negeri Terengganu

Pada 24 - 26 Februari 2023 Bahagian Keluarga, Sosial & Komuniti telah menganjurkan Program Rehlah Till Jannah (RTJ) Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT) & Pertubuhan Komuniti Cakna Terengganu (KCT) bertempat di Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu.

Program yang dihadiri oleh 40 orang peserta daripada KCT ini bertujuan memberi pendedahan berkaitan Islam dan HIV kepada komuniti dan kumpulan berisiko. Selain itu, program ini juga bertujuan menyemai semangat kerohanian dan jati diri serta semangat berpasukan dalam diri setiap peserta.

Majlis Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Norizan bin Abd Ghani (Pengarah Bahagian KSK JAKIM). Dalam ucapannya, YBrs. Pengarah telah menitipkan pesanan kepada semua peserta agar berazam untuk mengilhamkan perubahan dalam diri masing-masing ke arah kehidupan yang lebih berkualiti. Turut sama hadir dalam majlis tersebut ialah Ustaz Muhammad Ash-Shafie bin Abd Manan (Penolong Kanan Pesuruhjaya JHEAT) dan Encik Amran bin Mohd Yazid (Ahli Majlis Syura CAKNA).



BAHAGIAN PENYELIDIKAN

PENDAHULUAN

Bahagian Penyelidikan telah melaksanakan kajian-kajian dan program-program penjelasan kajian sepanjang tahun 2023. Setiap kajian dan program yang dilaksanakan memberikan impak kepada pembangunan masyarakat Islam seluruh Malaysia. Bahagian ini juga tidak ketinggalan dalam berkongsi hasil-hasil kajian di persada antarabangsa dan berharap agar ianya dapat dimanfaatkan oleh seluruh ummah.

KAJIAN-KAJIAN YANG DILAKSANAKAN OLEH BAHAGIAN PENYELIDIKAN BAGI TAHUN 2023



Jadual 1 menunjukkan sebanyak 11 kajian berimpak tinggi yang dilaksanakan oleh Bahagian Penyelidikan bagi tahun 2023. Hasil dari kajian ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Muzakarah MKI bagi mendapatkan pandangan hukum. Berikut adalah senarai kajian-kajian tersebut :

1. Kajian Pembangunan Parameter Istihalah dalam Produk Farmaseutikal
2. Kajian Pelupusan dan Kitar Semula Mushaf Al-Quran yang Rosak Menggunakan Kaedah ‘Deinking’
3. Kajian Kefahaman dan Penerbitan Matan Arbain, Hadith 40 Karangan Imam Nawawi
4. Kajian Islamofobia
5. Kajian Ideologi Ektremis Agama Kalangan Tahanan Radikal
6. Kajian Pemerkasaan Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia
7. Kajian Penggunaan Kalimah Allah dalam Kalangan Penganut Kristian di Sabah dan Sarawak
8. Kajian Hukum Tuntutan Hutang Tunggakan Cukai Pendapatan Si Mati kepada Ahli Waris
9. Kajian Pandangan Hukum Pelaksanaan Pemberian Ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) Bagi Pencegahan Penularan HIV
10. Kajian Pembangunan e-almanak Falak Web Based & Kalkulator Takwim Hijri (Iddah dan Nasab)

PROGRAM-PROGRAM SEMINAR PENGHAYATAN SAHIH AL-BUKHARI DAN PELUNCURAN MAJLIS HADIS SAHIH AL-BUKHARI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1445H / 2023M

Bahagian Penyelidikan telah menganjurkan Seminar Penghayatan Sahih Al-Bukhari dan Peluncuran Majlis Hadis Sahih Al-Bukhari Peringkat Kebangsaan yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 22 Julai 2023.

Program ini dilaksanakan bagi melakar pengukuhan Islam demi membangun Malaysia MADANI ini bertujuan untuk mempromosi pembudayaan ilmu dan tradisi Islam melalui kitab Sahih Al-Bukhari dengan membawakan tokoh-tokoh ulama tempatan dan antarabangsa.

Seminar Penghayatan Sahih Al-Bukhari ini dimulakan dengan Syarahan Penggenalan Penghayatan Sahih Al-Bukhari daripada Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya Dr. Lukman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan diikuti dengan syarahan Madkhal Ila Sahih Al-Bukhari oleh Sheikh Dr. Usamah Sayyid Al-Azhari yang merupakan Ulama al-Azhar, Mesir dan Penasihat Kepada Presiden Republik Arab Mesir (Hal Ehwal Agama).

Seramai lebih 3000 orang tetamu telah hadir yang terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, NGO Islam, para ilmuan dan cendikiawan Islam serta orang awam.

Kemuncak Seminar Penghayatan Sahih Al-Bukhari ini adalah Perasmian dan Peluncuran Majlis Hadis Sahih Al-Bukhari Peringkat Kebangsaan serta syarahan perdana dan doa yang disampaikan oleh Tokoh Ma'al Hijrah Antarabangsa iaitu Al-Allamah Sheikh Abu Bakar Ahmad, Mufti Besar India.



MESYUARAT JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI)

Pada 28 Oktober 2023, Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato 'Setia Dr. Haji Mohd Nai'm Bin Haji Mokhtar Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang julung kalinya diadakan.

Jawatankuasa HARMONI dianggotai oleh 30 orang ahli yang terdiri daripada wakil Kerajaan, pemimpin badan keagamaan dan wakil-wakil pertubuhan di Malaysia. Mesyuarat ini dijadikan sebagai platform penting bagi meningkatkan kefahaman di samping menjadi tapak untuk merapatkan jurang antara badan agama Islam dan bukan Islam dalam berkongsi pandangan.

Dengan kerjasama dan mesyuarat HARMONI yang diadakan, JAKIM akan terus komited dalam melaksanakan program-program di bawah Pelan Transformasi al-Falah serta dapat menyokong matlamat membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagai.



SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM BAHAGIAN PENYELIDIKAN SEPANJANG TAHUN 2023:

Bil	Program	Tarikh
1	Kunjungan Kumpulan Penyelidikan Ekonomi Halal	25.1.2023
2	Diskusi Isu-Isu Muamalat Siri 1 Tahun 2023	22.3.2023
3	Forum "Tanya JAKIM Raya Tahun 2022 Tak Sah?"	13.4.2023
4	Bicara Falak Siri 3/2023	17.4.2023
5	Wacana Eksekutif Bersama Al-Faqeh Al-Usuli Syeikh Dr. Ahmed Mamdouh Saad Al-Azhary Asy-Syafiee, Ahli Majlis Fatwa Mesir ke JAKIM	15.6.2023
6	Panel Forum "Pencerapan Anak Bulan di Malaysia"	21.6.2023
7	Forum Perdana Hal Ehwal Islam Sempena Sambutan Bulan Falak Malaysia	10.8.2023
8	Webinar Diskusi Isu-Isu Muamalat Siri 2 Tahun 2023	25.8.2023
9	Lawatan Penanda Aras EKSA oleh UUM	15.9.2023
10	Seminar Pemerkasaan Bidang Amalan Perubatan Islam	26.9.2023
11	Lawatan Akademik Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum UTHM	4.10.2023
12	Muzakarah Falak Peringkat Kebangsaan	30.10.2023

BAHAGIAN PENDIDIKAN**Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Multaqa Huffaz Kebangsaan Tahun 2023**

Pada 9 Februari 2023, telah berlangsung mesyuarat Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Multaqa Huffaz Kebangsaan Tahun 2023 bertempat di Dewan Syura A, Aras 8, Blok A Kompleks Islam Putrajaya, jam 4.00 petang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Ruslan bin Said Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pendidikan JAKIM, Ustaz Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, wakil Persatuan Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA) Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA) Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (PITAS) serta wakil pegawai-pegawai bahagian di JAKIM. Mesyuarat ini diadakan adalah bertujuan untuk membuat penyelarasan Pelaksanaan Multaqa Huffaz Kebangsaan Tahun 2023 yang dijangka akan diadakan pada 11 Mac 2023 di Masjid Wilayah Kuala Lumpur akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.



Pelancaran Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama Malaysia (MESMA) Peringkat Kebangsaan Kali ke-4 Tahun 2023

8 Februari 2023, Kota Bharu: Pada hari ini JAKIM dengan kerjasama Yayasan Islam Negeri Kelantan telah melancarkan Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama Malaysia (MESMA) Peringkat Kebangsaan Kali ke-4 Tahun 2023. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Ruslan bin Said, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM.

Mhrajan Memanah Sekolah Menengah Agama Malaysia (MESMA) Peringkat Kebangsaan Kali ke-4 akan berlangsung pada 6 hingga 9 Ogos 2023 (Ahad hingga Rabu) di Universiti Sains Malaysia Kubang Krian, Kelantan. Dua acara akan dipertandingkan iaitu Recurve dan Tradisional.

Pemilihan pemain di peringkat sekolah akan bermula pada bulan Mac 2023. Pertandingan di peringkat sekolah dan zon sehingga ke peringkat daerah akan dibuat pada bulan Mei 2023. Manakala Pertandingan di peringkat negeri pada bulan Jun hingga Julai 2023. Semua ini adalah persiapan ke peringkat Kebangsaan pada 6 hingga 9 Ogos 2023.

Seramai 196 orang peserta (lelaki/perempuan) dari 14 buah negeri yang merupakan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Keseluruhan kontijen melebihi 500 orang termasuk pegawai, pengadil dan urusetia pertandingan.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk menerapkan nilai semangat bersaing secara sihat, berkeyakinan dan fokus terhadap apa jua yang dilakukan. Di samping itu untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah menguasai kemahiran, bakat dan kebolehan yang dimiliki mereka untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Berdasar rekod pencapaian mahrajan sebelum ini terdapat beberapa orang peserta mahrajan telah dipilih sebagai atlit peringkat negeri untuk bertanding ke peringkat kebangsaan seperti SUKMA dan Kejohanan Memanah Kebangsaan. Pihak pengajur meletakkan sasaran bahawa peserta bukan sahaja berjaya mencipta kejayaan diperingkat kebangsaan tetapi diharapkan mereka berjaya juga diperingkat antarabangsa.



Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-9 Tahun 2023

22 hingga 24 September 2023, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pendidikan telah mengadakan Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) Peringkat Kebangsaan Kali Ke – 9 Tahun 2023, bertempat di Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan di rasmikan majlis penutupannya oleh YB. Senator Dato'Setia Dr. Haji Naim bin Haji Mokhtar Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama),

Turut hadir iaitu YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri serta dif-dif kehormat.

Pada kali ini MIISMAM telah disertai oleh 14 negeri dengan keseluruhan kontinjen seramai 980 orang. Keseluruhannya, negeri Kedah telah dinobatkan sebagai johan dengan pencapaian dalam acara yang dipertandingkan iaitu 4 johan, 3 naib johan dan 1 tempat ketiga. Bahagian Pendidikan mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran MIISMAM pada kali ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada para pemenang dan insyaAllah kita akan berjumpa pada MIISMAM akan datang. Keputusan penuh adalah seperti berikut:

Tilawah Al-Quran Lelaki:

- | | |
|------------|---|
| Johan | : Ahmad Abrar bin Azraie (Melaka) |
| Naib Johan | : Wan Ahmad Nur Firas Bin Wan Mohd Nurussabah (Kedah) |
| Ketiga | : Aus bin Salehuddin (Johor) |



Tilawah Al-Quran Perempuan

- | | |
|------------|---|
| Johan | : Nur Syamimi Aqila binti Supens(Johor) |
| Naib Johan | : Ulya binti Mohd Sayuti (Kedah) |
| Ketiga | : Hanissa binti Mohd Hanifah (Terengganu) |

Hafazan Al-Quran Lelaki

- | | |
|------------|--|
| Johan | : Muhammad Fahim bin Shari (Wilayah Persekutuan) |
| Naib Johan | : Muhammad Nasrullah bin Mohd Daud (Perak) |
| Ketiga | : Muhammad Yusuf bin Abd Rani (Pulau Pinang) |

Hafazan Al-Quran Perempuan

- | | |
|------------|--|
| Johan | : Salsabila binti Mohd Yusof (Kedah) |
| Naib Johan | : Rahmatul Izzah binti Rushdi (Terengganu) |
| Ketiga | : Zafirah binti Zulhisham (Johor) |



Syarahan Bahasa Melayu Lelaki

- | | |
|------------|---|
| Johan | : Muhammad Saifudin bin Saifulhisham (Negeri Sembilan) |
| Naib Johan | : Muhammad Syamil bin Mohd Samsudin (Wilayah Persekutuan) |
| Ketiga | : Muhammad Muazin bin Shuzaili (Kedah) |



Syarahan Bahasa Melayu Perempuan

- | | |
|------------|---|
| Johan | : Nur Natasha binti Hairol Helme (Johor) |
| Naib Johan | : Wan Nur Damia binti Wan Fakhzan (Wilayah Persekutuan) |
| Ketiga | : Nur Saidatul Hannan binti Eddy Johan (Perak) |

Syarahan Bahasa Inggeris Lelaki

- | | |
|------------|---|
| Johan | : Muhamad Asyraf bin Mohd Nuriman (Pahang) |
| Naib Johan | : Muhammad Adam bin Mohd Adib (Johor) |
| Ketiga | : Abdullah Khairy bin Mohd Nizam (Pulau Pinang) |

Syarahan Bahasa Inggeris Perempuan

- | | |
|------------|---|
| Johan | : Nik Nasreen Insyirah binti Nik Annuar Fathi (Kelantan) |
| Naib Johan | : Nur Elrifa Azzahra (Sabah) |
| Ketiga | : Shirin Maisarah binti Shamsul Bahri (Wilayah Persekutuan) |

Syarahan Bahasa Arab Lelaki

- | | |
|------------|--|
| Johan | : Muhammad Adam Iskandar bin Mohamad Yusri (Negeri Sembilan) |
| Naib Johan | : Muhammad Muhajir bin Hasbdullah (Pahang) |
| Ketiga | : Muhammad Irfan bin Nazarudin (Melaka) |



Syarahan Bahasa Arab Perempuan

- Johan : Sumayyah binti Sabar (Pahang)
 Naib Johan : Nursaidatul Huda binti Eddy Johan (Perak)
 Ketiga : Iman binti Adil (Kelantan)

Khat Lelaki

- Johan : Abdul Wafi bin Abdul Amir (Sabah)
 Naib Johan : Nik Abdul Majid bin Nik Abdul Rahman Zaki (Kelantan)
 Ketiga : Muhammad Aiman bin Talib (Negeri Sembilan)

Khat Perempuan

- Johan : Siti Sarah Syamimi binti Mohammad Sidek (Terengganu)
 Naib Johan : Puteri Masyitah binti Roslan (Sabah)
 Ketiga : Najwa Atiqah binti Zulhazmi (Negeri Sembilan)

Kitab Turath Lelaki

- Johan : Abdul Halim Bin Roslan (Kelantan)
 Naib Johan : Khairul Aiman bin Hishamuddin (Wilayah Persekutuan)
 Ketiga : Mohammad Zikri Fahmi bin Mohd Zamri (Pulau Pinang)

Bahas Ala Parlimen

- Johan : Kedah
 Naib Johan : Selangor
 Ketiga : Melaka

Kitabatul Maqal Lelaki

- Johan : Amir Asyraf bin Mohd Hisyamuddin (Wilayah Persekutuan)
 Naib Johan : Ahmad Afif Nazmi bin Ahmad (Selangor)
 Ketiga : Muhammad Al Abrisam bin Al Ayubi (Johor)

Kitabatul Maqal Perempuan

- Johan : Nur Ibtisam Sayyidah binti Ibrahim (Pahang)
 Naib Johan : Balqis binti Mazri (Kedah)
 Ketiga : Syarifah Khaulah binti Syed Mohd Norhisyam (Selangor)

Kuiz Dini

- Johan : Negeri Sembilan
 Naib Johan : Johor
 Ketiga : Wilayah Persekutuan

Nasyid Perempuan

- Johan : Kedah
 Naib Johan : Pulau Pinang
 Ketiga : Perak

Nasyid Lelaki

- Johan : Kedah
 Naib Johan : Perak
 Ketiga : Johor



Bengkel Pengemaskinian dan Penambahbaikan Data Tadika, Sekolah Agama, Tahfiz, Pondok dan (KAFA) Siri 3/2023

Bengkel Pengemaskinian dan Penambahbaikan Data Tadika, Sekolah Agama, Tahfiz, Pondok dan (KAFA) Siri 3/2023 dalam (SIMPENI) telah diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2023 bertempat di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu, Terengganu. Bengkel anjuran Unit Penyelarasan Data dan Maklumat, Cawangan Jaminan Kualiti, Bahagian Pendidikan JAKIM merupakan bengkel yang ketiga untuk tahun 2023 dalam penyelarasan data rasmi Institusi Pendidikan Islam di Malaysia ini telah dirasmikan oleh Ustazah Jamilah binti Muhammad Jamil, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan JAKIM. Bengkel ini telah dihadiri oleh peserta terdiri daripada Pegawai Pengurusan data Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Yayasan Islam Negeri dan Penyelia KAFA di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Objektif bengkel ini diadakan bertujuan untuk pengemaskinian data rasmi Pendidikan Islam serta penyelarasan pengurusan isu dan masalah dalam penyediaan data dan maklumat Pendidikan Islam samada melalui Sistem Maklumat Pendidikan Islam Malaysia (SIMPENI) atau medium yang lain.

Penyelaras bengkel yang diadakan ini ialah En Mohd Mazlinuri bin Mori dan dibantu oleh Puan Nurul Ain Amaliena binti Shaharuddin dari Unit Penyelarasan Data dan Maklumat, Cawangan Penyelarasan Pendidikan Bahagian Pendidikan JAKIM. Manakala fasilitator yang bertanggungjawab berkaitan teknikal sistem SIMPENI ialah Encik Mohd Ridzuwan bin Wari dan Puan Syakirah Adibah binti Mohd Ghazali pegawai dari Bahagian Pengurusan Maklumat JAKIM.

Perbincangan mengenai beberapa isu yang sering timbul dalam SIMPENI dan dapat mewujudkan satu sistem yang efektif dalam menyediakan data dan maklumat yang lengkap. Diharapkan bengkel yang dijalankan ini dapat mempertingkatkan lagi proses pengurusan dan penyediaan data sebagai rujukan rasmi bagi melancarkan lagi urusan pentadbiran Pendidikan Islam di Malaysia.



Agenda pemerkasaan KAFA melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Persekutuan

04 Disember 2023 JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ) telah mengadakan Mesyuarat Pelaksana KAFA Peringkat Persekutuan bilangan 2 /2023, bertempat di Hotel New York Johor Bahru. Mesyuarat ini telah di pengerusikan oleh YBhg. Tuan Haji Ruslan bin Said Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM.

Mesyuarat ini adalah merupakan wadah dan ruang yang terbaik bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di seluruh Malaysia. Semua agensi yang terlibat boleh mengemukakan pandangan dan pendapat untuk dikongsi bersama khususnya dalam konteks memperkasakan pengurusan KAFA. Dengan harapan apa juga masalah/isu di negeri-negeri dapat selasaikan.

JAKIM bersama agensi bertanggungjawab di peringkat persekutuan dan negeri sentiasa komited meneruskan usaha memperkuuhkan pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid Islam diseluruh Negara. Selain itu, perhatian juga turut diberikan terhadap murid berkeperluan pendidikan khas, murid di kalangan masyarakat Orang Asli dan kawasan pedalaman khususnya di Negeri Sabah dan Sarawak.

Perbincangan turut menyentuh isu kekurangan guru KAFA, skim perjawatan guru KAFA dan naik taraf perjawatan Penyelia KAFA yang perlu diambil perhatian oleh semua ahli sama ada di peringkat persekutuan atau pu negeri.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut adalah wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, JAKIM Sabah, Yayasan Islam Terengganu, Pegawai Bahagian JAKIM, Seksyen Pengurusan KAFA Kelantan dan Pengarah Bahagian Pendidikan, Ustaz Mohd Fadzil bin Abu Kasim selaku Setiausaha Mesyuarat ini.

Moga mesyuarat yang dilaksanakan 2 kali setahun ini menjadi satu platform kepada penambahbaikan dan pemerkasaan KAFA selaras dengan falsafah, visi dan misinya dalam membangun khaira ummah.



Kejohanan Sukan Sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) peringkat kebangsaan kali ke-22 tahun 2023.

Universiti Malaysia Pahang, Pahang, 4 hingga 8 September 2023, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah mengadakan Kejohanan Sukan Sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) peringkat kebangsaan kali ke-22 tahun 2023. Kejohanan Sukan Sekolah Agama Malaysia peringkat kebangsaan kali ini dan Kontinjen Negeri Terengganu dinobatkan JOHAN keseluruhan Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan kali ke-22 tahun 2023.

Majlis Perasmian Penutupan KESSUMA telah disempurnakan pada malam ini oleh YB Encik Fadzli bin Mohd Kamal, Exco Komunikasi Dan Multimedia, Belia, Sukan Dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang yang menjadi wakil rasmi kepada YAB Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Turut hadir iaitu YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM, Yang Hormat Dato' Dr Haji Zulkifle bin Haji Ali Al-Hafiz, Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pahang, Pengarah-Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri serta dif-dif kehormat.

KESSUMA merupakan program tahunan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Pahang. KESSUMA kali ini telah berlangsung selama 5 hari mulai 4 hingga 8 September 2023 bertempat di lapangan Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Kuantan Pahang.

Objektif program KESSUMA adalah untuk menerapkan nilai kesejahteraan dan kemauafakan serta silaturahim antara pasukan sekolah-sekolah agama dan sebagai medan melahirkan pelajar-pelajar yang cergas fizikal dan cergas minda serta meningkatkan semangat kesukaran seterusnya melahirkan jaguh-jaguh sukan yang hebat di negara kita. Di samping itu, KESSUMA juga bertujuan menyantuni dan mengiktiraf kerjasama strategik antara JAKIM sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam melaksana di peringkat Kebangsaan sebagai lanjutan pertandingan di peringkat negeri.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pahang kerana sudi menjadi tuan rumah dan penyertaan dari 12 buah negeri dengan keseluruhan kontijen melebihi 2300 orang berkampung di bumi TOK GAJAH ini dengan cerianya. Peserta KESSUMA adalah terdiri daripada pelajar-pelajar program KAFA dan Sekolah-Sekolah Menengah Agama yang bernaung di bawah Jawatankuasa Penyelaras Penyelaras Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK).

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Kuantan Pahang kerana memberi kerjasama serta membenarkan segala kemudahan digunakan untuk KESSUMA pada kali ini.

Keputusan penuh adalah seperti berikut:

Badminton Lelaki

Johan	: Terengganu
Naib Johan	: Kelantan
Ketiga	: Pahang
Ketiga	: Perak

Bola Tampar Lelaki

Johan	: Kelantan
Naib Johan	: Selangor
Ketiga	: Perak
Ketiga	: Pahang

Badminton Perempuan

Johan	: Kelantan
Naib Johan	: Selangor
Ketiga	: Negeri Sembilan
Ketiga	: Pahang

Bola Tampar Perempuan

Johan	: Terengganu
Naib Johan	: Kelantan
Ketiga	: Pahang
Ketiga	: Perak

Sepak Takraw

Johan	: Perak
Naib Johan	: Johor
Ketiga	: Pulau Pinang
Ketiga	: Kelantan

Bola Jaring

Johan	: Terengganu
Naib Johan	: Negeri Sembilan
Ketiga	: Pulau Pinang
Ketiga	: Johor

Ping Pong Lelaki

Johan	: Terengganu
Naib Johan	: Kedah
Ketiga	: Pahang
Ketiga	: Selangor

Bola Sepak

Johan	: Kelantan
Naib Johan	: Johor
Ketiga	: Pahang
Ketiga	: Perak

Ping Pong Perempuan

Johan	: Selangor
Naib Johan	: Terengganu
Ketiga	: Kelantan
Ketiga	: Pahang

Johan Keseluruhan : Terengganu Darul Iman





SEKRETARIAT MAJLIS HALAL MALAYSIA

1. Penganjuran Program Global Halal Summit 2023 (GHaS 2023)

Pada 9 hingga 11 September 2023, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia melalui Sekeretariat Majlis Halal Malaysia dan Bahagian Pengurusan Halal telah menganjurkan sebuah program bertaraf antarabangsa iaitu Global Halal Summit (GHaS) 2023 yang bertempat di Hotel Pullman, Kuala Lumpur. Program ini merupakan platform rasmi pertemuan dan perbincangan antara JAKIM dengan semua badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM telah menyampaikan ucaptama yang bertemakan "Integriti, Kelestarian dan Daya Tahan" dalam program ini. Seramai 350 peserta yang terdiri daripada wakil badan pensijilan halal luar negara, para pemain industri halal tempatan dan rakan strategik JAKIM telah melibatkan diri secara aktif pada sesi kali ini.

Majlis Perasmian Halal Convention Bodies Convention (HCBC) ke-13 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). HCBC merupakan salah satu daripada tiga acara utama yang dianjurkan oleh JAKIM bersempena GHaS 2023. Sehingga September 2023, JAKIM telah mengiktiraf 84 Badan Pensijilan Halal Luar Negara daripada 47 buah negara. Disamping menzahirkan ucapan penghargaan kepada semua peserta yang memberikan komitmen tinggi, YB Menteri di JPM (Agama) turut memfokuskan supaya semua badan pensijilan yang diiktiraf ini sentiasa mengekalkan integriti dan bertanggungjawab dalam menentukan status halal bahan mentah, produk makanan, daging dan produk berasaskan haiwan terutamanya yang akan dieksport ke Malaysia.



YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) telah merasmikan Global Halal Summit (GHaS) 2023



YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM menyampaikan ucaptama GHaS 2023



Antara peserta dari Badan Pensijilan Halal Luar Negara yang turut menyertai program ini



Ketua Pengarah JAKIM bergambar bersama peserta yang hadir

2. Mesyuarat Negara-Negara Anggota Standard and Metrology Institute For Islamic Country (SMIIC) Di Makkah Al Mukarramah, Arab Saudi

Tanggal 30 Oktober hingga 1 November 2023, Jabal Omar Hilton Makkah Al Mukarramah, Arab Saudi menjadi medan yang mempertemukan negara-negara anggota yang bernaung di bawah *Standard and Metrology Institute for Islamic Country (SMIIC)* bagi membincangkan pelbagai isu berhubung pembangunan standard untuk negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) khususnya berkaitan standard halal.

Malaysia selaku salah satu negara yang dilantik sebagai *Board of Directors* (BOD) SMIIC, kali ini telah terlibat dalam dua buah mesyuarat utama yang diadakan pada tahun ini iaitu The 26th SMIIC Board of Directors (BOD) Meetings dan The 18th SMIIC General Assembly. Malaysia terlibat secara optimum dalam menyumbang saran idea dan kepakaran dalam kedua-dua mesyuarat berkenaan.

Delegasi Malaysia diwakili oleh YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM dan diiringi oleh Encik Iszam bin Padil, Ketua Penolong Pengarah, Sekretariat Majlis Halal Malaysia. Turut hadir mewakili Negara, pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Standard Malaysia (JSM).

Penglibatan JAKIM dalam mesyuarat SMIIC yang berpengkalan di Istanbul Turkiye ini memperkuatkkan lagi kedudukan Malaysia selaku peneraju halal dunia serta memperluaskan lagi jalinan hubungan kerjasama JAKIM dalam kalangan negara-negara OIC. Program berkenaan melabuhkan tirai dengan berakhirnya 18th SMIIC General Assembly (GA) 2023 pada 1 November 2023.



Datin Paduka Ketua Pengarah JAKIM bersama ahli mesyuarat yang hadir



Datin Paduka Ketua Pengarah JAKIM bersama wakil Jabatan Standard Malaysia sewaktu sesi masyuarat



Datin Paduka Ketua Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah Sekretariat Majlis Halal Malaysia

3. International Halal Technical Capacity Development Programme (IHTCDP)

International Halal Technical Capacity Development Programme (IHTCDP) merupakan program pembangunan kapasiti badan pensijilan halal luar negara dalam pelbagai aspek. Pada tahun 2023, sebanyak empat siri IHTCDP telah dilaksanakan di Korea Selatan, Cambodia, China dan United Kingdom. IHTCDP ini turut diadakan secara dalam talian sebanyak dua siri dan melibatkan seramai lebih 100 peserta dari negara-negara asia dan eropah seperti Korea Selatan, Austria, Bosnia and Herzegovina, Perancis, Germany, Ireland, Italy, Lithuania, Netherland dan Portugal.


Program yang bermatlamatkan untuk meningkatkan kefahaman, kemahiran dan tanggungjawab pihak pengurusan tertinggi serta juruaudit badan pensijilan halal luar negara berkaitan prosedur dan integriti pensijilan halal seperti yang diamalkan di Malaysia ini telah dikendalikan pegawai kanan Sekretariat Majlis Halal Malaysia dan Bahagian Pengurusan Halal.



Para peserta IHTCDP dari negara Cambodia bergambar bersama tenaga pengajar halal dari JAKIM



Para peserta IHTCDP dari negara Cambodia



IHTCDP turut diadakan secara dalam talian (penglibatan oleh badan Islam dari negara-negara Eropah)



Program IHTCDP yang diadakan di Korea Selatan



Program IHTCDP yang diadakan di Chongqing, Republik China

4. Pengauditan Halal Di Luar Negara (Rumah Sembelihan, Loji Pemprosesan Produk Tenuus dan Badan Pensijilan Halal Luar Negara)

Sepanjang tahun 2023, JAKIM bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah melaksanakan pengauditan kepada 46 rumah sembelihan dan 28 loji pemprosesan produk tenuus di tujuh buah negara termasuklah Thailand, India, Brazil, New Zealand, Bosnia and Herzegovina, Amerika Syarikat dan Turkiye. Objektif utama pengauditan adalah memastikan produk daging yang dieksport ke pasaran Malaysia menepati hukum Syarak dan piawaian Halal Malaysia.

Seterusnya melalui penyelarasan Seksyen *International Halal Authority Board*, sebanyak 50 buah badan pensijilan halal luar negara telah diperiksa. 30 buah badan pensijilan telah diaudit secara dalam talian pada 20 hingga 30 November 2023, antaranya ialah *Muslim Professional Japan Association* (MPJA), *Taiwan Halal Integrity Development* (THIDA) dan *American Halal Foundation* (AHF). Manakala pengauditan bagi 20 badan pensijilan lagi telah dilaksanakan di lapangan yang melibatkan lapan buah negara seperti Korea Selatan, Amerika Syarikat, Brazil, Mongolia, Australia, Turkiye, Rusia dan New Zealand. Objektif utama pengauditan ialah memastikan bahawa badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf adalah komited dalam pengurusan halal dan mematuhi *Procedure for Appointment of Foreign Halal Certification Bodies*.



Misi pengauditan loji sembelihan di negara Thailand



Misi pengauditan loji sembelihan di negara Brazil



Misi pengauditan loji sembelihan di negara Turkiye



Misi pengauditan loji pemprosesan produk di negara India



Misi pengauditan loji pemprosesan produk di negara Thailand



Pengauditan melalui remote atau secara dalam talian ke atas Badan Pensijilan Halal Negara Jerman



Pengauditan melalui remote atau secara dalam talian ke atas Badan Pensijilan Halal Negara China



Pengauditan secara lapang ke atas Badan Pensijilan Halal luar Negara Russia

5. Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia

Sekretariat Majlis Halal Malaysia telah melaksanakan dua siri Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia pada tahun 2023. Siri pertama mesyuarat telah diadakan pada 27 Jun 2023 di Dewan Syura A, Kompleks Islam Putrajaya yang dipengerusikan oleh YBhg. Datin Paduka Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM. Seterusnya, siri kedua pula telah dilaksanakan pada 13 Disember 2023 di Zenith Hotel Putrajaya dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato Dr Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah Dasar JAKIM. Mesyuarat ini dihadiri oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Ketua-ketua Jabatan termasuklah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Standard Malaysia, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) KKM, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) KKM serta pakar-pakar sains dan wakil dari persatuan pengguna.

Mesyuarat ini adalah platform untuk mempertimbang serta memperakurkan perkara-perkara berkaitan standard, prosedur, garis panduan dan peraturan-peraturan berkaitan proses pensijilan halal di Malaysia. Selain itu juga, objektif ialah untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan pengurusan pensijilan halal Malaysia.



Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia Bil 1. tahun 2023 di Dewan Syura A, JAKIM, Putrajaya



Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia Bil. 1. tahun 2023 di Dewan Syura A, JAKIM, Putrajaya



Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia Bil. 2. tahun 2023 di Zenith Hotel Putrajaya



Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pensijilan Halal Malaysia Bil. 2. tahun 2023 di Zenith Hotel Putrajaya

6. BENGKEL PEMBANGUNAN SISTEM MYeHALAL 2.0

Pada tahun 2023 Sekretariat Majlis Halal Malaysia telah mengadakan beberapa siri bengkel yang bertujuan untuk membangunkan Sistem Pensijilan Halal Malaysia MYeHALAL 2.0 seperti berikut:

1. Bengkel Penyediaan *Enterprises Architecture*
2. Bengkel Khidmat Rundingan Persediaan Kajian Keperluan Bisnes
3. Bengkel Penyediaan Kajian Keperluan Bisnes
4. Bengkel Semakan Carta Fungsi dan Pengiraan Anggaran Kos
5. Bengkel Pemurniaan Hierarki Fungsi Sistem MYeHALAL
6. Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan Peruntukan *Rolling Plan*

Kesemua bengkel ini telah diadakan bermula daripada bulan Mac 2023 hingga November 2023. Beberapa siri bengkel telah dipengerusikan sendiri oleh Encik Marzuki bin Hassan, Pengarah Sekretariat Majlis Halal Malaysia dengan penglibatan pegawai-pegawai daripada semua seksyen di Bahagian Pengurusan Halal dan Sekretariat Majlis Halal Malaysia. Sebanyak 22 modul baharu telah dihasilkan dengan bimbingan teknikal oleh pihak MAMPU bagi melancarkan proses pensijilan Halal Malaysia selaras dengan saranan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia yang mengarahkan pensijilan halal diselesaikan dalam tempoh 30 hari bekerja.



Bengkel Kajian Keperluan Bisnes yang diadakan di ILIM bangi



Bengkel Semakan Carta Fungsi dan Pengiraan Anggaran Kos



Bengkel Penyediaan Enterprise Arhitecture (EA) di ILIM bersama MAMPU

BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL

CAWANGAN PENGESAHAN HALAL (SEKSYEN PROSES, AUDIT, SIJIL)


Permohonan Domestik

Bagi tempoh Januari – Oktober 2023, Cawangan Pengesahan Halal telah menerima 2601 permohonan pensijilan halal bagi permohonan domestik. Dari jumlah itu, hanya 2441 permohonan layak diproses manakala 160 permohonan tidak layak diproses dan ditolak di peringkat kaunter. Penolakan ini disebabkan tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti permohonan di bawah MAIN/ JAIN, sistem MyeHalal tidak diisi dengan betul, kesalahan pemilihan skim dan dokumen sokongan yang dilampirkan tidak lengkap.



Carta 1: Peratus Permohonan Yang Diterima di Cawangan Pengesahan Halal Bagi Tempoh Januari – November 2023.
(Sumber: Seksyen Proses, Cawangan Pengesahan Halal)

Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia 2.0 telah dilaksanakan bermula Januari 2023 dengan menambahbaik inisiatif sedia ada dan memperkenalkan 14 inisiatif baharu bagi mengatasi isu kelewatan pensijilan halal Malaysia. Melalui ISPHM 2.0 yang diperkenalkan, permohonan yang layak diproses dikelaskan kepada 4 kategori iaitu; Green Lane, Semi-critical, Critical dan High critical. Graf 1 dibawah menunjukkan jumlah permohonan yang diproses mengikut kategori.




Graf 1: Jumlah Permohonan Yang Diproses Mengikut Kategori Permohonan (Sumber: Seksyen Proses, Cawangan Pengesahan Halal)

Sehingga 30 November 2023, sebanyak 2619 pengauditan telah dilaksanakan berbanding 2148 pada tahun sebelumnya melibatkan 1477 permohonan dengan peningkatan sebanyak 18.05% dari tahun 2022. Perincian jumlah permohonan yang diaudit dan jumlah pengauditan yang dijalankan adalah seperti jadual di bawah.

Bulan	Jumlah Permohonan	Jumlah Pengauditan / Premis Yang Diaudit
Januari	156	242
Februari	119	165
Mac	132	225
April	148	353
Mei	112	203
Jun	107	156
Julai	106	137
Ogos	145	202
September	123	206
Oktober	184	461
November	145	269
JUMLAH	1477	2619

Jadual 1: Jumlah Permohonan Yang Dicatatkan dan Jumlah Premis Yang Diaudit Mengikut Bulan. (Sumber: Seksyen Audit, Cawangan Pengesahan Halal)

Daripada 2619 pengauditan dijalankan, sebanyak 2340 (89.7%) pengauditan dijalankan secara fizikal di lapangan dan 269 (10.3%) pengauditan dijalankan secara audit jauh / remote.



Graf 2: Perbandingan Jumlah Audit Secara Fizikal dan Audit Jauh/ Remote (Sumber: Seksyen Audit, Cawangan Pengesahan Halal)


Bagi tahun 2023, sebanyak 32 kali Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia (MPPHM) dan Mesyuarat Khas Panel Pengesahan Halal Malaysia (MKPPHM) telah diadakan. Melalui mesyuarat tersebut sebanyak 2902 permohonan telah diluluskan dan 54 permohonan ditupsukan tidak berjaya.



Graf 3: Perincian Jumlah Permohonan Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Panel Pengesahan Halal Malaysia (MPPHM) & Mesyuarat Khas Panel Pengesahan Halal Malaysia (MKPPHM) (Sumber: Seksyen Sijil, Cawangan Pengesahan Halal)


BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL

Bagi cetakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), sebanyak 21954 keping SPHM telah dicetak bagi permohonan domestik yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Berwibawa (JAKIM dan MAIN/ JAIN). Selain itu, 92 keping SPHM telah dicetak bagi permohonan pengilangan luar negara.




Graf 4: Perincian Jumlah Cetakan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) Berdasarkan Pihak Berkuasa Berwibawa (JAKIM & MAIN/ JAIN)
(Sumber: Seksyen Sijil, Cawangan Pengesahan Halal)

Bagi permohonan cetakan semula SPMH, sebanyak 214 permohonan telah diterima dengan 619 keping SPMH telah dicetak.



Graf 5: Perincian Permohonan Cetakan Semula Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) Bagi Tahun 2023
(Sumber: Seksyen Sijil, Cawangan Pengesahan Halal)


Bagi permohonan pasca pensijilan yang lain, sebanyak 1559 permohonan telah diterima dan diproses mengikut perincian seperti Carta 2.



Carta 2: Perincian Permohonan Pasca Pensijilan Selain Permohonan Cetakan Semula SPMH Bagi Tahun 2023.
(Sumber: Seksyen Sijil, Cawangan Pengesahan Halal)

Penghantaran Sampel Untuk Analisis

Bagi tahun 2023, sebanyak 16 sampel telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisis. 16 sampel tersebut merupakan sampel berus bulu yang diambil semasa pengauditan lapangan dijalankan kerana terdapat keraguan berkenaan sumber bulu yang digunakan dalam penghasilan berus. Dari 16 sampel yang dianalisis, 5 (31%) sampel didapati positif diperbuat daripada bulu haiwan yang mempunyai ciri-ciri fizikal bulu khinzir.



Graf 7: Bilangan Sampel Yang Dihantar Ke Jabatan Kimia Malaysial (Sumber: Seksyen Audit, Cawangan Pengesahan Halal)

Permohonan Pengilangan Luar Negara

Sehingga Oktober 2023, sebanyak 56 permohonan pengilangan luar negara telah diterima dan 46 (82.1%) permohonan berjaya disemak dalam tempoh 14 hari bekerja. Manakala 10 (17.9%) permohonan tidak berjaya diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Bagi penjadualan pengauditan luar negara, 32 penjadualan telah dirancang dan dilaksanakan melibatkan pelbagai negara iaitu Thailand, Indonesia, Taiwan, Filipina, Vietnam, China, Korea dan Singapura. 85% daripada permohonan dapat dijadualkan dalam tempoh 45 hari bekerja dari tarikh pembayaran. Manakala 15% tidak dapat mencapai tempoh yang ditetapkan berikutan penangguhan permohonan ezAPPLY pada setiap hujung tahun.

PUSAT ANALISIS HALAL MALAYSIA (MYHAC)

Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)

Pusat Analisis Halal Malaysia telah berjaya menambah skop asid nukleik di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) daripada Jabatan Standard Malaysia berdasarkan keperluan MS ISO/IEC 17025:2017: *General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories* bagi pada 3 Januari 2023. Sehingga kini, seramai sembilan (9) orang juruanalisis telah berdaftar di bawah Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Akta Ahli Kimia 1975.



Sijil akreditasi Pusat Analisis Halal Malaysia bagi skop kimia dan asid nukleik

Di antara aktiviti yang dijalankan di Pusat Analisis Halal Malaysia bagi kesinambungan keperluan MS ISO/IEC 17025:2017 adalah dengan mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan pada 9 Februari 2023. Manakala Surveillance Audit telah dilaksanakan oleh Jabatan Standard Malaysia pada 13 Februari 2023.



Mesyuarat pembukaan bagi Surveillance Audit bersama wakil daripada Jabatan Standard Malaysia

Ujian Kecekapan

Pusat Analisis Halal Malaysia turut menyertai program *Interlab Comparison* (ILC) dan Ujian Kecekapan / *Proficiency Testing* (PT) anjuran agensi tempatan dan antarabangsa bagi tujuan pemantauan keputusan ujian analisis secara berkala.

No.	Program	Bidang	Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Anjuran
1	Identification of Animals in Leather and Leather Products	Chemical Testing (leather)	7 Februari	11 Mei	Jabatan Kimia Malaysia
2	Identification of Animal Hair and Bristles	Chemical Testing (hair)	7 Februari	11 Mei	
3	Detection of Porcine in Cosmetic Cream	Nucleic acid	31 Julai	30 Ogos	


Jadual 1: Penyertaan program Ujian Kecekapan (*Interlab Comparison*)

No.	Program	Bidang	Tarikh Mula	Tarikh Akhir	Anjuran
1	FODNA 2-23 Meat Authenticity in Beef	Nucleic acid	11 April	18 Mei	Jabatan Kimia Malaysia
2	FAPAS 3118 Beef Halal Compliance		18 April	2 Jun	
3	GeMMU108 GM Soya Flour		12 Mei	6 Julai	
4	FAPAS 29109 Vegan Compliance Check	Nucleic acid	22 Jun	10 Ogos	Food Analysis Performance Scheme (FAPAS), United Kingdom
5	Halal Test 1-23 Identification of Pig Leather in Product	Chemical Testing (leather)	24 Julai	23 Ogos	
6	KATEST 1-23 Alcohol Content in Alcoholic Beverages	Chemical Testing (Alcohol)	24 Julai	23 Ogos	
7	FAPAS 3119 Alcohol in Beverage Halal Compliance		22 Ogos	4 Oktober	Food Analysis Performance Assessment Scheme (FAPAS), United Kingdom
8	HALALTEST 3-23 Detection of Pork in Beef	Nucleic acid	28 Ogos	27 September	Jabatan Kimia Malaysia


Jadual 2: Penyertaan program Ujian Kecekapan (*Proficiency Testing*)

Penerimaan Sampel

Sehingga 30 November 2023, sebanyak 270 sampel telah diterima daripada Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri, Program Ujian Kemahiran dan kajian dalam daripada Pusat Analisis Halal Malaysia. Sehingga tahun 2022, kaedah analisis yang ditawarkan adalah bagi skop alkohol dan pengspesian daging sahaja. Penambahan keupayaan bagi penerimaan sampel kulit, bulu dan Genetically Modified Organism (GMO) mula ditawarkan pada tahun semasa.



Graf 1: Bilangan sampel yang diterima daripada BPH, JAIN, program ujian kemahiran dan kajian MyHAC



Carta 1: Pecahan sampel yang diterima mengikut parameter

Latihan dan Kursus

Pegawai teknikal turut menyertai latihan dalaman dan kursus anjuran luar bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan penganalisaan halal di makmal.

Bil.	Nama Latihan
1	Training For Gelatin Analysis Using 6500 QTrap LCMS-MS
2	Latihan Peralatan Micropipette dan Thermomixer
3	Latihan Pengujian Peralatan Baharu (Deep Freezer, Cabinet Dessicator dan Dry Block Heater)
4	Safe Handling of Gas Cylinder and Cryogenic Liquid
5	Ujian Kebocoran Sistem Tubing Gas Makmal
6	Latihan Pembangunan Kaedah Bagi Penentuan Sumber Haiwan Dalam Produk Berasaskan Gelatin Dan Kolagen Dengan Menggunakan Peralatan Liquid Chromatography Mass Spectrometry (LC-MS/MS)
7	Kursus Kaedah Validasi
8	Seminar Determination of Specificity in PCR and Real Time PCR
9	Kursus Tatacara Pengurusan Sampel, Dokumen dan Penilaian Risiko
10	Kursus Method Development, Method Validation and Method Verification in GMO Analysis

Jadual 3: Latihan teknikal yang dihadiri oleh pegawai teknikal di Pusat Analisis Halal Malaysia

CAWANGAN PEMANTAUAN & PENGUATKUASAAN

STATISTIK PEMANTAUAN TERHADAP PEMEGANG SPHM SELURUH MALAYSIA 2023

PENILAIAN	JAKIM	PERLIS	KEDAH	P. PINANG	PERAK	SELANGOR	N.SEMBILAN	MELAKA	JOHOR	PAHANG	TERENGGANU	KELANTAN	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
MEMATUHI	513	33	0	118	25	874	354	62	200	135	88	27	22	299	2750
KESALAHAN SERIUS / TARIK	8	0	0	4	5	26	2	9	1	2	3	0	1	3	64
KESALAHAN BESAR / GANTUNG	150	0	0	70	5	24	2	4	33	19	17	6	0	84	414
KESALAHAN KECIL / NCR	515	9	0	66	79	379	17	122	45	91	41	19	3	61	1447
LAIN-LAIN	78	17	0	7	7	69	1	12	33	36	27	24	6	55	372
JUMLAH	1264	59	0	265	121	1372	376	209	312	283	176	76	32	502	5047

STATISTIK PEMANTAUAN TERHADAP PEMEGANG SPHM SELURUH MALAYSIA TAHUN 2022 DAN 2023

	2022	2023
MEMATUHI	2470	2750
KESALAHAN KECIL	1291	1447
KESALAHAN BESAR (GANTUNG)	537	414
KESALAHAN SERIUS (TARIK)	36	64
LAIN-LAIN (BATAL DLL)	251	372

STATISTIK PEMATUHAN PEMEGANG SPHM 2023

98%

2%

4528
MEMATUHI
 (SYARIKAT YANG MEMATUHI, NCR
 KECIL & BESAR DITUTUP)

90
SPHM DITARIK
 (TARIK DAN UPGRADE
 GANTUNG)

CAWANGAN KUALITI**Seksyen Perhubungan Domestik****ROUND TABLE DISCUSSION (RTD) JAKIM - MAIN/JAIN**

Penyeragaman dan penyelarasan pensijilan halal Malaysia antara JAKIM - MAIN/JAIN terus diperkasa melalui pengajuran Persidangan Meja Bulat (RTD) JAKIM - MAIN/JAIN yang diadakan pada 22 hingga 24 Mei 2023 di Hotel Avillion Admiral Cove Port Dickson Negeri Sembilan. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM.

Pengajuran persidangan meja bulat JAKIM-MAIN/JAIN kali ini merupakan medium perkongsian maklumat dan pengalaman di antara JAKIM dan MAIN/JAIN berkaitan pengoperasian Pensijilan Halal Malaysia yang diamalkan di setiap Jabatan bagi memastikan segala tindakan serta keputusan yang diambil adalah selaras dengan kehendak dasar Pensijilan Halal Malaysia.



Sesi bergambar usai Majlis Perasmian RTD JAKIM – MAIN/JAIN

MESYUARAT TASK FORCE MEMPERCEPATKAN PROSES PENSIJILAN HALAL MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Halal telah menganjurkan Mesyuarat Task Force Mempercepatkan Proses Pensijilan Halal Malaysia pada 18 hingga 20 September 2023 bertempat di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu, Terengganu dengan melibatkan 14 Pihak Berkuasa Berwibawa Halal Malaysia dan diwakili seramai 53 orang pegawai dari JAKIM, Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN). Inisiatif tersebut digerakkan sebagai mendokong usaha untuk menambahbaik proses pengurusan SPHM sekaligus menangani isu kelewatan permohonan pensijilan halal Malaysia.

Mesyuarat ini merupakan salah satu langkah efektif dan proaktif yang telah diambil oleh JAKIM bagi menambahbaik agenda pemerkasaan pengurusan SPHM dengan mempercepatkan proses pengurusan permohonan pensijilan halal dalam semua peringkat di negeri-negeri demi memastikan Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia 2.0 yang diperkenalkan JAKIM berupaya untuk diimplementasikan oleh MAIN/JAIN.



Pengarah BPH bersama wakil MAIN/JAIN yang terlibat dalam pengurusan pensijilan halal Malaysia

Seksyen Pematuhan Syariah

ROUND TABLE DISCUSSION (RTD) BERSAMA PAKAR-PAKAR SYARIAH (HALAL)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pengurusan Halal buat julung-julung kalinya telah menganjurkan Round Table Discussion (RTD) Bersama Pakar-Pakar Syariah (Halal) pada 6 November 2023 di The Everly Hotel, Putrajaya.

RTD ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Mohamad Zamri bin Mohamed Shapik, Pengarah, Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM dan dihadiri oleh pensyarah-pensyarah daripada UM, UIAM, UiTM, UCMI, USIM, UPM serta pegawai-pegawai Bahagian Penyelidikan JAKIM, Sekretariat Majlis Halal Malaysia (SMHM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP).



Sesi bergambar usai Majlis Perasmian RTD Pakar Syariah Halal

SEKSYEN ADVOKASI**PROGRAM HALAL ON TRACK (HOT) BERSAMA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**

Bahagian Pengurusan Halal melalui Seksyen Advokasi telah menganjurkan Program *Halal On Track* yang telah diadakan pada 9 Oktober 2023 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang merupakan hasil cetusan serta inisiatif terus dari Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri sendiri. Seramai 2000 orang peserta telah hadir pada program HOT ini yang mana penganjuran program ini merupakan langkah yang amat penting dalam usaha membantu pemain industri khususnya di kalangan usahawan untuk mematuhi Manual serta Standard berkaitan produk dan perkhidmatan halal.

Kaunter fasilitasi industri juga disediakan dimana usahawan dan bakal pemohon boleh datang untuk mendapatkan bimbingan secara terus daripada para pegawai Bahagian Pengurusan Halal JAKIM berkaitan permohonan pensijilan halal Malaysia.



YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamdi menyampaikan ucapan perasmian program



YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Mokhtar menyampaikan ucapan alu-aluan program

Bil.	Perkara	Jumlah
1	Lawatan Sekolah/Kolej/Universiti/Persatuan/Agensi	9
2	Kunjung Hormat	23
3	Video Halal	41
4	Berita Halal	85
5	Hebahan Berkaitan Halal	20
6	Penerbitan Studio Halal	5
7	Poster Isu Halal Tular	17
8	Kenyataan Media Berkaitan Halal	9



Kunjungan hormat daripada Bank Islam ke BPH JAKIM



Rakaman Studio Halal



Lawatan daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

CATATAN



INSTITUSI MASJID

MASJID NEGARA

1. PROGRAM JALINAN MESRA SAJI @MASJID NEGARA

Program Jalinan Mesra Saji telah berlangsung pada 02 Mac 2023 di Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara. Program ini adalah anjuran Masjid Negara dengan kerjasama FGV Holding Berhad. Seramai 200 orang penerima sekitar Lembah Klang telah disantuni pada program kali ini.

Turut hadir dalam program hari ini adalah YBhg. Dato' Dzulkifli bin Abd Wahab Pengurus FGV, YBhg. Dato' Haji Mohd Ajib bin Ismail Pengarah JAWI, YBrs. Tuan Haji Ehsan Mohd Hosni Imam Besar Masjid Negara, YBhg. Dato' Mohd Nazrul Izam Mansor Group CEO FGV dan Encik Mohammad Hassan Timbalan CEO PPZ MAIWP.

Sejumlah RM500,000.00 diperuntukkan untuk program ini melibatkan 8 buah masjid JAWI, Maahad Tahfiz al Madani dan Masjid Negara.



2. PROGRAM KASIH RAMADAN 1444H/2023M

Program Kasih Ramadan telah berlangsung pada 08 April 2023 di Masjid Negara. Program ini adalah anjuran KPJ Healthcare dengan kerjasama Masjid Negara.

Penganjuran program ini adalah melibatkan ‘Program Bubur Lambuk Mega’ yang telah disempurnakan oleh YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital. Sebanyak 15,000 bungkus bubur lambuk yang telah diagihkan disekitar kawasan lembah Klang yang terpilih.

Turut berlangsung ‘Program Majlis Khatam Al-Quran, Penyampaian Bantuan Aidilfitri 1444H/2023M di Dewan Solat Utama, Masjid Negara. Sebagai makluman tambahan, penyerahan sumbangan ini telah melibatkan seramai 700 orang penerima yang terpilih.



3. PROGRAM RAKAN MASJID DAN HOSPITAL (RAMAH) DI HOSPITAL SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

Program Rakan Masjid Dan Hospital (RAMAH) bersama warga Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang telah berlangsung pada 16 Jun 2023. Program ini telah disambut baik oleh Pengarah HSJ, YBrs. Dr. Saiful Azlan bin Haji Sharif bersama Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Dakwah, JHEAIPP Ustazah Azmah binti Abdullah. Dalam program ini, sebanyak 200 godies telah diagihkan kepada warga hospital tersebut.

Lawatan Ziarah Mahabbah ini adalah bertujuan untuk menyantuni pesakit dengan lebih dekat serta dapat menghulurkan bantuan. Sumbangan ini telah disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni, Imam Besar Masjid Negara dan turut hadir bersama Ustaz Mohd Nadzri bin Mustakim, Penolong Pengarah Kanan, Unit Sosial dan Komuniti Masjid Negara.



4. KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI LAWATAN DARI PEJABAT KERAJAAN NEW ZEALAND

Masjid Negara telah menerima kunjungan hormat delegasi lawatan dari Pejabat Kerajaan New Zealand dibawah kelolaan Pejabat Kedutaan New Zealand di Malaysia pada 03 Oktober 2023. Lawatan ini telah disambut oleh Encik Mohd Haikal bin Abdull Raffor, Ketua Seksyen Pengurusan, Masjid Negara bagi mewakili Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni. Delegasi lawatan ini telah disertai oleh Dr. Richard Davies, suami kepada Gabenor General New Zealand, Dame Cindy Kiro bersama dengan beberapa Pegawai Perlindungan Diplomatik New Zealand. Satu sesi taklimat telah disampaikan oleh wakil dari Islamic Outreach ABIM Center (IOAC) berkaitan adat, budaya serta agama di Malaysia dan sejarah Masjid Negara.



5. PROGRAM BENGKEL TEKNIK MENJAWAB SOALAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2023

Program Bengkel Teknik Menjawab Soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023 telah berlangsung pada 21 November 2023 di Dewan Syarahan Utama, Masjid Negara. Seramai 110 orang pelajar daripada 31 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) disekitar lembah Klang bersama 31 orang guru pengiring telah menyertai program ini.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Imam Besar Masjid Negara, Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni. Turut hadir bersama YBrs. Dr. Hajah Zalina binti Mohd Tahir, Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Program ini adalah bertujuan untuk membantu calon-calon SPM yang akan menduduki peperiksaan ini agar dapat mengetahui teknik-teknik menjawab dengan betul dan tepat.



MASJID PUTRA

PROGRAM IHYA' RAMADHAN

28 Mac 2023, Masjid Putra, Putrajaya

Program disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tazkirah disampaikan oleh Sahibus Samahah Datuk Prof Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan



MAJLIS QIAMULLAIL PERDANA

15 April 2023, Masjid Putra, Putrajaya

Program disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Turut dihadiri oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)



MAJLIS ILMU MADANI**26 Mei 2023, Masjid Putra, Putrajaya**

Program disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Turut dihadiri oleh Syeikh Habib Umar Hafidz dan Syeikh Prof. Dr. Ali Jumu'ah

**SOLAT SUNAT EIDUL ADHA****29 Jun 2023, Masjid Putra, Putrajaya**

Program disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia



SEMINAR PENGHAYATAN SAHIH AL-BUKHARI DAN PELUNCURAN MAJLIS HADIS SAHIH AL-BUKHARI

22 Julai 2023, Masjid Putra, Putrajaya

Program disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia

Dihadiri oleh

- YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama),
- Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan
- Al-Allamah Sheikh Abu Bakar Ahmad Al-Malibari, Mufti Besar India
- Al-Allamah Sheikh Dr. Usamah Sayyid Al-Azhari, Penasihat Agama President Republik Mesir



FORUM AMBANG MERDEKA

30 Ogos 2023, Masjid Putra, Putrajaya

Program disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama),





PERSIDANGAN SERANTAU KEKELUARGAAN ISLAM

21 September 2023, Masjid Putra, Putrajaya

Program disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dihadiri oleh YBHG. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff



ZIKIR PERDANA SEDUNIA

14 Oktober 2023, Masjid Putra, Putrajaya

Program disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri



MASJID TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

1. PROGRAM IHYA' RAMADAN



Program Ihya' Ramadan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) bagi tahun 2023 dengan tema "Setulus Ikhlas". Program yang mensasarkan 100,000 orang jemaah telah berjaya menarik ramai orang baik dari dalam dan luar negara bagi mengimarahkan MTMZA sepanjang 'madrasah' Ramadan tahun ini. Pihak MTMZA juga membawakan jemputan khas imam solat tarawih Ramadan 1444H kali ini

2. PROGRAM ZIARAH MAHABBAH MTMZA 2023



22-23 Julai 2023: Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) telah melaksanakan Program Ziarah Mahabbah MTMZA 2023 ke Masjid Ar-Rahmaniah, Felda Lasah, Sungai Siput (U), Perak. Program tahunan yang dilaksanakan oleh MTMZA ini merupakan sebuah program kemasyarakatan yang mengetengahkan konsep 'turun padang' sebagai salah sebuah Masjid Utama Negara ke kawasan luar bandar.

Antara objektif penganjuran Program Ziarah Mahabbah MTMZA 2023 ini ialah merapatkan ukhuwah dan mengeratkan hubungan silaturrahim diantara kakitangan masjid dengan penduduk setempat selain mempelbagaikan aktiviti serta memperluaskan fungsi masjid. Program ini telah berlangsung selama 2 hari 1 malam bermula 22 hingga 23 Julai 2023

dengan menampilkan para Imam Antarabangsa antaranya Syeikh El Mongy, Syeikh Ramy Al Badawi, Dr. Samer, Dr. Salah dan Ustaz Asem Othman. Antara program lain yang berjaya dilaksanakan selain Solat Sunat Tarawih sepanjang bulan Ramadan kali ini seperti Tadarus Al-Quran, Majlis Berbuka Puasa, Majlis Khatam Al-Quran dan lain-lain lagi.

dengan kerjasama Masjid Ar-Rahmaniah, Felda Lasah dan pihak Pengurusan Felda Lasah. Seramai 23 orang kakitangan MTMZA yang dikenal pasti oleh Tuan Haji Nor Azamir Bin Haji Alias selaku Imam Besar telah menyertai Program Ziarah Mahabbah MTMZA 2023 pada kali ini.

Antara pengisian program yang telah berlangsung seperti pertandingan mewarna, acara sukaneka yang melibatkan semua peringkat umur, Ceramah Khas Sempena Maal Hijrah yang disampaikan oleh Imam Besar MTMZA, Majlis Makan Malam 'Kenduri Sekampung' dan penyampaian sumbangan kepada asnaf Felda Lasah dan Masjid Ar-Rahmaniah serta lain-lain lagi.


3) PROGRAM SANTAI-SANTAI KELUARGAKU MTMZA 2023



Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) telah berjaya menganjurkan program baharu iaitu "Santai-Santai Keluargaku" sebanyak 3 kali iaitu pada 26 Ogos 2023, 30 September 2023 dan 11 November 2023. Para jemaah yang hadir telah disajikan dengan Sembang Santai yang bertajuk "Keluarga Bahagia" seusai Solat Maghrib di Dewan Solat Utama yang telah disampaikan oleh para penceramah yang terkenal seperti Ustaz Mohamed Khairul Anuar bin Mohd

Basri, Tuan Haji Hushim dan Prof. Madya Dr. Mohd Nor bin Mamat juga persembahan qasidah serta nasyid oleh Kumpulan Ahbabul Mustafa seusai Solat Isyak di ruang Sahn A. Selain itu, gerai jualan makanan dan minuman akan dibuka dengan harga serendah RM1 sahaja atau bayaran seikhlas hati untuk setiap juadah yang disediakan. Sambutan yang diterima sangatlah baik dengan kehadiran hampir 2 ribu orang pada setiap siri yang dianjurkan.

4) PROGRAM MALAYSIA #QURAN HOUR 2023



Sebuah program kerjasama antara Yayasan Ummah Ikhlas bersama MTMZA. Sinergi yang begitu jitu ini telah berjaya diadakan pada tarikh 30 Ogos 2023 (Khamis) dan menarik ramai kehadiran hampir 3,000 orang. Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2023, program mengajak semua mendoakan rakyat negara ini menjadi insan yang terbaik dan berkualiti

untuk membina keluarga, organisasi, masyarakat dan Negara Berbudi dan Penyayang. Program Malaysia #QuranHour merupakan program berinteraksi al-Quran melalui Surah Al-Insan, Al-'Asr dan Al-Fatiha untuk mencapai misi iaitu "Malaysia Berakhlik Mulia: Pemuda Merdeka, Pemimpin Abrar."

5) MUSLIMAH PUTRAJAYA BERSELAWAT 2023



24 September 2023 | Ahad: Suasana Majlis Muslimah Putrajaya Berselawat yang dianjurkan oleh One World Muslimah (OWM), Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPI) dengan kerjasama Masjid Tuanku Mizan

Zainal Abidin (MTMZA), Geng Surau Putrajaya (GSP) dan Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ). Suatu perkongsian yang menarik telah disampaikan oleh para panel jemputan.

6) KARNIVAL MAULIDUR RASUL 1445H/ 2023M



Putrajaya - 28 September (Khamis): Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi atas keizinan-Nya, pihak MTMZA dengan sinergi yang jitu bersama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan MyfundAction telah berjaya mengadakan Program Karnival Maulidur Rasul 1445H.

Program yang julung kali diadakan ini mendapat sambutan yang sangat baik dengan penyertaan pertandingan yang dianjurkan.

Keistimewaan Rasulullah yang telah disampaikan oleh AF Us. Hafiz Za'afarani. Kemuncak program adalah Ceramah Perdana yang menampilkan AF Tuan Guru Syeikh Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki juga menerima sambutan yang sangat memberangsangkan dari para pengunjung yang hadir. Semoga program ini dapat meningkatkan kecintaan kepada Rasulullah SAW. serta menyemarakkan lagi semangat untuk mengamalkan segala sunnah juga teladan Rasulullah dan para sahabat Baginda. Insya-Allah.

7) PROGRAM IT'AM@MTMZA 2023



Program It'am merupakan sebuah program sumbangan makanan dan Juadah Zohor secara percuma (hidangan buffet) disediakan di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya sepanjang bulan Februari 2023 hingga November 2023 pada setiap hari Rabu selepas Solat Fardu Zohor secara berjemaah, rahmat bagi tetamu Allah SWT.

8) ISLAMIC CULTURAL ODSSEYS: A DAY OF UNDERSTANDING & EXCHANGES



16 September 2023 (Sabtu) – Persatuan Kebajikan Mohd Chan, Restoran Mohd Chan, Da' wah Master Class dengan kerjasama erat Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya telah menganjurkan Islamic Cultural Odysseys: A Day Of Understanding & Exchanges. Antara objektif penganjuran adalah untuk menonjolkan keindahan Islam dan dalam masa yang sama menerapkan nilai-nilai santun kepada para pelancong yang datang ke masjid. Antara pengisianya adalah

keindahan berhijab, soal jawab agama dan aktiviti jelajah masjid. Sekalung penghargaan kepada Datuk Mohd Chan atas sokongan kepada pihak Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang tidak putus mengadakan program kebajikan dan dakwah di masjid ini. Semoga program bersempena Hari Malaysia ini akan dapat memberi manfaat kepada masyarakat khususnya para pelancong luar dan dalam negara yang hadir ke masjid ini.

9) PROGRAM HALAQAH SANTAI [HASAN] 2023





Pihak MTMZA dengan jayanya telah berjaya mengadakan Program Halaqah Santai (HASAN) sebanyak 2 kali iaitu pada 19 Mei 2023 dan 22 September dengan penuh kemeriahian juga pengisian yang mendidik jiwa serta berjaya mencuit hati pengunjung-pengunjung yang hadir di Foodtruck Hotspot P2 Putrajaya.

Istimewanya, program HASAN ini menampilkan Shahril Samat, Bazli UNIC sebagai panel bagi siri pertama dan juga

PU Rahmat Ikhsan sebagai panel bagi siri ke-2. Selain itu, antara tarikan program ini juga, MTMZA telah berkolaborasi bersama peniaga-peniaga Foodtruck Hotspot P2 bagi menyediakan juadah-juadah makanan percuma untuk dinikmati oleh para pengunjung sambil mendengar celoteh dan pengisian yang memberi manfaat kepada jiwa. Semoga program ini bermanfaat dengan pengisian yang disediakan dalam usaha MTMZA menyantuni segenap masyarakat khususnya di Putrajaya mudah-mudahan. Insya-Allah.

10) PROGRAM MUSAHAMAH MTMZA 2023



Program Musahamah Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA), Putrajaya telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah 8 siri kesemuanya bagi sepanjang tahun 2023. Pelbagai tempat dan organisasi telah dipilih bagi kerjasama serta sebagai lokasi bagi melaksanakan program ini. Program Musahamah MTMZA ini telah mensasarkan seramai 500 orang penerima di seluruh Semenanjung Malaysia. Semoga sumbangan barang keperluan asas dan wang tunai ini akan dapat memberi manfaat kepada semua penerima yang terdiri daripada asnaf fakir/miskin. MTMZA amat berbesar hati di atas sumbangan semua pihak khususnya para penyumbang dalam menjayakan program Musahamah pada kali ini.



11) BANTUAN ASNAF SAYYIDUL AYYAM (SUMBANGAN BMMB) 2023



Program Bantuan Asnaf Sempena Sayyidul Ayyam ini melibatkan 44 orang penerima, yang mana seramai 12 orang setiap bulan berturut bermula Ogos – November. Bantuan asnaf ini merupakan sumbangan dari Bank Muamalat Malaysia Berhad. Semoga sedikit bantuan yang tidak seberapa ini dapat membantu juga kelangsungan hidup mereka.

12) DAKWAH BIL ARRIADAH MTMZA

Pihak MTMZA telah berjaya menganjurkan beberapa siri kejohanan sukan melibatkan surau-surau sekitar Putrajaya dengan harapan dapat meningkatkan lagi silaturrahim dan jaringan yang utuh dalam mengatur serta merancakkan lagi dakwah bil hal kepada semua lapisan masyarakat. Program yang berbentuk rekreasi dan sukan ini merupakan antara

acara yang ditunggu-tunggu setiap tahun serta mendapat sambutan yang sangat baik. Antara kejohanan yang berjaya seperti Kejohanan Bowling Mahabbah Berpasukan Muslimah Surau-Surau Putrajaya 2023, Kejohanan Bowling Muslimin Surau-Surau Putrajaya 2023 dan Kejohanan Pingpong Berpasukan Surau-Surau Putrajaya 2023.



Antara gambar suasana Kejohanan Bowling Mahabbah Berpasukan Muslimah Surau-Surau Putrajaya 2023



Antara gambar suasana Kejohanan Bowling Muslimin Surau-Surau Putrajaya 2023



Antara gambar suasana Kejohanan Pingpong Berpasukan Surau-Surau Putrajaya 2023.

13) PROGRAM KEM BELIA ANTARABANGSA 2023



15 September 2023 (Jumaat) – Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya dengan kerjasama MyfundAction menganjurkan program khas Kem Belia Antarabangsa 2023 yang menjadikan negeri Johor di Universiti Teknologi Malaysia sebagai lokasi program menghimpunkan 200 orang belia dengan tujuan membina semangat anak muda mendepani masa depan. Pelbagai pengisian telah dilaksanakan seperti Sidang Meja Bulat Belia Masjid, Team Building, Explorace dan sebagainya.

Sebagai simbolik, Ustaz Haji Nor Azamir bin Haji Alias, Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin telah sudi membuat

gimik pelepasan peserta yang menaiki sebuah bas menuju ke Johor Bahru.

MTMZA turut menyampaikan sumbangan kotak barang musahamah untuk disampaikan kepada mereka yang memerlukan semasa program ziarah komuniti di sana.

Semoga program ini akan dapat memberi manfaat kepada para belia khususnya dalam pembangunan jati diri dan turut menjadikan masjid sebagai platform bagi program-program pembangunan belia.

DARUL QURAN

SUKFAZ 23 MELABUHKAN TIRAI

Program Sukan Huffaz 2023 (SUKFAZ 23) telah menutup tirainya bagi tahun 2023 dengan perasmian penutup yang disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Program yang berlangsung selama seminggu ini telah disertai seramai 751 orang

pelajar yang mengambil bahagian sukan indoor dan outdoor mengikut semester pengajian masing-masing. Program ini dianjurkan oleh Lajnah Riadah dan Rekreasi (PERKEMAT DQ) dengan kerjasama Cawangan Hal Ehwal Pelajar.



INTERNATIONAL CONFERENCE ON PROFESSIONAL HUFFAZ 2023 BAHAS ISU-ISU SEMASA PENDIDIKAN TAHFIZ

Bertemakan "Sustainability of Professional Huffaz Towards IR 5.0" atau "Kelestarian Huffaz Profesional Dalam Mendepani Revolusi Industri 5.0", Darul Quran JAKIM bersama-sama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah berjaya menganjurkan International Conference on Professional Huffaz (InFAZ) 2023. Persidangan yang diadakan di Dewan Seri Sarjana UNITEN ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Turut hadir dalam majlis perasmian konvensyen ini ialah Naib Canselor UNITEN, Prof. Ir. Dr. Noor Azuan bin Abu Osman dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM. Dalam majlis ini, Muhammad Zulfadhl bin Shahirah yang kini bertugas sebagai Jurutera Jualan Perunding di Acson Malaysia Sales & Services Sdn. Bhd. turut dinobatkan sebagai Ikon Huffaz Profesional.

Konvensyen ini dimulakan dengan forum berkaitan "Kelestarian Huffaz Profesional Dalam Mendepani Revolusi Industri 5.0" yang dikupas oleh panel daripada kalangan profesional serta teknokrat, pembuat dasar dan institusi pengajian tinggi yang mengendalikan pendidikan tafzil profesional. Disusuli oleh ucaptama bertajuk "Mengemudi Masa Depan Pendidikan Tafzil: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa". Seterusnya agenda petang iaitu sesi perkongsian berkaitan "Perkembangan Pendidikan Huffaz Profesional di Nusantara yang membincangkan berkaitan pendidikan tafzil oleh panel yang mewakili Malaysia, Brunei serta Indonesia.



KUNJUNGAN HORMAT NAIB CANSELOR USIM KE DQ

Darul Quran telah menerima kunjungan hormat dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diketuai Naib Canselor, Prof. Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani. Turut serta dalam delegasi USIM ini ialah Prof. Dr. Mohd Radhi Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta pengurusan tertinggi Fakulti Pengajian Quran & Sunnah USIM.

Antara tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan kerjasama strategik dalam meneruskan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM yang dikendalikan

oleh Darul Quran. Selain itu, tujuan kunjungan ini juga adalah untuk menyelaraskan gerak kerja ke arah pematuhan Garis Panduan Program Kerjasama Secara Francais Universiti Awam dengan Institusi Pendidikan Tinggi Dalam dan Luar Negara (edisi 2021).

Turut menyantuni delegasi pelawat Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said, Pengarah Darul Quran serta pengurusan tertinggi Darul Quran. Pertemuan ini diakhiri dengan sesi pertukaran cenderamata dan sesi bergambar.



224 PELAJAR DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM HAFAZAN PROGRAM DIPLOMA

Seramai 224 orang pelajar Semester Enam Program Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat telah menerima Sijil Khatam Hafazan dalam Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Program Diploma Darul Quran Sesi 2020-2023. Majlis Khatam Hafazan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said yang mewakili Ketua Pengarah JAKIM. Beliau yang dalam ucapan perasmianya telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Darul Quran kerana berjaya mengekalkan tradisi

dengan penganjuran majlis khatam ini. Majlis yang berasaskan ini diadakan sebagai pengiktirafan Darul Quran kepada para pelajar yang telah bertungkus lumus mangkhatakan hafazan 30 juzuk. Beliau juga merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pelajar-pelajar yang menyertai Program Syahadah Hafazan Al-Quran kerana telah berjaya mengkhatakan hafazan al-Quran hanya dalam tempoh tiga hari.



DARUL QURAN JAKIM, USIM METERAI MOA PROGRAM IJAZAH SECARA FRANCAIS

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Darul Quran menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi mengadakan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran & Sunnah Dengan Kepujian secara francais. Majlis yang diadakan di Kompleks Islam Putrajaya ini telah disempurnakan perasmianya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Naim bin Haji Mokhtar.

Dokumen MoA ini telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff di hadapan Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim. Sementara di pihak USIM, dokumen ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Ts.

Dr. Sharifudin bin Md Shaarani di hadapan Dekan Fakulti Pengajian Quran & Sunnah, Prof. Madya Dr. Mohd Zuhdi bin Mohd Amin. Sesi tandatangan ini turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Melalui kerjasama yang dijalankan, pelajar-pelajar program ini akan belajar di kampus Darul Quran selama tiga tahun dengan proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan oleh Darul Quran sementara penganugerahan ijazah adalah dari pihak USIM. Majlis ini merupakan penyambungan perjanjian antara kedua institusi bagi kali yang keempat memandangkan tempoh perjanjian sebelum ini telah tamat pada sesi akademik 2021/2022 atau lebih tepatnya pada 12 Julai 2022.



KUNJUNG HORMAT TKPP JAKIM KE DQ

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) JAKIM, Tuan Haji Ahmad Fuad bin Afandi bersama pegawai-pegawai Sektor Pengurusan telah mengadakan kunjung hormat ke Darul Quran. Kunjungan ini diadakan bertujuan meninjau operasi di Darul Quran sebagai salah satu Bahagian berstatus Pusat Tanggungjawab (PTJ) JAKIM.

Pertemuan ini dimulakan dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pendaftar Darul Quran. Seterusnya



penyampaian amanat oleh Tuan Haji Ahmad Fuad yang memberi fokus kepada isu-isu pengurusan kewangan khususnya tanggungjawab PTJ.

Dalam sesi kunjung hormat ini, Tuan Haji Ahmad Fuad turut mengambil peluang melawat bangunan-bangunan asrama, cafeteria dan kuarters kakitangan. Semoga kunjungan ini dapat meningkat lagi kualiti pengurusan Darul Quran.



SABAH JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN PENGETUA-PENGETUA MTQN PERINGKAT KEBANGSAAN KE-41

Darul Quran JAKIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) melalui Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sabah (ITQAS) telah berjaya mengadakan Persidangan Pengetua-Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) Peringkat Kebangsaan Ke-41. Penganjuran persidangan pada kali ini telah diadakan di Borneo Royale Hotel Tawau, Sabah. Persidangan yang bermula dari 20 hingga 22 Jun 2023 ini telah disempurnakan perasmianya oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah (Hal Ehwal Islam), Datuk Haji Ruslan bin Muhamar.

Antara tujuan utama persidangan ini diadakan adalah untuk: Menyampaikan keputusan dasar yang diluluskan oleh Lembaga Darul Quran JAKIM;

- Menyelaras aktiviti akademik, penaziran dan peperiksaan;
- Menyampaikan pandangan dan cadangan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan tahfiz al-Quran;
- Merangka aktiviti untuk merapatkan hubungan antara Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) sama ada di peringkat pengurusan, pensyarah dan pelajar.



AHLI LEMBAGA DQ BERSIDANG KALI KE-40

Mesyuarat Lembaga Darul Quran JAKIM Bilangan 40 telah bersidang di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 8 Blok A, Kompleks Islam Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff merangkap Pengerusi Lembaga Darul Quran JAKIM.

Mesyuarat Lembaga pada kali ini telah membincangkan lima kertas cadangan dan satu kertas makluman. Antara ahli yang hadir pada kali ini ialah Tan Sri Othman bin Mustapha, Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman bin Haji Abdullah, Dato' Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Tuan Haji Ruslan bin Said, Tuan

Haji Ahmad Fuat bin Apandi, Puan Roslina binti Shafawi, Prof. Dr. Mohd Radhi bin Ibrahim, Prof. Dr. Ahmad Faris bin Ismail, Prof. Dr. Mohd. Fauzi bin Hamat, Tuan Jamalullail bin Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Ahmad Sunawari bin Long dan Tuan Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim selaku Setiausaha.

Datuk Pengerusi merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli lembaga atas sumbangan dalam memberi idea serta pandangan yang baik demi memastikan kelangsungan institusi tahniz terutamanya Darul Quran JAKIM terus berada di persada perdana.



63 PENSYARAH DQ & LTDQ DIRAIKAN DALAM MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL KURSUS PENSIJILAN PDP

Seramai 63 orang pensyarah Darul Quran dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) telah diraikan dalam Majlis Penganugerahan Sijil Kursus Pensijilan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bertempat di Dewan Auditorium Utama, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), UPSI, Tanjung Malim, Perak. Majlis ini diadakan bagi meraikan kejayaan para penerima sijil Kursus Pensijilan PdP Siri 5 Tahun 2019 dan Siri 6 Tahun 2022. Majlis penganugerahan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Akademik & Antarabangsa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dr. Abdul Rahim Razalli.

Kursus PdP Pensyarah DQ dan LTDQ yang diadakan sejak tahun 2015 merupakan program anjuran bersama antara

Pusat Pembangunan Akademik UPSI dengan Darul Quran. Para peserta yang terlibat merupakan pensyarah-pensyarah DQ dan LTDQ. Sementara penceramah kursus pula terdiri daripada para pensyarah UPSI. Objektif utama penganugerahan kursus ini adalah untuk memantapkan kemahiran PdP serta penambahan pengetahuan terkini dalam kalangan pensyarah DQ dan LTDQ.

Semoga dengan penganugerahan sijil tersebut meningkatkan lagi kualiti serta penyampaian PdP di Darul Quran dan LTDQ. Diharapkan ia akan meningkatkan lagi semangat para pensyarah dalam usaha *“melahirkan generasi al-Quran yang bertaqwa, berilmu serta bermanfaat kepada pembangunan negara dan ummah”*.



657 GRADUAN DIRAI DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN DQ KE-31

Sekalung syabas dan tahniah diucapkan kepada seramai 657 orang graduan telah diraikan pada dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM Ke-31 yang bertempat di Dewan Muktamar, Darul Quran Kuala Kubu Bharu. Majlis yang gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Graduan yang telah diraikan ini adalah merupakan daripada pelbagai program pengajian yang ditawarkan di Darul Quran. Pecahan jumlah tersebut adalah sebagaimana berikut:

- 39 orang penerima Sijil Tamat Pengajian daripada Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama Dengan USIM;
- 472 orang graduan daripada Program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat;
- 128 orang graduan daripada Program Pensijilan Tahfiz al-Quran bagi kolaborasi JAKIM-IIUM (International Islamic University Malaysia), JAKIM-UNITEN (Universiti Tenaga Nasional), JAKIM-UoC (University of Cyberjaya), JAKIM-UTeM (Universiti Teknikal Malaysia Melaka), JAKIM-PSA (Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah) dan JAKIM-IPGKPI (Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam);
- 5 orang graduan Program Sijil Asas Tahfiz Darul Quran; dan
- 12 orang perantis Program Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Bidang Pengurusan Masjid.



DQ PENGANJUR BERSAMA PROGRAM LIQA' AHLIL QURAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Darul Quran dan Masjid Negara dengan kerjasama Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA Al-Quran) serta Majlis Tahfiz Asia Tenggara (MATA) telah menganjurkan program Liqa' Ahlil Quran. Liqa' Ahlil Quran yang diadakan di Dewan Syarahan Masjid Negara ini merupakan program perkongsian ilmu oleh empat orang Hakim Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa bagi Tahun 2023. Empat orang hakim tersebut ialah Prof. Dr. Ahmed Isa El-Masarawy dari Mesir, Dr. Abdul Rashid Sufi dari Qatar, Dr. Samih Ahmad Khaled Athamneh dari Jordan dan Dr. Mohammed Ali Aatafay dari Morocco.

Program ini diadakan bagi mengambil peluang dan kesempatan keberadaan tokoh-tokoh al-Quran bertaraf dunia

yang menjadi hakim di Malaysia sempena Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa bagi Tahun 2023. Para peserta yang dijemput untuk menyertai program ini pula merupakan para huffaz dari seluruh Malaysia.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusoff. Turut hadir Dato' Dr. Haji Zulkifle bin Haji Ali Al-Hafiz, Pengurus MATA merangkap Pengarah Jabatan Agama Islam Pahang, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Tuan Haji Ruslan bin Said serta Penasihat MATA, Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz yang juga mantan Ketua Pengarah JAKIM dan Pengetua Darul Quran.



PELAJAR DQ SANTUNI KOMUNITI KAMPUNG TEPI LAUT, PULAU TUBA, LANGKAWI

Pelajar-pelajar semester lima daripada Syukbah Qiraat Hamzah dan Khallad telah turun menyantuni penduduk Kampung Tepi Laut, Pulau Tuba, Langkawi bermula 6 hingga 8 Oktober 2023. Aktiviti ini merupakan Program Khidmat Masyarakat iaitu sebahagian daripada keperluan bagi kursus pengajian Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat Darul Quran JAKIM.

Antara objektif pelaksanaan aktiviti ini ialah mendedahkan para pelajar dengan kemahiran sosial bersama masyarakat. Selain itu, para pelajar juga dapat menyampaikan dakwah serta ilmu al-Quran kepada masyarakat setempat. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh Pengarah Darul Quran, Haji Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim.



CATATAN



Blok A dan B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 Putrajaya



03-8870 7000

03-8870 7003

ukkjakim@islam.gov.my